

"BERKAT perpaduan, permuafakatan dan persefahaman serta suasana kehidupan yang harmoni, insya-Allah, kemakmuran, kesejahteraan dan kestabilan negara akan terus terjamin." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2001.



"BARANGSIAPA yang makan makanan yang baik dan beramal mengikut Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyelamatkan manusia dari perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh mereka nescaya dia akan memasuki Syurga." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tahun 2002 tahun yang banyak diwarnai oleh peristiwa

ASEAN menghadapi cabaran lebih besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, bagi banyak negara, tahun 2002 merupakan tahun yang banyak diwarnai oleh peristiwa-peristiwa pahit dan berdarah akibat dari perbuatan-perbuatan pihak penganas dan pelampau.

"Keadaan sedemikian itu memberikan kesedaran dan keinsafan kepada kita betapa keamanan dan kesejahteraan itu bukanlah sesuatu yang remeh yang mudah didapati," titah baginda sempena Tahun Baru Masihi 2003.

"Kejadian-kejadian yang sungguh mengejutkan yang menggugat keselamatan dan ketenteraman, seperti kejadian letupan bom yang meragut banyak jiwa, dahulunya hanyalah dikaitkan dengan tempat-tempat yang jauh dari rantau Asia Tenggara, tetapi kini kejadian-kejadian sedemikian itu sudah berlaku pula di beberapa buah kota atau bandar raya di sebahagian negara ASEAN sendiri," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena sambutan Tahun Baru Masihi 2003.

Kejadian-kejadian tersebut titah baginda, telah menjejaskan bukan saja industri pelancongan di negara-negara berkenaan

bahkan juga imej rantau Asia Tenggara, termasuk bidang perdagangan dan pelaburan.

Baginda seterusnya bertitah, jika dahulu cabaran besar bagi ASEAN ialah untuk mengatasi keadaan ekonomi yang lembap yang dicituskan oleh krisis mata wang, tetapi sekarang cabaran yang dihadapi adalah lebih besar lagi iaitu krisis keyakinan di kalangan para pelabur asing dan pelancong terhadap rantau ini, semata-mata kerana perbuatan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Oleh itu mahu tidak mahu, isu pengesanan terpaksa juga diberikan perhatian, titah baginda.

Menurut baginda, kita tidak mampu lalai atau leka

Oleh Awangku Jefferi PD

terhadap keselamatan, kerana keselamatan adalah menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

"Dalam hubungan ini, pihak-pihak berwajib terutamanya agensi-agensi keselamatan perlulah sentiasa mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada selalu," titah baginda.

Demikian juga bagi rakyat dan penduduk hendaklah mengambil sikap yang sama dalam mengawal dan memelihara keselamatan tersebut, titah baginda.

Pada kesempatan ini juga baginda dan keluarga

sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2003 kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini, dan berdoa semoga keadaan aman, tenteram serta perpaduan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini akan terus berkekalan serta kita sekalian sentiasa dalam ketaatan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah sempena Tahun Baru Masihi 2003.



Belia: Jangan terpengaruh dengan pemikiran liar

BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda berharap, terutama kepada para belia agar sentiasa menginsafi serta

menghindarkan diri daripada dihindangi oleh pengaruh-pengaruh negatif yang boleh menjerumuskan mereka kepada perbuatan mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini.

Sehubungan dengan itu, dalam titah baginda mengingatkan, janganlah mudah terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran liar yang boleh merosakkan mereka sendiri dan juga negara, kerana yang akan rugi bukan saja orang lain, tetapi juga kita sendiri.

"Insya-Allah, berkat niat baik serta kerjasama yang erat oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini kepada pihak-pihak yang berwajib, maka dapatlah kita mengekalkan

keselamatan, keamanan dan kesejahteraan serta perpaduan di kalangan sesama kita," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha bertitah demikian sempena sambutan Tahun Baru Masihi 2003 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei seluruh negara.

Baginda kemudiannya bertitah, pada sepanjang tahun 2002, negara kita dapat terus aktif memainkan peranan selaku anggota masyarakat antarabangsa melalui penglibatan dalam persidangan-persidangan yang bersifat seran-

tau dan antarabangsa.

Di antaranya, titah baginda ialah penyertaan negara di Sidang Kemuncak APEC di Mexico, diikuti Sidang Kemuncak ASEAN di Kemboja, negara kita telah juga menjadi tuan rumah kepada beberapa persidangan serantau dan antarabangsa di peringkat menteri seperti ARF, AMM, AEM dan AMRI.

Dengan tidak mengabaikan kepentingan dalam, titah baginda, pada sepanjang tahun 2002 juga, kerajaan baginda telah meneruskan usaha-usaha pada meningkatkan kemajuan dan pembangunan negara termasuk infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam, semata-mata bagi kesejahteraan serta keselamatan hidup

rakyat dan penduduk negara ini.

"Beta sentiasa turut menaruh harapan agar pihak swasta dan orang ramai akan terus bekerjasama dengan pihak kerajaan dan sektor awam dalam menjayakan usaha-usaha kemajuan dan pembangunan," titah baginda.

Di samping itu, titah baginda, usaha padu menangani masalah-masalah sosial juga, yang telah diterajui oleh kementerian yang berkenaan hendaklah terus dijalankan, kerana hasil yang diharapkan hanya akan dapat dicapai bilamana terdapat komitmen serta usaha gigih lagi padu dari semua pihak yang berkenaan.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Agihan wang zakat memenuhi keperluan yang berhak
- Muka 2

Pertandingan Mencipta Logo AEY

- Muka 3

Berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya anjuran Persatuan Wanita Brunei Shell

- Muka 4 dan 5

Melirik Masa Silam

Gerakan Belia, Seni dan Politik
- Muka 6

Jubli Emas 50 Tahun Kg. Bunut Perpindahan

- Muka 8 dan 9

Pastikan hubungan dengan Allah baik

- Muka 3 ANEKA

2.5 juta seluruh dunia menderita kurang penglihatan

- Muka 5 ANEKA

Remaja : Kawan

- Muka 7 ANEKA

Sikap Awda Adalah Segalanya

- Muka 8 dan 9 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm e-mel: pelita@brunet.bn TALIAN PENTING PELITA BRUNEI 02 383941 / 02 383804 / 02 382192 Faks : 02 381004 / 02 380507

TAHUKAH AWDA

PERJANJIAN bagi penjualan minyak Brunei kepada China telah ditandatangani pada 17 November 2000 di antara China International United Petroleum and Chemical Company Limited (UNIPCC) dengan Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad. Di bawah perjanjian ini, Negara Brunei Darussalam akan mengeksport minyak mentah bermutu tinggi ke Republik Rakyat China sejumlah 10,000 tong sehari. Sumber : Hubungan Persahabatan dan Kerjasama China - Brunei Dijangka Berkembang Secara Menyeluruh Dalam Alaf Baru. Kertas Kerja Seminar Bersama Hubungan China-Brunei sempena Ulang Tahun Ke-10 Hubungan Diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China (2001:10).

HALUAN...



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain di Majlis Penyampaian Bahagian Wang Zakat Kepada Asnaf Fakir/Miskin dan Muafak Daerah Brunei dan Muara Bagi Tahun 1423/2002M pada 23 Ramadan 1423/28 November 2002 Masihi di bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas..

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu kaola saya dengan penuh hormat dan sukacitanya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Dimuliakan untuk hadir ke Majlis Penyampaian Bahagian Wang Zakat dan seterusnya menyampaikannya kepada penerima-penerima pada pagi ini nanti.

Sukacita dimaklumkan bahawa pada tahun ini, Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat Majlis Ugama Islam telah bersetuju untuk mengagihkan bahagian wang zakat kepada mereka yang berhak menerimanya seperti berikut :

Bagi fakir/miskin, setiap ketua keluarga akan menerima sebanyak \$900.00 seorang. Pengagihan wang sebanyak \$900.00 ini akan dibuat sebanyak dua kali yang mana \$500.00 akan diserahkan sebelum Hari Raya ini. Manakala bakinya akan diserahkan kemudian.

Bagi tanggungan mereka pula, akan menerima sebanyak \$450.00 seorang. Pengagihan wang sebanyak \$450.00 itu juga akan dibuat sebanyak dua kali yang mana \$250.00 akan diserahkan kepada mereka sebelum Hari Raya dan bakinya akan diserahkan kemudian.

Bagi muafak, setiap orang (ketua keluarga dan tanggungan) akan menerima sebanyak \$250.00 dan ianya akan diserahkan kesemuanya sekali sahaja iaitu sebelum Hari Raya ini.

SAYUGIA juga diingatkan supaya biskita akan dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya agihan wang zakat yang biskita terima bagi keperluan-keperluan yang difikirkan perlu dan elakkanlah dari membelanjakannya bagi perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan jauhilah pembaziran.

Agihan wang zakat memenuhi keperluan yang berhak

Pada tahun ini, jumlah fakir miskin dan muafak yang akan menerima agihan wang zakat di Daerah Tutong ini adalah seperti berikut :

Fakir miskin yang disokong untuk diagihkan bahagian wang zakat adalah seramai 544 orang yang terdiri dari 466 orang ketua keluarga dan 77 orang tanggungan.

Muafak yang disokong untuk diagihkan bahagian wang zakat ini adalah seramai 1,019 yang terdiri dari 664 orang muafak dan 355 orang tanggungan.

Jumlah keseluruhan penerima-penerima bahagian wang zakat bagi Daerah Tutong pada tahun ini ialah seramai 1,562 orang.

Manakala jumlah keseluruhan wang zakat yang diagihkan ialah sebanyak \$507,000.00.

Pada majlis kita pada pagi ini, seramai 50 orang fakir miskin dan muafak akan menerima bahagian wang zakat mereka, yang mana akan disempurnakan oleh tetamu kehormat kita pagi ini.

Manakala penerima-penerima lain akan diserahkan bahagian mereka melalui amil-amil yang telah ditentukan selepas majlis ini nanti.

Untuk makluman Yang Dimuliakan serta hadirin hadirat sekalian, selain dari pengagihan bahagian wang zakat bersempena dengan menjelang Hari Raya ini, pihak Majlis Ugama Islam juga mempunyai program-program agihan yang lain seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan membina/membaiki/membayar sewa rumah, bantuan bayaran perubatan, bantuan bimbingan asas dan bimbingan lanjutan muafak serta lain-lain bantuan lagi.

Sebagai contohnya, baru-baru ini pihak Majlis Ugama Islam melalui Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong telah memberikan bantuan bahagian wang zakat kepada beberapa orang penerima, seperti bantuan membaiki rumah bagi mangsa angin ribut di Kampong Kuala Ungar, Mukim Rambai dan bantuan kewangan serta-merta kepada mangsa kebakaran di Kampong Kiudang.

Kepada penerima-penerima agihan wang zakat di daerah ini, apa yang diharapkan semoga agihan wang zakat yang biskita terima itu dapat memenuhi sedikit sebanyak keperluan-keperluan biskita dan keluarga.

Sayugia juga diingatkan supaya biskita akan dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya agihan wang zakat yang biskita terima bagi keperluan-keperluan yang difikirkan perlu dan elakkanlah dari membelanjakannya bagi perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan jauhilah pembaziran.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi kaola, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Dimuliakan hadir di majlis ini dan seterusnya akan menyempurnakan penyampaian. Terima kasih juga di atas kehadiran jemputan-jemputan khas serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus dan berusaha menyumbangkan tenaga dan fikiran untuk menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga Allah memberkati kita semua. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



1 JANUARI 2003 BERSAMAAN 1423 27 شوال

ASEAN HADAPI KRISIS KEYAKINAN PELABURAN DAN PELANCONG

SEDANG banyak negara masih bergelut dan berjuang ke arah pemulihan ekonomi masing-masing, dalam masa yang sama dunia mengemblem usaha ke arah keselamatan berikutan kejadian-kejadian mengejutkan yang menggugat keselamatan dan keamanan seperti letupan bom yang meragut banyak jiwa yang dilakukan oleh pihak pengganas dan pelampau. Dahulunya kita di rantau Asia Tenggara jauh dari kejadian-kejadian malang tersebut dan hanya mendengar khabar atau mengikuti melalui media massa, tetapi kini kejadian-kejadian yang tidak diingini itu sudah berlaku di beberapa buah bandar raya di sebahagian negara ASEAN sendiri.

Kesan dari kejadian-kejadian itu bukan sahaja telah membawa padah buruk kepada industri pelancongan di negara-negara berkenaan, bahkan juga imej rantau Asia Tenggara termasuk bidang perdagangan dan pelaburan.

Maka cabaran besar yang dihadapi oleh ASEAN sekarang bukan lagi untuk mengatasi dan menangani keadaan ekonomi yang lembap yang dicetuskan oleh krisis kewangan, tetapi ada lagi cabaran yang lebih besar iaitu krisis keyakinan di kalangan para pelabur asing dan pelancong terhadap rantau berkenaan disebabkan oleh perbuatan keganasan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Pelancongan dan pelaburan sudah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat ASEAN.

Dalam hubungan ini, raja kita yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat terhadap perkara tersebut sebagaimana yang baginda sampaikan dalam titah-titah baginda sama ada di dalam negeri mahupun di forum-forum antarabangsa, di mana Negara Brunei Darussalam mengutuk sebarang bentuk keganasan dan bersedia bekerjasama dengan manamana negara untuk menangani keganasan.

Dalam titah perutusan sempena Tahun Baru Masihi 2003, baginda sekali lagi menyentuh kejadian-kejadian keganasan tersebut. Dengan tegas baginda menekankan dalam titah tersebut, mahu tidak mahu, isu keganasan terpaksa juga diberikan perhatian. Kita tidak mampu untuk lalai atau leka terhadap keselamatan. Kerana keselamatan adalah menjadi penentu kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Ketegasan baginda itu membuktikan komitmen dan kesungguhan baginda dalam membanteras keganasan dan memperjuangkan keamanan ke arah kesejahteraan dan keselamatan rakyat, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam malahan juga warga dunia seluruhnya. Sikap baginda itu juga merupakan satu 'signal' kepada pihak-pihak yang berwajib terutamanya agensi-agensi keselamatan perlulah mengambil sikap sentiasa berhati-hati dan berwaspada selalu. Sejalan dengan itu rakyat dan penduduk juga mestilah mengambil sikap yang sama dalam mengawal dan memelihara keselamatan negara kita ini.

Kita patut menyedari bahawa pihak-pihak yang menaja keganasan tersebut sangat bijak menaja pengaruh termasuk melalui pujuk rayu dan tipu muslihat mereka. Oleh itu kita haruslah mempersiapkan anak bangsa kita terutamanya para belia dengan semangat cintakan keamanan dan bertanggungjawab. Dalam titah perutusan tersebut baginda juga mengingatkan para belia supaya sentiasa menginsafi dan menghindarkan diri daripada dihindangi oleh pengaruh-pengaruh negatif yang boleh menjerumuskan mereka kepada perbuatan mengganggu gugat keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini.

Baginda menegaskan kepada belia-belia supaya jangan mudah terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran liar yang boleh merosakkan mereka sendiri dan juga negara. Kerana sikap tersebut bukan sahaja merugikan orang lain tetapi juga kita sendiri.

Kunci ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan itu ialah niat baik dan kerjasama yang erat oleh seluruh rakyat dan penduduk negara ini kepada pihak-pihak yang berwajib, yang mana dengan sikap tersebut juga insya-Allah kesejahteraan dan kemakmuran akan terus berpihak kepada kita.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU MASIHI 2003

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO AEY

KESULTANAN Kemboja akan menjadi tuan rumah Tahun Alam Sekitar ASEAN 2003 bertemakan 'Bersama Ke Arah Pembangunan Berterusan' yang akan dilancarkan di Seam Reap, Kemboja pada 3 Mac 2003.

Sambutan Tahun Alam Sekitar ASEAN (AEY) diadakan tidak tahun sekali untuk mempamerkan pencapaian dan komitmen ASEAN dalam penjagaan alam sekitar di samping meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu alam sekitar umumnya. Acara sepanjang tahun itu merangkumi aktiviti-aktiviti serantau dan antarabangsa yang berhubung kait dengan penjagaan alam sekitar dan pembangunan berterusan.

Sehubungan dengan sambutan AEY itu, pertandingan mencipta logo dibukakan kepada rakyat negara-negara ASEAN. Penyertaan dari institusi juga akan diterima asalkan pertubuhan itu terletak di negara-negara anggota ASEAN dan penyertaan dihantar oleh rakyat ASEAN bagi pihak organisasi tersebut.

Pihak penganjur akan menyediakan hadiah-hadiah seperti berikut:

Pemenang pertama akan menerima wang tunai AS\$500.00; semua perbelanjaan dari negara pemenang menghadiri pelancaran AEY di Seam Reap serta sijil penghargaan.

Hadiah kedua berupa wang tunai AS\$300.00 dan sijil penghargaan. Hadiah ketiga AS\$200.00 dan sijil penghargaan, manakala pemenang keempat hingga kesepuluh akan menerima sijil penghargaan.

SYARAT PENYERTAAN

1. Logo hendaklah menonjolkan usaha-usaha anggota ASEAN dalam mempromosikan penjagaan alam sekitar dan pembangunan berterusan.

2. Logo hendaklah membawa nama acara: ASEAN Environment Year 2003 dan tema: 'Together Towards Sustainable Development'.

3. Selain dari itu, logo juga hendaklah memaparkan Angkor Wat tempat pelancaran AEY 2003.

4. Penyertaan hendaklah mengandungi keterangan ringkas mengenai signifikansi lukisan dan warna yang terkandung dalam logo tersebut.

5. Semua logo hendaklah dibuat dalam kertas bersaiz A4.

6. Hanya penyertaan tulen (original) akan diterima dan akan kekal menjadi milik Kerajaan Kemboja dan boleh digunakan untuk sebarang tujuan yang bersesuaian.

Penyertaan hendaklah sampai kepada alamat di bawah tidak lewat pada 15 Januari 2003.

Mr. Khiew Muth,
Director General,
Ministry of Environment,
No. 48 Preah Sihanouk, Tonle Bassac, Chamkarmon,
Phnom Penh, Cambodia.
No. telefon: (855-23) 212540, (855-12) 886745
No. faks: (855-23) 212540, 215925
E-mel: moe@bigpond.com.kh, moepsp@yahoo.com, povth@yahoo.com.sg



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Hamid ketika menerima sumbangan dari Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan bagi Tabung Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Masri Osman.

Tabung Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah terima sumbangan

Oleh Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Disember. - Tabung Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerima sumbangan derma berjumlah \$41,662.92 dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Derma tersebut telah diserahkan oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Hassan kepada Timbalan Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Hamid selaku Sekretariat Projek Pembangunan Masjid berlangsung di Bangunan Sekretariat di ibu negara.

Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah terletak di Kampong Jangsak,

Gadong kira-kira 14 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Pembinaannya bermula 2 September 1990 dengan menelan belanja kira-kira \$4,136,070.00 merupakan hasil kutipan derma daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang beragama Islam serta bantuan daripada Majlis Ugama Islam Brunei. Masjid berkenaan boleh menampung kira-kira 1,200 jemaah mula digunakan pada 20 April 1999 dilengkapi dengan beberapa kemudahan asas yang serba moden.

Rombongan dari China lawat Jabatan Undang-Undang

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Disember. - Pendakwa Raya Agung, Perkhidmatan Pendakwaan Mahkamah Tinggi, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zhu-bin dan rombongan telah mengadakan lawatan ke Jabatan Undang-Undang di

Jalan Tutong.

Rombongan tersebut telah dialu-alukan oleh Peguam Negara, Dato Paduka Awang Haji Kifrawi bin Haji Kifli dan pegawai-pegawai dari Jabatan Undang-Undang.

Ketika berada di negara

ini, Tuan Yang Terutama dan rombongan juga berkesempatan melawat tempat-tempat menarik di negara ini seperti Kampong Ayer, Bangunan Alat Kebesaran Diraja, Muzium Brunei, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan lain-lain lagi.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

KENAPA ELAUN LAMBAT?

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PELITA BRUNEI kerana menyiarkan surat aduan saya pada kali ini.

Saya adalah salah seorang penuntut baru di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. Saya memasuki maktab ini pada bulan Julai yang lalu. Terus-terang saya katakan bahawa saya amat bersyukur atas penerimaan dan berterima kasih atas segala kemudahan yang diberikan, seperti elaun yang layak saya terima iaitu sebanyak \$210.00 sebulan.

Namun apa yang mengecewakan saya dan penuntut yang lain ialah masalah elaun yang 'terlalu' lambat untuk diterima. Mengikut 'prosedur' maktab ini, setiap penuntut baru akan menerima elaun tiga bulan selepas minggu pertama diterima masuk ke maktab ini, tetapi hingga sekarang saya masih belum menerima apa-apa.

Sebagai anak yatim, saya bergantung penuh kepada elaun tersebut untuk membeli peralatan pembelajaran saya seperti buku-buku dan sebuah unit komputer untuk membuat 'assignment' yang diberikan. Ya! Saya boleh menumpang dan meminjam komputer orang lain untuk membuat segala kerja rumah dan 'assignment' yang diberikan oleh guru saya, tetapi apakah saya harus menumpang dan meminjam komputer orang lain sepanjang pengajian saya yang mengambil masa dua setengah tahun?

Saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan dapat mempercepatkan dan menyelesaikan masalah ini yang telah wujud bertahun-tahun lamanya. Ingatlah teknologi sekarang semakin canggih, tetapi yang menghairankan masalah ini masih belum dapat diselesaikan. Usaha menyelesaikan dan menyeksa para penuntut di maktab ini, terutama sekali anak yatim seperti saya, hanya kerana kepentingan peribadi sesetengah pihak yang mudah melalaikan urusan elaun para penuntut.

Sekian terima kasih.

Watie

Senyum
Budiman



TYT Han Zhu-bin, Pendakwa Raya Agung, Perkhidmatan Pendakwaan Mahkamah Tinggi, Republik Rakyat China dan rombongan ketika mengadakan lawatan ke Jabatan Undang-Undang di ibu negara. - Gambar oleh Harun HR.

Berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya anjuran Persatuan Wanita Brunei Shell

SERIA, 22 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Hari Raya bersama ahli-ahli Persatuan Wanita Brunei Shell yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) Jalan Tengah di sini.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja di Padang Arena telah dijunjung oleh Yang Dipertua Persatuan berkenaan, Datin Paduka Dayang Hayati; Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Chris Finlayson dan isteri serta Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Hanafiah dan isteri.

Dari sana baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung berangkat ke Dewan Galeri OGDC. Di sana baginda dijunjung oleh Naib Yang Dipertua persatuan, Dayang Masni binti Munir; Timbalan Pengarah Urusan BSP merangkap Pengarah Hal

**Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh Masri Osman dan
Haji Masmaleh HMA**

Ehwal Luar dan Sumber Manusia, Awang Haji Mohd. Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali; Ketua

Perkhidmatan dan Perhubungan Sumber Manusia, Awang Haji Zaini bin Omar dan Penasihat Hal Ehwal Luar Korporat, Pengiran Haji Hassan serta ahli-ahli persatuan.

Majlis anjuran Persatuan Wanita Brunei Shell dengan kerjasama pegawai dan kakitangan BSP, Brunei LNG, Brunei Shell Marketing (BSM) dan Brunei Shell Tankers (BST) dimulakan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Dipertua persatuan yang antara lain menerangkan mengenai penubuhan persatuan tersebut yang didaftarkan awal tahun ini.

Menurut Datin Paduka Dayang Hayati, persatuan tersebut berhasrat untuk memberikan kerjasama dan sumbangannya dalam bentuk yang boleh difikirkan bersama kepada agensi-agensi kerajaan dan badan yang telah diberi mandat untuk menangani masalah belia.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) dijunjung oleh pegawai-pegawai kanan dan kakitangan BSP serta ahli-ahli Persatuan Wanita Brunei Shell (atas dan bawah).

Selain itu katanya, persatuan itu juga berhasrat bekerjasama untuk menjalankan aktiviti amal dan berkebajikan selain menganjurkan aktiviti-aktiviti belia serta aktiviti yang dapat memupuk rasa sayang kepada alam sekitar dan mengukuhkan konsep kekeluargaan yang mustahak bagi perkembangan anak-anak dan keluarga.

Dalam waktu yang sama persatuan juga jelasnya, amat menyedari tanggungjawabnya membantu kerajaan untuk

memupuk semangat cintakan raja, agama, bangsa dan negara serta menjadi masyarakat penyayang.

"Walaupun semua ini masih dalam perancangan dan tidak dapat dicapai dalam tempoh yang singkat, persatuan ini bertekad untuk mencapai matlamatnya sebagai persatuan yang proaktif memberi sumbangan ke arah pembangunan negara," katanya.

Lihat muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan melepaskan beberapa ekor burung merpati putih ke angkasa sebagai simbol kemurnian, keamanan dan keharmonian persatuan tersebut.




BAGINDA ketika disambangkan penerangan mengenai pameran teknologi dan gambar-gambar penemuan industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli Persatuan Wanita Brunei Shell (atas).

AHLI-AHLI Persatuan Wanita Brunei Shell mempersembahkan lagu Hari Raya di majlis tersebut (kiri).



SETIBA di Galeri Penemuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung bagi menyaksikan pemaparan penemuan alam semesta, muka bumi dan molekul hidrokarbon oleh beberapa orang pegawai (atas kanan dan kiri).



Dari muka 4

Majlis diserikan dengan persembahan lagu Hari Raya daripada ahli-ahli persatuan. Seterusnya baginda dijunjung berangkat ke dewan pameran untuk menandatangani buku lawatan dan seterusnya menyaksikan pameran teknologi.

Pusat berharga kira-kira B\$8 juta itu telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 September 2002 merupakan projek yang dibiayai bersama BSP dan Eksplorasi serta Pengeluaran Shell Antarabangsa.

OGDC dibina di atas hasrat untuk mempromosikan kegiatan dan perkembangan minyak dan gas sebagai sumber utama ekonomi Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menggalakkan minat ke arah perkembangan sains dan teknologi dengan matlamat meningkatkan lagi pendidikan dan pengetahuan di bidang berkenaan.

Sejak perasmian, pusat tersebut telah menerima hampir 10,000 orang pelawat termasuk tetamu kenamaan dari

dalam dan luar negara, pelajar sekolah dan pelawat serta pelancong dari negara asing.

Dewan pameran interaktif di pusat tersebut mengandungi kawasan orientasi dan tujuh buah galeri mempamerkan penerokaan, penghasilan dan kegiatan-kegiatan berhubung teknologi terkini industri minyak dan gas. Galeri juga mempamerkan bentuk muka bumi, penerokaan, pengalihan dan penghasilan serta peluang-peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh rakyat negara ini dalam industri minyak dan gas. Selain itu pameran juga memperlihatkan simulasi sains misalannya keadaan gempa bumi, simulasi gerakan angin puting beliung dalam bilik kaca khas dan memperkenalkan kanak-kanak kepada dunia sains dan kejuruteraan.

Dari dewan pameran, baginda dan ahli-ahli kerabat diraja dijunjung berangkat menyaksikan kawasan sekitar OGDC yang mempunyai kawasan kemudahan riadah, taman permainan kanak-kanak, kafeteria dengan tujuan utamanya memberikan keseronokan kepada pengunjung. Baginda dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan menyaksikan persembahan senaman 'tai chi' dan silat.

Baginda juga berkenan melepaskan beberapa ekor burung merpati putih ke angkasa. Menurut pihak penganjur, acara tersebut diadakan sebagai simbol kemurnian, keamanan dan keharmonian persatuan tersebut.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli persatuan. Pada masa ini, persatuan tersebut mempunyai 150 orang ahli.

Baginda berkenan menyaksikan lebih dekat lagi kawasan permainan kanak-kanak yang menjurus kepada dunia sains dan kejuruteraan (atas kanan dan atas).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan pameran di Dewan Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) (bawah).



BAGINDA berkenan menyaksikan keindahan sekitar OGDC yang mempunyai kawasan kemudahan riadah, taman permainan kanak-kanak dan kafeteria (kiri).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan pameran teknologi (bawah).



ERA 1960-an banyak menawarkan sesuatu yang baharu bagi negara. Era tersebut dapat dikatakan banyak mencerminkan hal-hal yang agak penting pada masa kini, antaranya, banyak yang menjadi isi kepada dokumentasi sejarah negara. Seperti tajuknya di atas, ketiga-tiga elemen itu seperti kait-berkait dan masing-masing pihak turut berperanan menurut bahagian masing-masing yang diceburi oleh mereka. Kaum belia yang ada pada waktu itu, terutama yang aktif dengan pertubuhan masing-masing adalah tidak terkecuali. Mereka memikul tanggungjawab pada bidang-bidang yang juga mereka ceburi.

Ketiga-tiga elemen itu, nampak benar disandarkan juga kepada kaum belia bilamana ada bahagian-bahagian yang juga dianggap perlu penglibatan belia. Ini berlaku disebabkan belia waktu itu aktif dengan kegiatan-kegiatan yang lebih menjurus kepada kebudayaan dan kesenian. Sedang dalam kebudayaan dan kesenian itu sendiri lebih banyak malah hampir menyeluruh bersandarkan kepada teras sesuatu bangsa yang memiliki seni budaya masing-masing yang juga berkait rapat dengan sejarah masing-masing, politik masing-masing dan langkah serta usaha masing-masing. Dengan demikian, apabila negara kita turut sama berkecimpung dalam arena tersebut, maka tidak boleh tidak ketiga-tiga elemen itu akan juga terkait biarpun ianya hanya melalui gerakan seni dan budaya yang merupakan satu sudut yang jelas berkembang pada waktu itu dan hampir semua perubahan-pertubahan belia bergiat aktif di dalam mengembangkan atau mengenhakkan budaya bangsa masing-masing untuk diperkenalkan kepada orang lain yang juga berperanan sama pada aspek yang sama.

Ini terjadi pada sekitar tahun-tahun tersebut di mana mula timbul kesedaran betapa pentingnya 'semacam usaha pewujudan semangat kerantauan' atas konsep penyatuan dan hakikat untuk maju dan menjadi anggota dunia dengan lebih bermakna lagi. Di bawah kerangka itu, maka timbul usaha dengan merealisasikan projek-projek kebudayaan dan kesenian yang dikira dapat menjaga matlamat kerantauan yang bersatu padu di bawah kesatuan yang lebih besar dan diyakini dapat mempercepat, melahirkan, membuka dan meluaskan bidang-bidang yang boleh menjamin kelanjutan yang menjamin

MELIRIK MASA SILAM

GERAKAN BELIA, SENI DAN POLITIK

harapan penerusan hidup yang lebih baik, lebih sempurna di kalangan generasi berikutnya.

Begitulah agaknya antara pendekatan politik yang mempergunakan lain-lain bidang kehidupan masyarakat di negara-negara yang berkaitan itu terutamanya bidang seni dan budaya bangsa, puak dan penduduk masing-masing, tegasnya dimanfaatkan untuk tujuan merapatkan hubungan yang kemudiannya boleh pula memperkuat peningkatan semangat bekerjasama dalam bidang-bidang lain seperti ekonomi, pendidikan dan pelbagai kejuruan yang tentunya saling perlu-memerlukan.

Di sinilah, golongan belia mengambil peranan dalam membantu jalinan ikatan kerjasama yang demikian melalui projek-projek yang dapat mengangkat dan menggambarkan budaya dan seni masing-masing. Kenyataannya bahawa dari segi budaya sahaja, kumpulan belia Brunei berusaha keras menggali dan memperkenalkan seni yang kita miliki dan dalam waktu yang sama mereka juga memperlihatkan seni yang mereka miliki yang tidak terlah jauh berbeza dengan apa yang terdapat dalam seni dan budaya milik negeri-negeri yang dilawati seperti Republik Singapura dan beberapa negeri di Tanah Melayu seperti Pulau Pinang, Perak (Ipoh) dan di Pantai Timur, Sarawak juga turut serta mengambil bahagian dan demikian juga Sabah.

Bermula dari sinilah, seni budaya masing-masing terus diperkembangkan dan kini semakin bertambah maju, malah timbul pula semakin banyaknya bidang-bidang seni yang lain hasil dari pendapatan yang baru digarap dan seterusnya diperkembangkan. Apa lagi apabila diserapkan kepada projek-projek pelancongan yang kini mengambil tempat yang cukup terkenal, maka dengan sendirinya budaya menjadi latar belakang yang penting dan mendapat peruntukan yang sangat wajar setelah mendapati unsur-unsur yang

dapat membantu memajukan bidang pelancongan itu berpotensi pula untuk mengukuhkan ekonomi negara selain dari memberi peluang yang luas untuk mengaktifkan rakyat dalam pelbagai usaha dan dengan demikian akan dapat mengurangkan sedikit sebanyak soal-soal yang berkaitan dengan pengangguran dan lain-lainnya.

Kenal-mengenal budaya masing-masing selaku warga dunia masa kini nampaknya telah mengambil tempat yang wajar sehingga beberapa usaha termeterai dalam memorandum-memorandum persefahaman yang ditandatangani untuk projek-projek yang dijangka dapat merapatkan lagi perhubungan persahabatan antara kedua-dua yang berkenaan. Dulu, perkara seumpama itu cuma berjalan melalui undangan penyertaan dalam pesta-pesta yang diadakan oleh negara-negara sahabat kepada kita. Untuk menyempurnakan undangan yang demikian itu, persatuan-persatuan belia dan kebudayaan banyak berperanan. Biasanya, ianya dilaksanakan secara kolektif mengikut keaktifan mereka yang bergiat dalam satu-satu bidang yang diperlukan untuk memenuhi keperluan undangan itu.

Maka itu, bila yang berkaitan dengan kebudayaan, khususnya di lapangan pementasan yang antara pengisiannya ialah seperti kegiatan drama, tari-tarian, nyanyian tradisi dan permainan alat-alat muzik tradisional dan lain-lain bidang yang mencerminkan kebudayaan tradisional kita adalah satu-satunya yang sangat-sangat diutamakan, terutamanya yang diamalkan oleh orang-orang Melayu kita dahulu. Kemudian, pengisiannya terus dikembangkan dengan pengisian budaya suku bangsa atau puak yang lain yang juga penduduk negara ini. Berlakunya hal ini adalah semata-mata untuk memperlihatkan yang kita juga mempunyai suku bangsa dan puak serta penduduk yang masing-masingnya mempunyai tradisi yang menggambarkan cara kehidupan masing-masing

dengan keunikan peralatan yang menjadi duku-angan kepada kegiatan harian mereka.

Hari ini, kita melihat bahawa perkembangan kebudayaan kita itu telah menduduki martabatnya yang wajar apabila ianya diperlukan dalam hampir setiap acara negara yang tidak sahaja diperingkat nasional bahkan di arena antarabangsa. Tentunya orang sekarang lebih istimewa dengan serba kemudahan dan kecanggihan-kecanggihan kemudahan untuk lebih mengelakkan lagi persembahannya. Dahulu adalah tetap dengan kedahuluannya yang bukan setakat kerana serba kekurangan bahkan juga lebih bersedia untuk berkorban, baik mengenai dengan masa mahupun wang ringgit sendiri. Dalam kes-kes yang tertentu, kecuali soal tambahan-menambah, yang lainnya adalah sendiri, selain dari meminjam pakaian-pakaian asli, peralatan-peralatan asli khususnya bunyi-bunyian dan seumpamanya, hatta setengah orang tidak sahaja bersedia mengorbankan cuti tahunan bahkan cuti tidak bergaji pun ada, apa lagi yang bekerja sendiri.

Namun semua itu tidak penting, yang penting ialah kepuasan dalam mencurah khidmat untuk keperluan bangsa dan negara. Selain dari itu, tidak juga disangkal, ianya adalah satu kesempatan untuk melihat negeri orang secara lebih baik berbanding dengan makan angin secara sendiri-sendiri. Maka soal menokok-tambah perbelanjaan yang dikorek dari kantung sendiri itu tidak pernah menjadi masalah orang-orang dahulu.

Namun sekarang, sangat berbeza. Sudah ada pengkhususan yang tidak setakat soal pegawai dan kakitangan yang khusus berkhidmat dan kemudahan-kemudahan yang lain, tetapi juga tenaga-tenaga yang lain dan peralatan-peralatan khusus, bukan pinjaman-meminjam, juga siap berkhidmat. Sesuai jika ianya dikatakan sebagai sesuatu yang memuaskan dan patut dihargai oleh masyarakat, biarpun tahap untuk mencapai serba kepuasan itu merupakan sesuatu yang sukar, apa lagi kalau kita sama-sama bersedia menerima hakikat tiada gading yang tiada retak. Namun tidak bererti bahawa dengan kecanggihan sekarang, hampir segalanya boleh. Mungkin tidak ada lagi gading yang retak. Dalam pada itu, yang segalanya sempurna itu adalah tetap terutuk milik Allah Yang Maha Pencipta. Kita hanya berusaha.

J/kuasa Penyelenggara Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin ditubuhkan oleh PPNBD

GADONG, 28 Disember. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelenggara Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin bagi tujuan mengadakan kutipan derma yang akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kebangsaan tabung tersebut.

Dalam Sidang Akhbar bersama Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Kebangsaan, Awang Haji Badar bin Haji Ali yang juga Pengerusi Tabung PPNBD menjelaskan bahawa mereka telah mengenal pasti tiga cara untuk mengutip derma sumbangan dari orang ramai.

Pertama dengan meletakkan tabung di Balai Ibadah PPNBD dan Dewan Serbaguna PPNBD yang terletak di Tingkat Lima bangunan PPNBD di Kilometer 6 Jalan Gadong.

Konvensyen Stockholm asas kepada program pengurangan pencemaran organik

BERAKAS, 17 Disember. - Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Mohd. Zakaria berkata penyertaan Negara Brunei Darussalam pada Konvensyen Stockholm pada 21 Mei 2002 mengenai projek pencemaran organik adalah sebagai asas kepada rancangan pelaksanaan program pengurangan dan seterusnya bagi penghapusan pelepasan bahan-bahan pencemaran organik.

Katanya, cadangan bagi bantuan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu-Kimia (UNEP) di negara ini adalah bagi mewujudkan pelan pelaksanaan peringkat kebangsaan selaras dengan persetujuan Konvensyen Stockholm tersebut.

Awang Haji Mohd. Zakaria menyatakan perkara tersebut ketika berucap di Majlis Perasmian Bengkel Penilaian Data Bagi Projek Pengawasan Dioksina Asia yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Katanya, Negara Brunei Darussalam akan maju dan dapat berkolaborasi serta bertukar-tukar maklumat, di samping menimba pengalaman mengenai masalah pelepasan bahan pencemaran dioksina dan furan bersama

Oleh Abdullah Asgar

"Cara kedua dengan menganjurkan kegiatan berbasikal jelajah kota secara bertaja yang akan dikendalikan bersama dengan persatuan-persatuan daerah," jelasnya.

Selain itu tambahnya, PPNBD juga mengenakan bayaran sewa gelanggang bulu tangkis di Dewan Serbaguna bagi tempoh dari 1 Februari hingga 30 Mac 2003, manakala tabung akan bermula dari 15 Januari hingga 15 April 2003.

Bagi persatuan-persatuan daerah pula katanya, akan mengadakan projek minggu kerja khas, mengadakan beberapa kegiatan yang bersesuaian bagi mengutip derma dari orang ramai dan juga mengadakan tabung secara bergerak, jualan garaj atau jualan khas dan kempen kebersihan secara

bertaja yang akan diadakan oleh Persatuan Pengakap Temburong.

Katanya, orang ramai yang ingin mendermakan secara langsung boleh terus menyampaikan derma masing-masing ke Pejabat Urusetia Jawatankuasa Tabung PPNBD di Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD Kilometer 6, Jalan Gadong atau melalui talian telefon 02-452312 atau 02-455550.

Manakala pada awal bulan ini serombongan Pesuruhjaya Pengakap PPNBD yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Kebangsaan, Awang Haji Badar bin Haji Ali telah menyumbangkan derma berupa pakaian dan keperluan harian kepada

11 kelimah mangsa kebakaran di Rumah Panjang Sungai Malayan, Kampong Lahi baru-baru ini yang diterima oleh Ketua Rumah Panjang berkenaan, Awang Ahjup.

Menurut Awang Haji Badar di samping menyampaikan sumbangan pihak PPNBD juga telah menawarkan bantuan secara mengadakan 'projek memucang-mucang' dengan memberikan bantuan tenaga dalam sama-sama mendirikan semula rumah panjang yang terbakar.

Kerja-kerja pembinaan semula rumah panjang itu akan bermula pada penghujung bulan ini tertakluk dari bantuan peralatan dan material yang diterima dari pihak berkenaan di Daerah Belait.

Oleh Abu Bakar HAR

Tindakan Kebangsaan di bawah Artikel 5 Konvensyen Stockholm.

Sementara Konvensyen Stockholm mengenai POPs adalah bagi melindungi kesihatan manusia dan juga persekitaran dari pencemaran bahan-bahan organik yang berterusan.

Antara jenis racun yang dikenal pasti oleh POPs yang dinyatakan kepada konvensyen tersebut termasuklah jenis racun serangga seperti alden, chlordane, dieldren, endrinheptachlore, ddt, mirex dan toxaphene.

Penyertaan perwakilan dalam bengkel itu bukan sahaja memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari malah dapat menimba pengalaman antara satu sama lain dalam situasi berbeza di negara masing-masing terutama dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran, kejadian serta sumbangan dari pelbagai sumber dioksina dan bahan-bahan furan.



TIMBALAN Ketua Pesuruhjaya Pengakap Kebangsaan, Awang Haji Badar ketika menjelaskan kepada media mengenai penubuhan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin oleh PPNBD. - Gambar oleh Pengiran Rafee POPHM.

Pameran Perdagangan A'bangsa beri peluang pasaran meluas

EMERIAH ARAB BERSATU, 21 Disember. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berada di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu bagi menghadiri Pameran Perdagangan Islam Ke-9.

Pameran tersebut yang berlangsung di Dewan Bandar Raya Universiti Sharjah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Dr. Sheikh Sultan bin Mohamed Al-Qasimi, Pemerintah Daerah Sharjah Emiriah Arab Bersatu. Turut hadir di majlis itu ialah menteri-menteri dari negara-negara ahli Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC), negara-negara pemerhati OIC, para pegawai eksekutif sektor swasta dan Bank Pembangunan Islam. Lebih 600 buah syarikat dari 57 buah negara menyertai pameran perdagangan itu.

trian dan Sumber-Sumber Utama dalam siaran akhbarnya menjelaskan penyertaan Negara Brunei Darussalam terdiri dari syarikat-syarikat memproses makanan, agensi pelancongan, perhotelan, industri kraf tangan dan syarikat industri perkhidmatan teknologi maklumat.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam menyertai Pameran Perdagangan Islam. Pameran-pameran antarabangsa seperti itu, tambah Yang Berhormat, memberikan peluang keemasan untuk memperkenalkan produk-produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan kepada pasaran yang lebih besar, di samping memberikan pendedahan dan kesempatan kepada para pengusaha tempatan untuk menerokai peluang menjalin hubungan dan usaha niaga yang saling menguntungkan.

sama, Yang Berhormat menyarankan para pengusaha tempatan untuk terus melibatkan diri secara aktif menyertai pameran mahupun promosi perdagangan antarabangsa secara berseparian mahupun bersama Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama demi memperluaskan lagi pasaran bagi produk-produk mereka.

Bagi mencapai matlamat itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus berusaha untuk membuka pasaran-pasaran baru bagi para pengusaha tempatan selain memudahkan aliran pelaburan dan perdagangan melalui penglibatan negara dalam kerjasama ekonomi dua hala, serantau mahupun antarabangsa seperti Perjanjian Pemudahan Perdagangan dan Pelaburan Brunei-Amerika Syarikat yang baru ditandatangani

baru-baru ini semasa keberangkatan lawatan kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Amerika Syarikat; Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Selepas majlis perasmian itu, Yang Berhormat bersama menteri-menteri lain dibawa melawat ke Bandar Raya Universiti Sharjah dan diundang oleh Yang Teramat Mulia Dr. Sheikh Sultan bin Mohammed Al-Qasimi, Pemerintah Daerah Sharjah untuk menghadiri Majlis Makan Tengah Hari di Istana Pemerintah Sharjah.

Manakala di sebelah malamnya Yang Berhormat berkesempatan mengadakan perjumpaan bersama semua peserta pameran dari Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Makan Malam.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Darat Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Md. Hashim. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Menerima kunjungan hormat Panglima Tentera Darat Malaysia

BERAKAS, 17 Disember. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith menerima kunjungan hormat daripada Panglima Tentera Darat Malaysia, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Md. Hashim.

Terdahulu sebelum itu Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Md. Hashim

Oleh
Siti Aishah HS

membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar di tempat yang sama.

Hadir sama ialah

Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB), Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi dan pegawai daripada ATDDB.

Seterusnya, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Md. Hashim berserta rombongan akan berlepas ke Negara Thailand selepas membuat kunjungan hormat ke Negara Brunei Darussalam selama tiga

Majlis Pengibaran Bendera Besar akan diadakan secara sederhana

BERAKAS, 18 Disember. - Jawatankuasa Kerja Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam memulakan mesyuarat pertamanya dengan membincangkan beberapa perkara utama untuk diputuskan menjelang sambutan Hari Kebangsaan Ke-19 Tahun.

Antara perkara yang dibincangkan termasuklah tarikh mengadakan pengibaran bendera besar Negara Brunei Darussalam dan tempat bagi majlis tersebut.

Mengikut mesyuarat berkenaan majlis pengibaran bendera besar tersebut akan diadakan secara sederhana saja dengan melibatkan penyertaan yang agak minima.

Oleh Abdullah Asgar

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jaafar bin Bangkol.

Ia antara lain dihadiri oleh Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ahmad dan wakil-wakil dari jabatan-jabatan kerajaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.



MESYUARAT Pertama Jawatankuasa Kerja Pengibaran Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19. - Gambar oleh Harun HR.



YANG Berbahagia Jeneral Tan Sri Md. Hashim, Panglima Tentera Darat Malaysia membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, YDM Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar. - Gambar oleh Ramli Tengah.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

UNIT BIMBINGAN DAN PERKEMBANGAN BUMIPUTRA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bahagian III)

PUSAT LATIHAN

* Mengaturkan Latihan bagi Kontraktor	2 bulan
* Mengaturkan Latihan Dalam Negeri	1 bulan
* Memproses Kursus Ikhtisas Luar Negeri	3 minggu
* Permohonan Kursus Pendek Luar Negeri	1 minggu
* Permohonan Kursus Intisiti Dalam Negeri	1 minggu
* Kerja-kerja menyediakan baucer pembayaran bagi Konsultan/Pembekal	1 minggu

Jubli Emas 50 Tahun Kg. Bunut Perpindahan



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.



RASMI Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan menandatangani 'plaque' sempena perasmian Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kampong Bunut Perpindahan.

**Laporan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Harun HR
Haji Masmaleh HMA dan
Pg. Rafee PDPHM**

BUNUT, 23 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan berangkat bagi merasmikan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kampong Bunut Perpindahan dan Perasmian Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan.

dahan dan seterusnya berkenan menandatangani 'plaque'.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyempurnakan penyampaian Penghargaan dan Cenderamata kepada wakil Allahyarham Awang Haji Halus bin Abd. Samad iaitu Ketua Kampong Pertama di kampung itu dari tahun 1952 sehingga 1971; bekas Ketua Kampong Bunut Perpindahan yang kedua, Awang Haji Md. Salleh (1972-1993) dan bekas Ketua Kampong Bunut Perpindahan yang Ketiga, Awang Haji Md. Salleh (1994-2002).

Majlis nostalgia penuh meriah itu juga dikongsi bersama oleh pasangan Awang Haji Abdul Ghani dengan Hajah Dayang Aminah yang pertama melangsungkan perkahwinan mereka di kampung berkenaan juga diberi cenderamata.

Juga menerima penghargaan dan cenderamata

ialah Pengiran Metassan bin Pengiran Haji Tengah dan Awang Haji Mohd. Nasar bin Haji Momin, masing-masing merupakan anak pertama lahir dan anak kelahiran pertama kampung itu yang mendapat ijazah.

Sempena sambutan mengenang kembali penubuhan gemilang kampung itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan melancarkan buku kecil sejarah kampung berkenaan.

Buku kecil antara lain mendedahkan sejarah ringkas kampung itu sejak tahun 1952 sehingga 2002. Buku setebal 44 muka surat hasil tulisan Awang Haji Adanan itu juga memaparkan pelbagai kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, aktiviti-aktiviti kampung serta situasi keadaan kampung

berkenaan dahulu dan sekarang juga dimuatkan di dalam buku berkenaan.

Kemudian Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi menyaksikan secara dekat pameran gambar-gambar kampung tersebut dan Jabatan Kemajuan Perumahan. Pameran berkenaan memaparkan kenangan manis, pembangunan dan aktiviti serta perihai kemajuan para penduduk kampung sejak 50 tahun lalu.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung bagi merasmikan bangunan Klinik Kesihatan Jubli Emas kampung itu disusuli dengan penyampaian pesambah daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Lihat muka 9



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengurniakan Penghargaan dan Cenderamata kepada bekas Ketua Kampong Bunut Perpindahan yang kedua, Awang Haji Md. Salleh.



TERTARIK Timbalan Sultan berkenan menyaksikan pameran gambar-gambar Kampong Bunut Perpindahan dan Jabatan Kemajuan Perumahan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ketika berkenan menandatangani Buku Kecil Sejarah Kampong Bunut Perpindahan.

Kampong Bunut Perpindahan dibuka sejak tahun 1952

BUNUT, 23 Disember. - Rancangan Perpindahan Negara (RPN) yang bermula dari Kampong Bendahara Lama (Kampong Ayer) ke Kampong Bunut pada akhir tahun 1952 membuka tirai era rancangan perpindahan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Seramai 26 orang yang diketuai oleh Allahyarham Awang Haji Halus telah menerokai penghidupan baru di satu kawasan hutan belantara yang akhirnya pesat membangun dan dikenali sebagai Kampong Bunut Perpindahan.

"Rancangan Perpindahan ini selaras dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memberikan perubahan cara dan corak hidup yang lebih selesa dan sejahtera," jelas Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah ketika menyebarkan kata aluan di Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kampong Bunut Perpindahan dan Perasmian Klinik Kesihatan di sini.

Menurutnya, kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, sekolah, masjid, telefon, klinik, pejabat pos dan sebagainya membuktikan keprihatinan pihak kerajaan yang sama dirasakan oleh penduduk kampung.

Kampong Bunut Perpindahan yang asalnya terdiri daripada 28 lot, kini menjadi 185 setelah diadakan pemecahan tanah pembahagian, sementara enam keping tanah T.O.L. telah diberi geran sebagai tambahan kepada lot-lot di kampung berkenaan.

Penghulu Mukim Kilanas juga melahirkan rasa gembira dengan terbinanya sebuah kesihatan yang baru, besar dan lengkap dengan peralatan moden.

"Klinik ini merupakan sebagai satu lagi kurnia yang amat berharga bagi meningkatkan taraf kesihatan rakyat, di samping sebagai lambang mercu tanda atau tugu sempena sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kampong Bunut Perpindahan,"

Laporan Samle HJ
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Haji Masmaleh HMA
dan Pg. Rafee PDPHM

tambahnya.

Anak pertama kelahiran Kampong Bunut Perpindahan yang mula-mula memperolehi ijazah, Awang Haji Mohd. Nasar juga tidak menafikan kemajuan yang dicapai oleh kampung berkenaan.

Beliau yang menjadi salah seorang penerima penghargaan kini menjadi usahawan dengan membuka firma Konsultan Kejuruteraan sendiri selepas bersara dari bekerja di sektor kerajaan.

"Generasi ketika ini sudah dapat menghirup kemudahan asas yang banyak tersedia berbanding zaman kami yang lebih awal menempa pelbagai kesulitan asas tetapi kekal mengahaminya," jelasnya ketika ditemui.

TANDA KENANGAN ... Duli Yang Teramat Mulia ketika menandatangani 'plaque' sempena perasmian bangunan Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima cenderamata dari Menteri Kesihatan sempena pembukaan rasmi Klinik Kesihatan Kampong Bunut Perpindahan (kanan).



CATATAN SEJARAH ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ketika berkenan memotong riben sebagai tanda bagi perasmian Bangunan Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan.



DULI Yang Teramat Mulia ketika disembahkan taklimat mengenai borang catatan pesakit oleh seorang pegawai kesihatan (kiri). Sementara gambar kanan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan menyebarkan taklimat mengenai kemudahan yang terdapat di klinik berkenaan.

Dari muka 12

belanja sebanyak \$1,267,676.05.

Badaruddin. Di majlis bersejarah itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan bagi menyaksikan pameran kesihatan dan melawat bilik-bilik klinik berkenaan.

Klinik Kesihatan Jubli Emas Kampong Bunut Perpindahan terletak di Mukim Kilanas, dibina di atas tapak seluas 2.025 hektar bagi memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan Mukim Kilanas termasuk Kampong-kampong Telanai, Madewa, Tasik Meradun, Bengkurong, Burong Lepas, Sinarubai, sebahagian Kampong Kilanas dan Bebatik serta Ban 5 dan 3.

Pembinaan Klinik Kesihatan itu merupakan salah satu projek pembangunan infrastruktur kesihatan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 (2001-2005) yang menelan

Bangunan baru yang menggantikan Klinik Kesihatan Kampong Bunut Perpindahan yang lama itu menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan ibu mengandung, selepas melahirkan, perkhidmatan penilaian dan perkembangan kesihatan kanak-kanak di bawah umur lima tahun, perkhidmatan imunisasi, lawatan ke rumah-rumah bagi ibu-ibu yang baru melahirkan dan anak damitnya.

Klinik yang diharap memberikan keselesaan kepada orang ramai itu juga menyediakan perkhidmatan dietisien, pendidikan kesihatan dan pengambilan contoh darah. Bilik-bilik penyusuan susu ibu, bilik serbaguna, bilik pendidikan kesihatan dan bilik sembahyang memberi kemudahan kepada orang ramai sepanjang membuat rawatan dan temu janji di klinik tersebut.



Kementerian Kewangan laksanakan Projek TAFIS

BERAKAS, 21 Disember, - Kementerian Kewangan telah melaksanakan satu projek melalui perkhidmatan elektronik yang dinamakan TAFIS atau 'Treasury and Financial Information System', kata Pemangku Menteri Kewangan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran dalam memberikan perkhidmatan awam yang lebih inovatif, produktif, efektif, efisien berdaya maju dan berdaya saing.

Menurut Timbalan Menteri Kewangan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner, projek itu adalah sejajar dengan inisiatif dalam memajukan negara ke arah bangsa dan ekonomi yang 'knowledge-based' dengan meningkatkan sistem perkhidmatan kewangan yang menjurus kepada penguatkuasaan.

"Projek itu telah pun melaksanakan 'baseline'

Oleh
Abdullah Asgar

pertamanya pada Mac 2002 dan pada masa ini sudah pun memasuki fasa kedua, ia diharapkan untuk diperkenalkan kepada empat buah kementerian iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Kesihatan," katanya.

Schubungan dengan itu tambahnya, dengan projek tersebut ia juga telah dapat memberikan perkhidmatan kewangan yang memuaskan kepada pelanggan yang terdiri daripada orang ramai dan sektor swasta.

Yang Dimulikan menjelaskan perkara itu ketika berucap di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

"Kejayaan keseluruhan

peraksanaan Projek TAFIS itu nanti adalah bergantung kepada komitmen dan kesungguhan semua pihak yang berkecenderungan kerana tanpa adanya komitmen dan semangat berpasukan serta kerjasama padu dari semua pihak, usaha yang dihajati tidak akan dapat membuahkan hasil," tambahnya.

Ke arah itu katanya, semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Kewangan diharap akan terus mengamalkan sikap etika kerja yang positif dan jujur serta amanah.

"Kesungguhan dan komitmen semua pegawai serta kakitangan di kementerian ini khususnya perubahan dari segi sikap dan mindset merupakan antara 'critical success factors' dalam menjamin kejayaan projek tersebut," katanya.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini diselenggarakan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara yang antara

lain diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati kepada para peserta tahun 2002.

Majlis malam itu juga mempersembahkan nyanyian, pertandingan nyanyian berkumpulan dan cabutan tiket bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah istimewa.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Wangsa Dato Paduka Seri Laila Jasa Haji Awang Ahmad Wally Skinner menyampaikan hadiah kepada seorang pegawai Kementerian Kewangan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



TIMBALAN Menteri Kewangan dan Setiausaha Tetap Kementerian itu ketika hadir di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Kewangan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Institusi kewangan terdedah kepada jenayah kewangan

Oleh
Ak. Jefferi PD

GADONG, 17 Disember. - Persekitaran institusi kewangan global kini lebih terdedah kepada pelbagai jenayah kewangan termasuk aktiviti-aktiviti dari hasil pembersihan wang dari kegiatan jenayah atau money laundering.

"Selain dari itu, isu-isu global dan jenayah-jenayah menyeberang sempadan menjadi cabaran-cabaran utama bagi semua agensi-agensi keselamatan di seluruh dunia," jelas Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit di Majlis Pelancaran Seminar Penghasilan Wang Haram yang berlangsung di Mes

Pegawai Polis di Ibu Pasukan Pejabat Polis Diraja Brunei sini.

Beliau seterusnya berkata, aktiviti seumpama itu disifatkan sebagai akar umbi dan menjadi kekuatan kepada banyak aktiviti jenayah terancang, umpamanya insiden yang menyedihkan di Amerika Syarikat dan Bali yang merupakan salah satu operasi jenayah terancang menyeberang sempadan.

Sumber-sumber wang yang mereka perolehi, tambah

Pengiran Ahmad datang dari institusi kewangan dari kebanyakan tempat di dunia yang kelihatannya sah di sisi undang-undang.

"Kejadian-kejadian seperti itu dapat dihalang jika pengaliran dari dana tersebut dapat dikenal pasti," tambahnya.

Timbalan Pesuruhjaya Polis seterusnya berkata, beberapa kegiatan jenayah hanya salah satu contoh di mana aktiviti-aktiviti dari hasil pembersihan wang dari kegiatan jenayah mempunyai kaitan yang kini menjadi agenda global paling utama dan membuatkan kebanyakan negara di seluruh dunia beker-

jasama rapat untuk mengenal pasti dan membekukan akaun-akaun yang dimiliki oleh kumpulan penganas.

"Bagaimanapun kegiatan-kegiatan pembersihan wang tidak hanya terhad kepada jenayah sedemikian, ianya meliputi spektrum yang meluas atas kesalahan undang-undang jenayah seperti pengedaran dadah dan rasuah," tambah Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Seminar itu disertai oleh para pegawai dari agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang berkecenderungan dan institusi-institusi perbankan di negara ini.

Seminar yang pertama kali seumpama itu diadakan dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Perkhidmatan Bagi Kerjasama Mengenai Isu-isu Teknikal dan Antarabangsa SCTIP dari Perancis.

Selain dari beberapa perundangan, Jawatankuasa Anti Pembersihan Hasil Wang Dari Kegiatan Jenayah Kebangsaan juga ditubuhkan yang bertanggungjawab untuk mengawasi dasar-dasar kebangsaan dan strategi-strategi berhubung isu-isu pembersihan hasil wang dari kegiatan jenayah.

Juga digalakkan untuk mempelajari bahawa institusi perbankan di negara ini juga melaksanakan piawaian antarabangsa selaras dengan hubungan pembersihan hasil wang dari kegiatan jenayah



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan sijil penyertaan kepada seorang peserta Seminar Money Laundering. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

41 peserta Seminar Money Laundering menerima sijil

GADONG, 19 Disember. - Seramai 41 orang peserta yang terdiri para pegawai dari agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang berkecenderungan dan institusi-institusi perbankan di negara ini yang mengikuti Seminar Penghasilan Wang Haram menerima sijil-sijil mereka yang berlangsung di Mes

Oleh
Ak. Jefferi PD

Pegawai Polis di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Seminar Money Laundering ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato

Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan.

Seminar yang pertama kali seumpama itu diadakan dianjurkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan Perkhidmatan Bagi Kerjasama Mengenai Antarabangsa SCTIP dari Perancis.



DATO Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman berserta pegawai polis lain di Majlis Penutup Seminar Money Laundering anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kerjasama SCTIP, France (Service For Co-Operation On Technical International Police Issues). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Teori Pembelajaran 'Behaviourisme: SATU TINJAUAN


Oleh Dzul

THEORI Behaviourisme dikenali juga sebagai teori mekanisme yang mulanya ditekankan oleh ahli-ahli psikologi seperti Ivan Pavlov, Thorndike, Hull dan Skinner (Raminah Haji Sabran 1987:85). Teori ini mengatakan bahawa pembelajaran adalah satu proses mekanis berdasarkan rangsangan dan gerak balas yang berulang-ulang dan akhirnya membentuk satu kebiasaan kepada manusia. Rangsangan dan gerak balas yang berulang-ulang itu dapat didorong oleh ganjaran dan peneguhan yang diberikan secara serta-merta kepada setiap gerak balas yang diberikan sebelum tingkah laku lain mengganggu agar kekesanan yang maksimum dapat diperoleh.

Teori ini juga tidak mementingkan aspek mental kerana ia sesuatu yang abstrak dan sukar untuk diterangkan. Oleh itu teori ini hanya mementingkan aspek-aspek yang nyata dan dapat diamati kerana bagi mereka tidak ada sesuatu secara ilmiah dapat dipertanggungjawabkan tanpa pengetahuan yang berdasarkan pada pengalaman nyata iaitu sesuatu pengetahuan yang dapat diamati dan diukur secara konkrit atau nyata (Haji Tamam bin Haji Samat 1990/1991:20).

Behaviourisme menganut dan mempertahankan satu hipotesis yang disebut sebagai Hipotesis Tabula Rasa atau juga dipanggil sebagai Hipotesis Kertas Kosong (Haji Jaludin bin Haji Chuchu 1988/1989:25). Menurut teori ini, akal atau otak seorang bayi pada waktu dilahirkan sama seperti sehelai kertas kosong yang akan ditulis dengan pengalaman-pengalaman. Hipotesis ini mulanya diperkenalkan oleh John Locke salah seorang tokoh empirisme yang kemudiannya dianut dan disebarkan secara meluas oleh John Watson.

Jadi mengikut teori behaviourisme, otak manusia itu merupakan satu kotak hitam yang gelap dan apa-apa yang terjadi di dalamnya tidak dapat diamati, kerana kata mereka, apa sahaja yang ada dalam otak itu tidak berkaitan dengan penyelidikan linguistik, dan apa yang penting dan relevan ialah bahasa dalam bentuk kalimat-kalimat yang merupakan sebagai perengai atau kebiasaan yang dapat secara langsung diamati dan diselidiki: Stimulus (rangsangan) - Respon (tindak balas) (S - R) (Kamarudin bin Haji Husin, 1986:13) seperti mana yang dinyatakan pada gambarajah berikut: (Lihat rajah)



Aliran ini dipengaruhi oleh teori-teori dan ilmu psikologi. Golongan ini berpendapat bahawa bahasa adalah proses perilaku iaitu hasil operasi stimulus atau rangsangan dan respon atau tindak balas yang bergantung semata-mata kepada ciri-ciri naluri yang ada pada manusia.

Oleh kerana manusia mempunyai alat-alat biologis yang berfungsi untuk menghasilkan bahasa maka dapatlah manusia menggunakan bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi sesama mereka. Aliran ini juga menganggap pembelajaran bahasa merupakan satu kebiasaan yang diperolehi dengan mengulang-ulang aktiviti yang hendak dikuasai itu. Aliran ini menekankan bahagian luar bahasa (overt behavior) yang merupakan kalimat-kalimat yang diperolehi menurut cara S - R dan diproduksi secara mekanis. Dari segi pemerolehan bahasa pula golongan ini menekankan bahawa bahasa dapat dikuasai melalui pembelajaran secara tidak formal dan formal.

Cara tidak formal boleh berlaku pada peringkat awal iaitu sejak kanak-kanak itu dilahirkan sehingga sebelum mereka masuk sekolah dan cara formal pula berlaku di sekolah-sekolah melalui proses pembelajaran yang intensif. Bagi golongan ini, pengukuhan, pemerhatian, sifat-sifat ingin tahu dan aktiviti meniru adalah menjadi faktor utama dalam pembelajaran bahasa (Kamarudin bin Haji Husin 1986:14).

TEORI-TEORI BEHAVIOURISME

Dalam teori behaviourisme ini terdapat banyak tokoh-tokoh yang terkenal dan terkemuka dalam penulisan-penulisan teori mengenai psikologi dan pembelajaran, di antaranya:

1. Teori Pelaziman Klasik Ivan Pavlov
2. Teori Perkaitan Thorndike

3. Teori Ketingkahlakuan Watson
4. Teori Pelaziman Operan Skinner
5. Teori Gestalt
6. Teori Kognitif Piaget
7. Teori Bidang Kurt Lewin
8. Teori Struktur Gagne
9. Teori Bruner
10. Teori Hull
11. Teori Ausubel
12. Teori Glaser
13. Teori Tolman
14. Teori Guthrie

Walau bagaimanapun rencana ini hanya akan memokus tiga teori sahaja melalui tokoh-tokoh psikologi yang terkenal dan terkemuka.

1. Teori Ivan Pavlov
2. Teori Thorndike
3. Teori Burhrhus Federic. Skinner

TEORI IVAN PETROVICH PAVLOV

Beliau dilahirkan pada tahun 1849 dan meninggal dunia pada tahun 1939. Beliau adalah pelopor kepada mazhab rangsangan gerak balas. Ivan P. Pavlov memperkenalkan konsep pelaziman dan membina banyak prinsip-prinsip asas. Kadang-kadang pelaziman klasik dikenali sebagai pelaziman responden kerana ia melibatkan respon pantulan kepada rangsangan yang spesifik (Habibah Elias & Rahil Haji Mahyuddin 1990:104).

Pavlov menjalankan penyelidikannya menggunakan anjing peliharaannya. Anjing itu ditambah pada satu pasungan. Satu pembedahan kecil dilakukan pada pipi anjing itu untuk menyalurkan air liurnya melalui saluran ke dalam satu lubang penyukat.

Apabila anjing itu diberikan daging, maka air liurnya mengalir dengan banyak. Bagi anjing itu, daging yang diberikan kepadanya merupakan rangsangan semula jadi dan air liur yang keluar kerana melihat daging adalah gerak balas semula jadi atau gerakan pantulan.

Setelah anjing itu biasa dengan situasi itu, maka loceng dibunyikan dalam beberapa saat sebelum daging diberikan. Air liur anjing itu tetap keluar seperti biasa. Setelah keadaan ini diulang beberapa kali, apabila loceng dibunyikan tanpa diberikan daging, air liur anjing itu tetap keluar seperti biasa. Ini adalah hasil pelaziman antara bunyi loceng dengan daging. Bunyi loceng merupakan rangsangan terlazim dan air liur yang keluar itu dinamakan gerak balas terlazim.

Pelaziman yang dihasilkan oleh Pavlov ini dikenali sebagai pelaziman klasik kerana pelaziman cara inilah yang mula-mula sekali ditemui.

Sekiranya loceng dibunyikan tanpa pengukuhan (daging), maka air liur anjing itu masih juga keluar tetapi kadarnya berkurangan. Lama-kelamaan air liur anjing itu tidak keluar walaupun loceng dibunyikan. Peringkat ini dinamakan peng-

hapusan, iaitu kesan pelaziman telah hilang. Namun demikian gerak balas terlazim ini dapat dilahirkan semula selepas berehat beberapa waktu. Bagaimanapun, gerak balas terlazim ini akan terhapus jika tidak disertakan dengan rangsangan semula jadi. Sekiranya selepas penghapusan, daging diberikan semula dan air liur anjing itu keluar seperti biasa, peringkat ini dinamakan pembelajaran semula.

Apabila sesuatu gerak balas terlazim berlaku terhadap sesuatu rangsangan (R1), rangsangan yang hampir-hampir serupa pada (R2, R3, R4, R5 dan seterusnya) akan menghasilkan gerak balas terlazim yang sama. Misalnya, loceng yang hampir-hampir serupa bunyinya dengan loceng yang menjadi gerak balas terlazim yang mula-mula tadi akan menyebabkan anjing mengeluarkan air liur juga. Keadaan ini dipanggil sebagai penyeluruhan rangsangan.

Dalam proses pelaziman, seseorang itu akan membezakan rangsangan. Contohnya, jika loceng dibunyikan, daging akan diberikan kepadanya. Bagaimanapun, jika lampu dinyalakan ini menunjukkan satu rangsangan lain umpamanya air minuman akan diberikan. Seseorang kanak-kanak dapat membezakan bunyi langkah kaki ibunya dengan langkah kaki orang lain. Jika ia mendengar bunyi langkah kaki ibunya, si anak tadi akan berasa senang hati, akan tetapi apabila mendengar bunyi langkah kaki orang lain maka kanak-kanak berkenaan itu akan gelisah. (Kamarudin Haji Husin 1997:49).

Rangkaian pembelajaran cara pelaziman klasik ini dapat diperluaskan kepada pelaziman peringkat kedua, ketiga dan seterusnya. Misalnya, bunyi loceng terlazim akan menghasilkan gerak balas terlazim. Bunyi loceng terlazim ini boleh ditukarkan kepada rangsangan yang lain. Umpamanya sebelum bunyi loceng dibunyikan, lampu dinyalakan. Jika ini diulang-ulang, maka nyalaan lampu juga akan menghasilkan gerak balas terlazim iaitu pengeluaran air liur.

Secara ringkasnya, implikasi Teori Pavlov terhadap pembelajaran adalah seperti berikut:

1. Pembelajaran dipengaruhi oleh sejauh manakah baiknya sistem saraf seseorang. Individu yang baik sistem sarafnya lebih mudah menguasai gerak balas tertentu melalui rangsangan terlazim dan rangsangan tidak terlazim.
2. Gerak balas terlazim akan menjadi bertambah kukuh melalui banyak latihan dan ulangan.
3. Faktor motivasi memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan gerak balas. Dalam hal ini, pemberian ganjaran perlu diberi perhatian.
4. Dalam proses pembelajaran, tingkah laku yang dapat dilihat, diamati, diukur dan dikawal hendaklah diberi perhatian.
5. Pemindahan pembelajaran boleh berlaku melalui proses generalisasi. Hal ini memerlukan kebolehan menggunakan pengalaman dalam situasi-situasi yang lain.
6. Lupa atau penghapusan gerak balas terlazim memang boleh dihasilkan dalam sesuatu pembelajaran.

TEORI THORNDIKE

Thorndike adalah anak seorang paderi. Beliau merupakan pengasas psikologi di Amerika Syarikat yang terkenal dan selalunya dikaitkan

dengan berbagai-bagai tatacara eksperimen yang digunakan di dalam pelaziman operan (Amir Awang 1986:33).

Melalui kajian-kajiannya terhadap haiwan, beliau cuba menegaskan bahawa haiwan belajar melalui proses cuba jaya yang dilakukan secara beransur-ansur dan berulang-ulang sehingga terbentuk kebiasaan. Pada akhir pembelajarannya, haiwan itu mendapat suatu gerak balas yang betul dan berjaya menyelesaikan masalahnya. Hasil pembelajaran ini diperoleh melalui satu kombinasi yang melibatkan ganjaran yang diberikan kepadanya.

Thorndike telah menumpukan masa dan perhatian yang banyak terhadap eksperimen-eksperimen seperti ini untuk melihat secara dekat perkaitan antara kaedah dan prinsip pembelajaran haiwan dengan pembelajaran manusia. Berdasarkan daripada kajian itu, hasilnya menunjukkan bahawa bentuk perlakuan itu adalah sama iaitu manusia juga belajar melalui ganjaran dan denda.

Menurut beliau, ganjaran akan menggalakkan manusia untuk terus mengulangi tindak balas itu, manakala denda pula akan menyekatnya daripada melakukan gerak balas tersebut. Beliau tidak bersejua yang manusia belajar melalui proses celik akal yang melibatkan otak mereka (Kamarudin Haji Husin 1997:54).

Thorndike telah menjalankan beberapa eksperimen dengan menggunakan kucing, anjing, monyet dan ikan. Eksperimennya yang terkenal yang telah dijalkannya ialah terhadap seekor kucing. Kucing tersebut telah dikurung di dalam sebuah kotak yang dalamnya terdapat satu penekan. Sekiranya penekan itu ditekan, maka pintu akan terbuka dan kucing itu dapat melepaskan dirinya daripada kotak tersebut.

Thorndike telah menjalankan eksperimen seperti ini dengan meletakkan makanan di luar kotak tersebut. Kucing itu telah dibiarkan berlapar untuk beberapa hari. Pada peringkat awal percubaan, Thorndike mendapati kucing yang dikajinya itu melakukan pelbagai tindakan untuk melepaskan diri hinggalah akhirnya ia ter tekan penekan yang membuka pintu kotak itu.

Hal seperti ini dilakukan beberapa kali. Beliau mendapati bahawa masa yang diambil oleh kucing itu untuk melepaskan dirinya tidak sama. Masa yang diambil oleh kucing tersebut semakin berkurangan daripada yang sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa kucing itu melalui proses cuba jaya ia telah dapat menguasai gerak balas yang betul dan menghindari gerak balas yang salah. Gerak balas yang betul itu telah dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya.

Berdasarkan kajian ini, Thorndike telah membuat kesimpulan bahawa dalam pembelajaran haiwan, hubungan rangsangan dan tindak balas berlaku tanpa sebarang proses media yang memabitkan pemikiran.

Beliau berpendapat proses pembelajaran manusia adalah sama. Walaupun manusia mempunyai keupayaan untuk belajar lebih baik, namun mereka juga dapat belajar dengan cara yang mudah dan mekanikal seperti yang dilakukan oleh haiwan. Faktor yang penting dalam proses pembelajaran itu ialah motivasi, ganjaran dan deraan yang dapat menjamin penghasilan tingkah laku yang baik.

Teori Thorndike ini merupakan teori terawal yang digolongkan sebagai teori perkaitan atau ikatan di antara rangsangan dengan gerak balas dan kerana itu singkatan teori itu disebut S-R sahaja, iaitu S atau 'stimulus' yang merupakan rangsangan, manakala R atau 'response' yang merupakan gerak balas.

Hubungan antara S-R ini pula dihasilkan melalui tiga hukum utama. Hukum-hukum itu termasuklah hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan.

Walaupun ketiga-tiga hukum ini sudah memadai bagi menjelaskan teori pembelajaran Thorndike, namun teorinya ada terdapat beberapa kelemahan yang sering dikritik. Lataran adanya kelemahan-kelemahan inilah, maka Thorndike telah mengemukakan lima prinsip tambahan kepada teorinya.

Prinsip-prinsip itu ialah seperti gerak balas aneka, sikap atau set, kebolehan memilih perkara-perkara penting, gerak balas melalui analogi dan pemindahan berkait.

Lihat muka 15

SEKIRANYA loceng dibunyikan tanpa pengukuhan (daging), maka air liur anjing itu masih juga keluar tetapi kadarnya berkurangan. Lama-kelamaan air liur anjing itu tidak keluar walaupun loceng dibunyikan. Peringkat ini dinamakan penghapusan, iaitu kesan pelaziman telah hilang. Namun demikian gerak balas terlazim ini dapat dilahirkan semula selepas berehat beberapa waktu. Bagaimanapun, gerak balas terlazim ini akan terhapus jika tidak disertakan dengan rangsangan semula jadi. Sekiranya selepas penghapusan, daging diberikan semula dan air liur anjing itu keluar seperti biasa, peringkat ini dinamakan pembelajaran semula.

Anak-anak yatim dan orang-orang istimewa diraikan di Istana Nurul Izzah

JERUDONG, 29 Disember. - Kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri turut dirasakan oleh semua golongan mengikut kemampuan masing-masing mencorakannya. Di Negara Brunei Darussalam, kanak-kanak yatim dan mereka yang kurang upaya (orang-orang istimewa) sentiasa diberi perhatian sewajarnya supaya mereka tidak merasa rendah diri dan tidak terasing daripada masyarakat.

Sehubungan itu Majlis Merayakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi kanak-kanak yatim dan orang-orang istimewa telah diadakan setiap tahun di Istana Nurul Izzah dan tahun ini sambutan serupa tidak kurang meriahnya dari tahun-tahun lepas.

Berangkat di majlis itu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah.

Seramai lebih enam ribu orang tetamu istimewa dari seluruh negara menghadiri majlis tersebut yang merupakan satu penghargaan besar nilainya kepada mereka dan sebagai bukti bahawa mereka sentiasa mendapat perhatian istimewa.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon. Selain kanak-kanak yatim, majlis turut dihadiri oleh ahli-ahli Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) dan Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA).

Putera-putera dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan menerima junjung ziarah daripada tetamu-tetamu istimewa dan ahli-ahli keluarga mereka serta pegawai kebajikan dan kesihatan serta para sukarelawan.

Laporan Dk. Hjh. Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Abdullah HAD dan
Haji Masmaleh HMA



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah berkenan menerima junjung ziarah anak-anak yatim yang diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Azim berkenan beramah mesra dan menerima junjung ziarah seorang kanak-kanak dan keluarga yang diraikan (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia dan adinda-adinda berkenan menerima junjung ziarah sebahagian orang-orang istimewa yang diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Izzah, Jerudong.



Di negara ini kanak-kanak yatim dan orang-orang istimewa sungguh bernasib baik kerana mereka tidak pernah diabaikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mahupun ahli-ahli kerabat diraja yang lain dan masyarakat negara ini. Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam umpamanya

merupakan Penaung kepada PAPDA dan KACA.

PAPDA ditubuhkan bertujuan memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup dan kebajikan anak-anak yatim dan orang-orang istimewa. Selain itu ia juga

bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah-masalah mereka yang kurang upaya dan sekali gus memeduli serta mengurus hal-ehwal kebajikan mereka.

Seperti Persatuan

PAPDA, Persatuan KACA juga merupakan salah satu pertubuhan sukarela yang menitikberatkan hal-ehwal kebajikan ahlinya yang merangkumi kanak-kanak cacat.

membantu mereka supaya bersikap lebih berdikari.

Selain menjaga kebajikan, tabung-tabung khas juga ditubuhkan bagi keperluan masa depan dan pendidikan mereka. Kelas-kelas khas diadakan bagi mereka meningkatkan kemahiran seperti bahasa isyarat bagi berkomunikasi dan mengikut aktiviti seperti kraf tangan, pertukangan kayu dan bercucuk tanam.

Dengan adanya latihan-latihan seumpama itu sedikit sebanyak akan memberikan dorongan bagi meneruskan tahap kehidupan sekali gus mendisiplinkan diri untuk hidup berdikari. Usaha-usaha tersebut bukan sahaja meningkatkan keupayaan malahan juga menyumbangkan kepada ekonomi negara.



BAGI memberkati majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon (kiri). Sementara gambar kanan, orang ramai dan para pegawai yang bertugas di majlis itu sama-sama menadah tangan memohon majlis diberkati Allah Subhanahu Wataala.

Sikap prihatin sudah lama berakar umbi



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah berkenan menerima junjung ziarah anak-anak istimewa yang diraikan.

JERUDONG, 29 Disember. - Sikap prihatin masyarakat di negara ini terhadap anak-anak yatim dan mereka yang kurang upaya sememangnya mendapat tempat apatah lagi dalam suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri.

Sememangnya di negara ini sikap prihatin tersebut telah lama berakar umbi dari pelbagai peringkat sama ada dari peringkat kerajaan, sektor swasta, perseorangan mahupun dari pbagai pertubuhan sukarela.

Seperti umat-umat Islam yang lain anak-anak yatim, orang-orang yang kurang upaya dan orang-orang yang kurang bernasib baik tidak ketinggalan untuk sama-sama menyambut kemeriahan bulan Syawal.

Justeru itu sempena kedatangan bulan Syawal yang mulia ini pada 29 Disember 2002 putera-puteri dan puteri-puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan meraikan anak-anak yatim, orang-orang kurang upaya dan mereka yang kurang bernasib baik yang berlangsung di Istana Nurul Izzah di sini.

Berangkat di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh Harun HR,
Abdullah HAD dan
Haji Masmaleh HMA

Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolqiah.

Dalam suasana kemeriahan sambutan hari itu jelas terbayang kegembiraan di wajah mereka yang diraikan dan nyata sekali apabila mereka rata-rata melahirkan kesyukuran dan kegembiraan sewaktu ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

Salah seorang ahli kepada Persatuan Orang-orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA), Awang Muhd. Azhar Yea bin Abdullah yang pada mulanya menghidap penyakit kencing manis yang akhirnya memaksa salah satu kakinya dipotong melahirkan perasaan gembira dan menjunjung kasih di atas sambutan yang diadakan hari itu.

Beliau yang juga merupakan saudara baru memeluk agama Islam sejak dua tahun lalu sempat melahirkan penghargaan kerana kerajaan dan masyarakat di negara ini sa-

ngat prihatin terhadap nasib mereka yang kurang upaya kerana memberi layanan yang sama dengan masyarakat lain.

Sementara itu dua adik-beradik berbangsa Dusun dari Daerah Tutong merasa gembira dan terharu dengan kemeriahan sambutan yang diadakan pada hari itu bukan hari kebesaran bagi kaum mereka.

Awang Saharnenan dan Awang Saharnandi Sindu masing-masing berumur 16 dan 14 tahun merupakan anak yatim yang masih menuntut di Sekolah Menengah RIPAS merupakan dua dari empat adik-beradik.

Manakala tiga adik-beradik anak yatim iaitu Norazira (18 tahun), Norliyana (14 tahun) dan Mohd. Hisyam (13 tahun) melahirkan kegembiraan dengan suasana sambutan hari itu dan terkadang merasa pilu bila terkenangkan orang yang mereka sayangi telah tiada.

Kata Norazira, mereka datang ke majlis itu telah dihantar oleh ibu mereka sebagai pengganti ayahnya

yang meninggal sejak adik mereka Mohd. Hiysam berumur tiga hari dan berkata pengharapan mereka hanya bergantung kepada bantuan kerajaan melalui elaun kebajikan.

Dalam pada itu salah seorang dari golongan kurang upaya Awang Haji Bakir bin Haji Tengah yang berusia lebih 80 tahun menjunjung kasih kerana diberi kesempatan dalam sama-sama merayakan Hari Raya pada tahun ini.

Beliau yang berasal dari Kampong Sinarubai menguatkan hati untuk datang ke majlis itu walaupun berjalan menggunakan dua batang tongkat setelah mengalami patah kaki yang memaksa untuk dipotong akibat terjatuh dari rumah.

Beliau mengharapkan agar mereka yang diraikan pada hari itu sentiasa diberi perhatian dan layanan yang sama dengan orang lain kerana musibah yang terjadi kepada mereka bukanlah kemahuan mereka dan majlis yang diadakan hari itu katanya semoga akan terus diadakan pada masa yang akan datang.



ANAK-ANAK yatim dan orang-orang istimewa diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Izzah (atas dan bawah).



AWANG Muhd. Azhar Yea bin Abdullah melahirkan rasa gembira.



AWANG Saharnenan dan Awang Saharnandi anak yatim yang masih menuntut di Sekolah Menengah RIPAS.



NORAZIRAH dan Norliyana melahirkan kegembiraan kerana diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Izzah.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar berbual mesra bersama anak-anak istimewa anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang diraikan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Majlis berlangsung di Mes Pegawai Berakas Garison. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pegawai Penjara terima lencana kenaikan pangkat

JERUDONG, 2 November. - Majlis Penyampaian Lencana Pangkat bagi pegawai-pegawai penjara telah diadakan di Dewan Bukit Pantai Penjara Jerudong disempurnakan oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah.

Mereka ialah Pengiran Mat Said bin Pengiran Haji Mohammad dinaikkan pangkat dari Ketua Wadar kepada Pegawai Penjara, sementara dua orang Sarjan dinaikkan pangkat kepada Ketua Wadar iaitu Awang Jasni bin Ahmad Jalani dan Awang Haji Ahmad bin Haji Damit.

Tiga orang Koperal dinaikkan pangkat kepada Sarjan Wadar iaitu Awang Zainal bin Haji Lamit, Awang Hamidon bin Haji Othman dan Awang Haji Aspar bin Haji Mohammad. Manakala Awang Mat Azlan bin Haji Mohammad Yussof, Awang Shujairi bin Haji Asri, Dayang Hamidah binti Ligah, Awang Ali Omar bin Besar, Awang Mohammad Walli bin Haji Ahmad dan Awang Ali Asan bin Enchi, Wadar Penjara dinaikkan pangkat kepada Koperal Wadar. Kenaikan pangkat mereka bermula pada 1 Oktober 2002.

Majlis itu diselenggarakan dengan penyampaian minuman sumbangan Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan Penjara kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini.



PENGARAH Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah ketika menyematkan Lencana Pangkat Koperal kepada Awang Mat Azlan bin Haji Mohammad Yussof di Majlis Penyampaian Lencana Pangkat bagi pegawai-pegawai penjara. - Gambar ihsan Jabatan Penjara.

Persatuan Pengakap Udara melawat Padang Tembak Binturan

Oleh
Haji Ahmad HS

TUTONG, 23 Disember. - Serombongan 34 orang ahli-ahli Persatuan Pengakap Udara, Daerah Brunei dan Muara dan Belait telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Padang Tembak Binturan di sini.

Lawatan yang diketuai oleh Ketua Pengakap Udara, Awang Abdul Jalil bin Dato Seri Paduka Awang Haji Marsal di Padang Tembak Binturan kebetulan berlangsungnya ujian menembak piring besi bagi anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) yang juga menjadi tuan rumah bagi serombongan pelawat tersebut.

Dalam ujian menembak yang berjalan selama dua hari bermula pada 22 Disember bagi anggota ATUDB disertai oleh empat cawangan iaitu Cawangan

Gerakan, Logistik Rejim Udara dan Latihan dan Tadbir.

Dalam lawatan singkat itu ahli-ahli Pengakap Udara diberi peluang untuk mencuba sendiri menembak piring besi dengan menggunakan senjata M-16 dan pistol.

Terdahulu dari itu ahli-ahli Persatuan Pengakap Udara diberikan beberapa taklimat ringkas mengenai keselamatan dan cara menggunakan senjata.

Lawatan ke Padang Tembak Binturan oleh ahli-ahli Persatuan Pengakap Udara merupakan pertama kali dan bertujuan antaranya memberikan pengalaman dan pendedahan kepada para ahli mengenai cara menembak yang baik dan mempelajari ciri-ciri keselamatan serta panduan menggunakan senjata.

Kesabaran penting dalam memelihara anak-anak istimewa

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 20 Disember. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar berkata, pemedulian yang berterusan dan kesabaran adalah penting dalam memelihara anak-anak istimewa di mana mereka mempunyai hak terhadap apa yang ditentukan bagi mereka di dunia ini.

Oleh itu katanya, setiap kurnia yang diberikan Allah merupakan suatu amanah yang dipertanggungjawabkan dan bukannya untuk dipersia-siakan.

Berucap di Majlis Meraihan Anak-anak Istimewa anggota ABDB sempena Hari Raya di Berakas Garison beliau mengatakan kita harus bersyukur bahawa sikap pemedulian dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh masyarakat di negara ini terhadap anak-anak istimewa amat membanggakan dan mendapat sambutan positif kerana masih banyak yang tampil ke hadapan untuk menghulurkan bantuan atau beramal zariah melalui pelbagai tabung kebajikan khusus kepada golongan yang memerlukan bantuan seperti anak-anak istimewa.

Yang Dimuliakan Pemerintah ABDB berpendapat segala bantuan yang diberikan dan sikap pemedulian serta keprihatinan yang ditunjukkan diharap dapat membantu ibu bapa dan penjaga dalam penjagaan anak-anak isti-

mewa mereka.

Dalam mengharungi kehidupan seharian para ibu bapa dan penjaga yang terlibat harus memainkan peranan yang penting terutama dalam membimbing dan mendidik anak-anak istimewa mereka sebagaimana anak-anak mereka yang lain di mana anak-anak istimewa juga memerlukan perhatian, asuhan serta belaian kasih sayang yang lebih dan tertumpu, jelasnya.

Malah wujudnya persekitaran kekeluargaan yang sihat dan normal, tambah Yang Dimuliakan juga dapat membantu perkembangan fizikal, sosial dan mental anak-anak istimewa ini.

Dengan cara demikian katanya, anak-anak ini tidak akan merasa tersisih atau terasing dalam menjalani kehidupan seharian di tengah-tengah keluarga masing-masing.

Sempena menyambut kemeriahan Hari Raya Aidilfitri itu seramai lebih 20 orang anak-anak istimewa anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menerima hadiah yang disampaikan oleh Pemerintah ABDB bersama isteri.



PENYERAHAN minuman sumbangan Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan Penjara disempurnakan oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah kepada Ketua Pegawai, Awang Haji Safar bin Haji Jerudin. - Gambar oleh ihsan Jabatan Penjara.



SEORANG ahli Persatuan Pengakap Udara diberi peluang mencuba sendiri menembak piring besi dengan menggunakan senjata M-16. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



ROMBONGAN seramai 34 orang ahli-ahli Persatuan Pengakap Udara, Daerah Brunei dan Muara dan Belait ketika mengadakan lawatan ke Padang Tembak Binturan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain beramah mesra bersama keluarga pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang hadir di Majlis Sambutan dan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Lawatan muhibah Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Disember. - Seramai 21 orang ahli termasuk empat orang pemimpin pengakap telah mengadakan lawatan muhibah ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Rombongan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Skipper Mohd. Saiful Rijal bin Haji Mohd. Hussin itu berlepas melalui Terminal Serasa menuju Labuan dan destinasi seterusnya ke Sabah pada 21 Disember 2002.

Skipper Mohd. Saiful Rijal berkata lawatan tersebut bertujuan untuk memberi dan berkongsi pengalaman mengeratkan silaturahim dan per-

Oleh
Suria H

saudaraan di antara ahli pengakap Negara Brunei Darussalam dengan ahli pengakap Labuan dan Sabah di samping bagi mengisi musim cuti persekolahan dengan aktiviti lawatan.

Di antara tempat-tempat menarik dilawati ialah Bandar Labuan, Bandar Kota Kinabalu, Daerah Tuaran, Daerah Ranau, Gunung Kinabalu National Park, Kolam Air Panas dan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negeri Sabah.

Rombongan juga mengadakan perjumpaan de-

ngan ahli-ahli pengakap negeri dan daerah-daerah yang dilawati. Rombongan kembali ke tanah air melalui jalan darat pada 25 Disember 2002.



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Yukmas bersalaman bersama para pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sama-sama hadir memeriahkan suasana sambutan Hari Raya. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

AIDILFITRI DISAMBUT DENGAN KEGEMBIRAAN DALAM BATAS - TAKWA

BERAKAS, 20 Disember. - Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mat Zahri bin Haji Yusof berkata, Hari Raya adalah hari istimewa bagi kaum Muslimin yang disambut dengan penuh

Oleh
Haji Ahmad HS

kegembiraan dan bersukaria dalam lingkungan batas takwa.

Tambahan, setiap insan yang meraikan menampakan perasaan puas hati di atas kemenangan dalam menjalani dugaan dan menunaikan puasa sepenuhnya di bulan Ramadan.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Sambutan dan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang berlangsung di perkarangan bangunan kementerian tersebut di Jalan Menteri Besar di sini.

Menurut beliau kemenangan itu juga terbukti di majlis sambutan Hari Raya kerana melalui perkumpulan semua pegawai dan kakitangan serta keluarga masing-masing dapat mengeratkan hubungan silaturahim, memberikan peluang bersalam-salaman dan bermaafan, bertanyakan khabar, berkongsi maklumat dan pengalaman kerja.

"Keadaan sedemikian adalah dijangka boleh mencetuskan suasana yang mengizinkan iaitu dapat meningkatkan perpaduan dan kerjasama yang seterusnya dapat meningkatkan kemajuan dan sumbangan perkhidmatan yang positif dari kalangan anggota Kementerian Hal Ehwal Ugama," jelasnya.

Hadir sama di majlis sambutan itu termasuklah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain; Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawahnya.

Atur cara majlis termasuklah persembahan mari berpantun, nasyid dan Dikir Marhaban.

Majlis juga disemarakkan lagi dengan kunjungan Yang Berhormat dan Datin secara berasingan ke khemah-khemah jabatan dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

SEROMBONGAN 21 orang pemimpin dan ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam ketika bergambar kenangan di Terminal Serasa sebelum berlepas mengadakan lawatan ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. - Gambar ihsan Suria H (kiri).

Dari muka 11

Selain daripada itu, Thorndike juga ada menekankan faktor motivasi yang selalunya diberi keutamaan oleh para pendidik. Faktor-faktor yang berkait rapat dengan motivasi seseorang adalah seperti minat terhadap kegiatan, minat untuk memperbaiki, pentingnya kegiatan, sikap terhadap masalah, penumpuan perlakuan, ketiadaan emosi yang tidak relevan dan ketiadaan kebimbangan.

Dengan adanya tambahan ini, walaupun Thorndike amat mementingkan pengkhususan ikatan dan perkaitan tetapi beliau tidak juga terlepas dari dipengaruhi oleh perkara-perkara yang tersebut di atas.

TEORI BURHRUS FEDERIC SKINNER

Skinner adalah seorang lagi ahli psikologi yang terkenal. Beliau pernah mengajar di Harvard University. Dalam hubungan kajiannya terhadap pemerolehan bahasa, beliau menyatakan bahawa pembelajaran berlaku apabila adanya rangsangan dan tindak balas yang berulang.

Dalam hal ini, beliau menjalankan kajiannya dengan menggunakan binatang. Beliau telah menguji seekor merpati yang dikurung di dalam sebuah kotak. Pada dinding kotak itu ada suis dan apabila suis itu dipukul maka terbukalah suatu lubang yang mengeluarkan makanan. Ini bermakna, perbuatan memukul oleh merpati itu merupakan satu rangsangan dan setelah rangsangan dilaksanakan merpati itu akan mendapat balasan iaitu makanan. Ini dibuat secara berulang dan merpati itu mendapat satu tabiat dan dia belajar melakukannya.

Berdasarkan kepada percubaan seperti ini beliau telah memberi pandangan bahawa bahasa adalah hasil proses perilaku iaitu hasil operasi rangsangan (stimulus) dan tindak balas (response) dan ini berlaku adalah bergantung kepada ciri-ciri naluri yang ada pada manusia. Beliau menolak dan tidak bersetuju sebarang pendapat yang menghubungkan proses penghasilan bahasa dengan operasi mental.

Selain daripada eksperimen di atas tadi, Skinner juga telah membuat satu lagi eksperimen

iaitu seekor tikus dimasukkan ke dalam sebuah kotak yang terdapat tempat makanan yang diperbuat daripada tin dan di luar kotak terdapat satu alat untuk menjatuhkan makanan ke dalam tin itu. Makanan yang jatuh ke dalam tin itu akan mengeluarkan bunyi. Tikus yang dimasukkan ke dalam tin terpaksa memijak sebatang besi untuk membolehkan makanan itu jatuh. Pada mulanya, tikus yang lapar itu memijak batang besi secara kebetulan sahaja, tetapi setelah beberapa lama, tikus itu mempelajari bahawa apabila batang besi tertekan, maka makanan akan jatuh. Ini akan dibuat berulang-ulang apabila tikus itu merasa lapar.

Skinner mengambil keputusan bahawa pengukuhan menambahkan kemungkinan berulangnya sesuatu laku. Pengukuhan itu harus cepat terjadi sebelum diganggu oleh tingkah laku-tingkah laku yang lain. Tingkahlaku yang direncanakan bersifat operan dan mempunyai pengaruh terhadap lingkungannya. Lingkungan yang dipengaruhi ini adalah pemberian hadiah atau pengukuhan kepada organisme yang mengeluarkan tingkah laku tersebut.

Teori Skinner ini sama dengan teori-teori behaviourisme yang lain yang menekankan peri mustahaknya stimulus dan respons dalam pembelajaran. Skinner menganggap pembelajaran bahasa merupakan penguasaan atau kebiasaan yang diperoleh dengan mengulang-ulang melakukan aktiviti yang hendak dikuasai itu.

Bagi Skinner ada dua jenis pembelajaran. Kedua-duanya berlainan kerana ada dua jenis laku. Pertama ialah laku responden, iaitu gerak balas yang automatik dan tetap. Kita dilahirkan dengan banyak gerak balas, dan kita mempelajari sesuatu yang baharu itu dengan secara pembiasaan, misalnya lutut terangkat kalau diketuk oleh doktor. Itu merupakan satu laku yang ada rangsangan (ketuk) dan ada gerak balas (kaki terangkat). Ini adalah laku responden yang berlaku secara automatik.

Kedua ialah laku operan. Bagi Skinner kebanyakan laku ialah jenis operan. Laku responden ialah gerak balas daripada rangsangan, tetapi laku operan berlaku menurut lingkungan atau keadaan. Rangsangannya tidak semestinya menerbitkan gerak balas tertentu, seperti berjalan,

bercakap dan bekerja. Misalnya, laku menelan makanan bukan sahaja kerana rangsangan terlihat makanan, tapi juga kerana rasa lapar, lingkungan sosial dan beberapa lingkungan atau suasana yang berlainan. Belajar melalui laku operan dikatakan pensyiaran tetapi ini lain daripada gerak balas otot secara automatik (Abdullah Hassan, 1987, hlm. 642).

Dalam bukunya 'Verbal Behavior' (1957), Skinner banyak membincangkan dari segi pengukuhan dan menghasilkan proses pembelajaran yang maksima, iaitu dengan adanya laku yang berulang, pengukuhan dan keadaan yang sesuai (Kamarudin bin Haji Husin, 1986, hlm. 20).

Maka dari sinilah lahirnya kaedah latihan tubi, iaitu rangsangan dan gerak balas di dalam sesuatu pelajaran bahasa itu disenaraikan menurut polanya. Latihan tubi itu akan menimbulkan tabiat yang dapat dikukuhkan dan dipelajari.

KESIMPULAN

Berdasarkan Teori Behaviourisme ini dapatlah dirumuskan bahawa pembelajaran itu berlaku dengan adanya rangsangan dan diikuti dengan gerak balas. Apabila ada rangsangan dan tindak balas, maka berlakulah pembelajaran.

Pernyataan ini digunakan oleh pengikut-pengikut teori-teori Behaviourisme seperti Ivan Pavlov, Thorndike dan B.F. Skinner.

Mengikut teori Skinner selain dengan adanya rangsangan dan tindak balas, pengukuhan itu penting sebagai asas dalam proses pembelajaran. Menurut beliau, pengukuhan menambahkan kemungkinan berlakunya gerak balas. Pengukuhan berlaku apabila laku itu diberi balasan dengan hadiah.

Teori Behaviourisme itu menganggap bahawa bahasa sebagai satu set kebiasaan yang diserapkan ke dalam sistem saraf penutur ibunda. Secara ringkas, teori ini dapat dirumuskan seperti laku berbahasa serupa dengan laku lain dan laku ini dikuasai oleh kanak-kanak secara meniru segala laku pertuturan ibu bapanya melalui hubungan rangsangan dan tindak balas (R - G) dan dapat diterangkan melalui kekerapan pengukuhan dan peristiwa yang berhubungan.

Selain daripada itu, penguasaan bahasa kanak-kanak dipengaruhi oleh alam sekitar. Kanak-kanak belajar berbahasa daripada data bahasa yang didengar dan kemudian diulang-ulang sehingga memperoleh kebiasaan berbahasa. Maka dari sinilah lahirnya kaedah latihan tubi.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan, "Psikolinguistik dan Sosiolinguistik dalam Pengajaran Bahasa", Dewan Bahasa Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, September 1987, hlm. 639-656.
- Abu Zahari Abu Bakar, Memahami Psikologi Pembelajaran, Peter Chong Printers Sdn. Bhd., Ipoh, 1988.
- Ajid Che Kob, Pengantar Linguistik Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993.
- Amir Awang, Teori-teori Pembelajaran, Peter Chong Printers Sdn. Bhd., Ipoh, 1986.
- Habibah Elias, Rahil Haji Mahyuddin, Psikologi Pembelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990.
- Jaludin Haji Chuchu (Hj), "Semantik dan Pengajaran Bahasa: Penguasaan Makna Di Kalangan Murid-murid Sekolah Menengah. Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Mengliat, Gadong, Latihan Ilmiah, Universiti Brunei Darussalam, 1988/1989.
- Kamarudin Haji Husin, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa, Immer Sdn. Bhd., 1986.
- _____, Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi, Dasar Cetak (M) Sdn. Bhd., Selangor, 1997.
- Marzuki Nyak Abdullah, "Teori-teori Pemerolehan Bahasa", Dewan Bahasa Jurnal Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Vol. 37, No. 9, 1993, hlm. 839-845.
- Sharifah Alwiah Alsagoff, Psikologi Pendidikan II Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling, Sun U Book Co. Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986.
- Tamam bin Haji Samat (Hj), "Proses Pengajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah Kerajaan: Satu Kajian Kes Di Sebuah Bilik Darjah", Latihan Ilmiah, Universiti Brunei Darussalam, 1990/1991.

Berkenan menerima mengadap Pendakwa Raya Agung dan Duta Besar

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pendakwa Raya Agung, Perkhidmatan Pendakwaan Mahkamah Tinggi, Republik Rakyat China dan Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatannya secara berasingan berlangsung di Istana Nurul Iman. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula menerima mengadap Tuan Yang Terutama Han Zhubin dan rombongan disertai oleh Kuasasah Sementara Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Huang Yong.

Hadir di majlis tersebut termasuklah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Peguam Negara, Dato Paduka Awang Haji Kifrawi dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

TYT Han Zhubin dan rombongan berada di negara ini buat pertama kali dan telah melawat ke tempat-tempat menarik.

Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menerima mengadap Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Thinakorn Kanasuta yang akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar.

TYT Dato Paduka telah menjadi Duta Besar negaranya ke negara ini sejak 1999, di mana kedua-dua negara terus berusaha mengukuh dan mengeratkan perhubungan yang sedia ada.

Sejak kedua-dua buah negara mengadakan hubungan diplomatik peringkat Kedutaan Besar, hubungan dua hala yang ter-

Oleh
Abdullah Asgar

jalin terus berkembang baik dalam ekonomi, pelancongan, ketenteraan, penerbangan awam dan kebudayaan.

Sementara dalam hal pembangunan dan tenaga kerja warga Thailand merupakan pembekal tenaga buruh bagi kerja-kerja pembinaan ke negara ini melalui ejen-ejen yang diluluskan oleh kedua-dua belah pihak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Thailand yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Thinakorn Kanasuta. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah berkenan menerima mengadap Duta Besar dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei

Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Thinakorn Kanasuta yang akan menamatkan perkhidmatannya selaku Duta Besar dan Mutlak Thailand ke negara ini.

Turut hadir di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap Duta Besar dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Thinakorn Kanasuta.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima mengadap Pendakwa Raya Agung, Perkhidmatan Pendakwaan Mahkamah Tinggi, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Han Zhubin dan rombongan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Harun HR.

Pengenalan empat penggal tidak menjejaskan jumlah hari persekolahan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pengenalan empat penggal persekolahan bagi tahun depan tidak akan menjejaskan jumlah hari persekolahan setiap tahun, seperti tahun-tahun yang sudah di mana pada tahun 2003 juga jumlah penggal-penggal persekolahan berjumlah 200 hari.

Menurut sumber dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, pengenalan format penggal persekolahan yang baru itu membolehkan para guru dan pelajar untuk mengulang kaji setiap mata-mata pelajaran atau pembacaan yang tidak dapat dilaksanakan pada waktu persekolahan.

Di samping itu pengenalan format baru ini juga memberikan lebih banyak masa kepada guru-guru untuk bercuti.

Oleh
Awangku Jeffery PD

Penggal Pertama persekolahan bermula 2 Januari hingga 20 Mac 2003 (52 hari); Penggal Kedua bermula 31 Mac hingga 14 Jun 2003 (53 hari); Penggal Ketiga bermula 30 Jun hingga 4 September 2003 (48 hari), manakala Penggal Empat akan bermula 15 September hingga 22 November 2003 (47 hari).

Sementara cuti penggal pertama dan kedua skim tahun 2003 akan bermula pada 21 Mac hingga 30 Mac 2003. Diikuti dengan cuti penggal kedua dan ketiga yang masing-masing bermula pada 15 Jun hingga 29 Jun 2003 dan 5 September hingga 14 September 2003,

manakala cuti penggal keempat akan bermula pada 1 Disember hingga 31 Disember 2003.

Selain itu Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan Skim Sekolah Sehari Suntuk yang mana diperkenalkan awal tahun lepas.

Skim tersebut dihasratkan ke arah Sistem Kurikulum Pendidikan Bersepadu di negara ini di mana pelajaran-pelajaran biasa dan agama disatukan.

Dalam pelaksanaan fasa pertama dan kedua skim tersebut telah melibatkan sebanyak 24 buah sekolah, sementara itu dalam fasa ketiga skim berkenaan diharapkan akan bermula tahun ini dengan membabitkan sekolah-sekolah di pedalaman.

Belia: Jangan terpengaruh dengan pemikiran liar

Dari muka I

Mengenai perkhidmatan awam, baginda berharap agar sekali anggota perkhidmatan awam akan meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam apa jua bidang yang dikendalikan, serta mengamalkan etika kerja yang tinggi.

"Tujuannya, tidak lain ialah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang dalam menyampaikan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara," titah baginda.

Demikian juga bagi mereka yang berkhidmat dengan sektor swasta, titah baginda yang mana sumbangan dan khidmat mereka adalah tidak kurang pentingnya dalam kemajuan dan pembangunan negara.

Pada mengakhiri titah baginda, baginda dan keluarga sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi 2003 seluruh rakyat dan penduduk negara ini dan berdoa semoga keadaan aman, tenteram serta perpaduan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini akan terus berkekalan dan dalam ketaatan dan rihmat Allah Subhanahu Wataala.

SELAMAT TAHUN BARU 2003 MASIHI

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Tetamu-tetamu istimewa diraikan di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

JERUDONG, 29 Disember. - Dalam kegembiraan memeriahkan Hari Raya, tetamu-tetamu istimewa yang terdiri daripada mereka yang kurang bernasib baik, kurang upaya di negara ini juga tidak dilupakan ketika menyambut hari lebaran, yang mana banyak pertubuhan-pertubuhan sukarela dan persatuan menghulurkan derma serta bantuan supaya suasana kegembiraan Hari Raya ini sama-sama dapat dirasakan oleh mereka.

Di saat mereka gembira merayakan Hari Raya dan menikmati beraneka juadah yang terhidang, mereka juga berpeluang berziarah ke hadapan majlis anakanda-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Sehubungan dengan itu Pemberita PELITA BRUNEI juga berkesempatan menemui bual beberapa orang-orang istimewa dan juga ibu bapa mereka.

Bagi Awang Mohd. Shukri Affendi bin Kadir merupakan salah seorang Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) berkata, kunjungan beliau ke Istana Nurul Izzah merupakan kali kesepuluh di mana bagi beliau majlis yang diraikan bagi orang-orang istimewa dan anak-anak yatim ini merupakan kenangan manis dan ristaan abadi bagi mereka terutamanya bagi Awang Mohd. Shukri.

"Ini menandakan bahawa anak-anak yatim dan orang-orang istimewa di negara ini tetap diberikan perhatian yang istimewa dan diberikan layanan yang adil daripada pemimpin negara kita yang begitu dikasihi dan disanjung, di kesempatan ini juga Awang Mohd. Affendi tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas limpah kurnia baginda merayakan dan meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Izzah untuk mereka," tambah beliau.

Sementara itu, Noor Suraihini A. Latif, ibu kepada Darin Iliya Musfirah @ Natasya A. Hashim dari Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) pula melahirkan rasa terharu dan gembira di atas kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan

**Oleh Awangku Jefferi PD
Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA**

setiap tahun di Istana Nurul Izzah.

Di samping itu tambah beliau, majlis seumpama ini juga memberikan peluang kepada beliau dan juga yang lainnya untuk junjung ziarah ke hadapan majlis anakanda-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri

dan menganggap majlis seumpamanya sebagai satu kurnia yang sangat bererti dan besar bagi beliau dan anak beliau.

Bagi Awang Hamzah bin Haji Jahar, suami kepada Bunga Osman yang mempunyai dua orang anak istimewa, iaitu Aminuddin Hamzah dan Noridah Hamzah dari



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bolkiah ketika berangkat di Majlis Merayakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bagi Anak-anak Yatim dan Orang-orang Istimewa di Istana Nurul Izzah.

Daerah Belait meluahkan rasa syukur mereka di atas pemedulian pihak-pihak yang tertentu kepada golongan orang-orang istimewa di negara ini dalam sama-sama mengongokan kemeriahan Hari Raya Aidilfitri.

"Majlis seumpamanya ini bukan sahaja mencerminkan akan sikap pemedulian orang kitani bahkan ianya memperlihatkan akan kasih sayang dan

keprihatinan raja kita terhadap rakyatnya lebih lagi kepada anak-anak yatim dan orang-orang istimewa jelas beliau.

"Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan setiap tahun di Istana Nurul Izzah bagi anak-anak yatim dan orang-orang istimewa ini bukan sahaja dapat memberikan kegembiraan kepada mereka yang

kurang upaya bahkan ia juga merupakan saat yang sering ditunggu-tunggu, terutama sekali di dalam kesempatan untuk menjunjung ziarah ke hadapan majlis kerabat-kerabat diraja," jelas Adeline Ariffin, ibu kepada Nur Farah Amalina binti Haji Abdul Majid.

Beliau juga melahirkan rasa terima kasih kepada pihak-pihak yang tertentu

dan menyifatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai seorang raja yang sangat pemedulian terhadap rakyat dan penduduk di negara ini.

"Ini jelas membuktikan bahawa orang-orang istimewa di negara ini tidak tersisih dalam sama-sama menyemarakkan hari kemenangan bahkan layanan seumpamanya yang diberikan begitu menggemirakan dan mengharukan, keprihatinan dan pemedulian yang diberikan oleh pemerintah kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia menunjukkan sifat-sifat baginda yang penyayang, pengasih, adil dan saksama dalam pemerintahan baginda dan sekali gus membuktikan akan keprihatinan baginda kepada rakyat dan penduduk baginda," jelas Adeline Ariffin.

Dengan adanya sambutan Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim dan orang-orang istimewa yang diraikan oleh pemimpin yang kita kasihi serta keluarga baginda jelas menampakkan sikap bertanggungjawab dan kasih baginda sekeluarga terhadap rakyat baginda lebih-lebih lagi kepada orang-orang yang istimewa atau kurang upaya.



NOOR Suraihini A. Latif, ibu kepada Darin Iliya Musfirah @ Natasya A. Hashim meluahkan rasa terharu dan bersyukur serta gembira di atas kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merayakan Hari Raya Aidilfitri bagi anak-anak yatim dan orang-orang istimewa.



BAGI Awang Hamzah bin Haji Jahar dan isteri, Bunga binti Osman dari Daerah Belait berpendapat, majlis seumpama ini bukan sahaja mencerminkan sikap pemedulian orang-orang kitani bahkan memperlihatkan sikap kasih sayang dan keprihatinan raja kita terhadap rakyatnya terutama sekali kepada anak-anak yatim dan orang-orang istimewa.



"MAJLIS seumpama ini jelas membuktikan orang-orang istimewa dan anak-anak yatim di negara ini tidak tersisih dalam sama-sama menyemarakkan hari kemenangan, malah layanan dan keprihatinan serta pemedulian yang diberikan oleh raja yang dikasihi menunjukkan akan sifat-sifat baginda yang penyayang, pengasih, adil dan saksama kepada rakyat dan penduduk baginda yang dikasihi," jelas Adeline Ariffin dan anak beliau, Nur Farah Amalina binti Haji Abdul Majid ketika ditemu bual oleh Pemberita PELITA BRUNEI.



"INI merupakan kali ke-10 saya meraikan majlis Hari Raya bagi anak-anak yatim dan orang-orang istimewa di Istana Nurul Izzah dan merasa amat bertuah kerana dapat sama-sama meraihnya bersama rakan-rakan," jelas Awang Mohd. Shukri Affendi bin Kadir salah seorang Persatuan PAPDA.

Sastera & Budaya

Pengajaran tatabahasa

PENDAHULUAN

PENGAJARAN tatabahasa adalah suatu bidang yang sangat luas untuk kita tinjau secara keseluruhan. Mengikut Kamus Dewan, tatabahasa bermaksud pengetahuan atau pelajaran mengenai pembentukan kata-kata dan penyusunan kata-kata dalam ayat. Mengikut Kamus Linguistik pula, tatabahasa ialah gramatika (grammar) yang bererti subsistem dalam organisasi bahasa di mana satuan-satuan yang lebih besar. Secara kasar, gramatika terbahagi atas morfologi dan sintaksis dan terpisahkan dari fonologi, semantik dan leksikon. (Harimurti Kridalaksana, 1983:51). Perkataan tatabahasa menurut ahli-ahli bahasa ialah nahu.

Menurut Nik Safiah, penyelidikan terhadap tatabahasa selalunya dilakukan dari dua segi, iaitu dari segi cara perkataan dibentuk daripada bunyi-bunyi bahasa, dan dari segi cara perkataan-perkataan yang disusun menjadi ayat. (Nik Safiah, 1995:xviii).

Menurut Arbak Othman pula, tatabahasa merupakan peraturan-peraturan sistem pengucapan. (Arbak Othman, 1981:81). Dari takrif di atas dapat disimpulkan bahawa tatabahasa merupakan sistem yang lambang atau pengucapan yang berperaturan yang telah kita gunakan.

Arbak Othman menegaskan pada dasarnya, tatabahasa sesuatu bahasa yang mengandungi dua bidang iaitu bidang morfologi dan bidang sintaksis. (Arbak Othman, 1986:92). Bidang Morfologi adalah mengandungi kesatuan-kesatuan terkecil yang berfungsi dalam pembentukan perkataan. Bagi bahasa Melayu, kesatuan-kesatuan ini merupakan imbuhan-imbuhan sama ada berbentuk awalan, akhiran atau imbuhan terbahagi.

Manakala bidang sintaksis pula setidak-tidaknya mengandungi kesatuan-kesatuan rangkai kata, dalam sedikit hal, boleh berfungsi menolong menentukan fungsi kesatuan-kesatuan morfologis dalam tatabahasa sesuatu bahasa (Arbak Othman, 1986:93).

TUJUAN

Tujuan pengajaran tatabahasa adalah sangat penting dalam pengajaran mahu pun dalam bidang pembelajaran. Di peringkat rendah, murid-murid rendah hendaklah diajar asas bahasa yang betul peraturannya dengan cara yang tidak formal hingga mereka boleh menggunakan dengan baik serta betul dan sesuai dengan peraturan-peraturan atau kehendak tatabahasa itu. (Md Nadzar Shariff, 1986:61). Ini bertujuan supaya murid-murid dapat berkomunikasi dengan baik, terang dan dapat memahami dengan lebih jelas dalam pembelajaran yang tidak formal.

Cara yang tidak formal itu ialah pelajar-pelajar di sekolah secara tidak langsung dapat menguasai aspek tatabahasa sama ada berkait dengan morfologi, frasa atau sintaksis. Sebagai contoh melalui penggunaan ayat,

"Budak kecil itu tertandang batu."

Maka dari ayat ini sudah ada terdapat unsur morfologi yang berkait dengan penggunaan awalan 'ter' dengan maksud tak sengaja dan sudah terdapat penggunaan ayat tunggal atau ayat selapis yang terdiri daripada satu subjek iaitu (budak kecil itu) dan satu predikat (tertandang batu).

Dalam sesuatu aspek pengajaran tatabahasa, kaedah yang digunakan boleh berlainan menurut kesesuaiannya dengan pelajar-pelajar yang diajar iaitu sama ada dari segi tingkat kemampuan kefahaman, peringkat pembelajaran mereka, tujuan penguasaannya, kesediaan mereka untuk belajar, kemudahan-kemudahan pembelajaran yang tersedia, bahasa yang diketahuinya dan lain-lain. (Arbak Othman, 1986:93).

Pengajaran tatabahasa bagi pelajar-pelajar sekolah adalah berbeza sama sekali. Maka dapatlah dikategorikan pelajar peringkat sekolah rendah berbeza dengan pelajar peringkat sekolah menengah. Peringkat sekolah rendah lebih kepada pengajaran tatabahasa bersifat tidak formal dan bagi pengajaran tatabahasa pelajar peringkat sekolah menengah lebih kepada bersifat formal.

PENDEKATAN

Dalam pengajaran tatabahasa terdapat tiga pendekatan iaitu pendekatan induktif, pendekatan deduktif dan pendekatan eklektik. Pendekatan induktif merupakan pengajaran tatabahasa dengan memperkayakan contoh sebelum peraturan-peraturan atau undang-undang tatabahasa diterangkan. (Kamarudin Haji Husin, 1993:216). Cara ini dapat menarik minat kanak-kanak mempelajari tatabahasa dan dapat memahami tatabahasa yang disertai dengan contoh-contoh yang banyak dan munasabah. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah pendekatan induktif

lebih baik digunakan dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah rendah.

Pendekatan deduktif pula merupakan pengajaran dengan mengajarkan peraturan-peraturan atau undang-undang tatabahasa yang diterangkan sebelum diberi contoh-contoh (Kamarudin Haji Husin, 1993: 217). Kaedah ini lebih baik digunakan dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah menengah.

Pendekatan eklektik pula ialah pendekatan campuran iaitu menggabungkan ciri-ciri yang baik daripada pendekatan ke dalam satu pendekatan baru. (Kamarudin Haji Husin, 1993:218). Pendekatan ini menggunakan strategi penggabungan kedua-dua pendekatan tadi.

PENGAJARAN

Dalam pengajaran tatabahasa di peringkat sekolah di Negara Brunei Darussalam tidak akan terlepas daripada menempuh tiga peringkat penting.

1. Peringkat Sekolah Rendah

Apa pun pendidikan yang diajarkan kepada manusia lebih baik bermula sejak dari kecil. Bak kata pepatah, 'melentur buluh hendaklah dari rebung'. Dalam peringkat ini kanak-kanak hendaklah diajarkan asas atau permulaan bahasa yang betul sistemnya dengan cara yang tidak formal. Namun tidak pula menitikberatkan pengajaran mengenai simbol-simbol atau label-label atau hukum-hukum tatabahasa itu. (Mohd. Nadzar Shariff, 1986:61).

2. Peringkat Menengah Bawah

Peringkat Menengah Bawah adalah dari tingkatan satu sehingga ke tingkatan tiga. Pengajaran tatabahasa pada peringkat ini hendaklah diajarkan secara formal. Ini disebabkan asas bahasa yang telah diajarkan pada peringkat awal membolehkan mereka lebih memahami tentang tatabahasa. Pengajaran tatabahasa ini dibuat dengan kaedah mengenal pasti akan aspek-aspek tatabahasa iaitu mengenal istilah-istilah, corak-corak ayat dan hukum-hukumnya. (Md. Nadzar Shariff, 1986:67). Menurut Md. Nadzar Shariff, pada peringkat ini aspek-aspek yang lebih baik didahulukan:

- Mengenal pasti gatra subjek/predikat.
- Mengenal pasti golongan perkataan.
- Mengenal pasti akan ayat aktif/pasif.
- Mengenal pasti akan peranan imbuhan ME, ME...KAN, ME... I, KE... AN:AN.

3. Peringkat Menengah Atas

Peringkat Menengah Atas ialah dari tingkatan empat hingga ke tingkatan lima. Pada peringkat ini murid-murid sudah boleh diajar aspek yang lebih khusus. Dari peringkat ini bolehlah guru-guru mengajar (Md. Nadzar Shariff, 1986:78):

- Mengenal pasti ayat selapis, berlapis, berkait, bercampur dan ayat kecil yang menjadi penubuh kepada sesuatu ayat besar.
- Mengenal ayat kecil penerang, ayat kecil nama.

(iii) Mengkaji bahasa kiasan, perumpamaan, pepatah, simpulan bahasa dan menggunakannya di dalam ayat.

Dari pengajaran tatabahasa dari peringkat sekolah dapat dilihat dengan jelas mempunyai proses-proses yang beransur-ansur iaitu dari peringkat permulaan sehinggalah peringkat yang lebih tinggi dan lebih mendalam.

MASALAH

Guru-guru bahasa sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang tinggi bagi mengajar bahasa Melayu khususnya dalam pengajaran tatabahasa. Antara masalah-masalah di atas kelemahan pengajaran tatabahasa ialah:-

(a) Guru yang mengajar

Guru adalah penting bagi mengajar tatabahasa dengan baik terhadap murid-murid yang diajar. Sebilangan guru-guru yang ada di Brunei mengajar tatabahasa yang mereka sendiri kurang memahami mengenai tatabahasa yang diajarkan. Ini menyebabkan murid-murid telah mengalami kekeliruan dalam pembelajaran tatabahasa. Oleh yang demikian bagi guru-guru yang mengajar tatabahasa perlulah memahami betul-betul isi kandungan dan cara-cara melaksanakan pengajaran mengikut sukatan yang telah diberikan dalam kurikulum Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Walaupun dalam sukatan pelajaran telah diberikan dengan jelas bahawa tatabahasa tidak harus diajarkan secara formal tetapi guru-guru masih kebiasaan lama dan mengajar tatabahasa secara formal; atau di sebaliknya guru mengelak langsung daripada pengajaran tatabahasa kerana kurang pasti dengan konsep penggabungan dalam pengajaran aspek bahasa tersebut. (Azman Wan Chik dan Mohd. Nadzar Shariff, 1986:47).

Selain itu juga kurangnya latihan dalam kaedah mengajar tatabahasa semasa dan selepas latihan perguruan. Ini boleh menyebabkan pengajaran tatabahasa kurang berkesan kepada murid-murid. Ada juga guru yang mengajar tatabahasa berasaskan pengalaman guru sendiri mempelajari aspek bahasa itu.

(b) Sikap Guru terhadap Murid

Selalunya guru-guru yang mengajar menaruh anggapan kepada murid-murid Melayu sudah baik bahasa mereka sehinggalah guru-guru mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang guru. Disebabkan sikap ini, sebilangan guru-guru hanya mengajar dengan sambil lewa terhadap pengajaran tatabahasa. Namun yang pastinya murid-murid di peringkat sekolah menengah, masih terdapat sebilangan yang masih lemah penguasaan mereka dalam membina ayat yang lengkap.

(c) Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Sebilangan murid-murid yang belajar mata pelajaran bahasa Melayu khususnya dalam pembelajaran tatabahasa menganggap mudah. Dari sinilah berpunca sifat sambil lewa dan kurang serius dalam pelajaran bahasa Melayu. Akibatnya telah menyebabkan kemahiran yang dicapai oleh murid-murid sekolah kurang

OLEH AWANGKU SUHARMAN PENGIRAN TUAH

memuaskan.

Murid-murid yang bukan Melayu pula beranggapan mata pelajaran bahasa Melayu adalah susah. Ada juga murid yang tidak mahu mempelajarinya sehinggalah golongan inilah yang selalunya mengalami kegagalan.

Langkah-langkah bagi menghindari masalah kelemahan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa:

(a) Perubahan Sikap

Guru dan murid-murid perlu sama-sama memikirkan keadaan yang sebenar mengenai pelajaran bahasa Melayu. Ini membolehkan kita akan dipandang lebih baik oleh rakyat asing yang datang ke Negara Brunei Darussalam. Ini bukan saja mendukung cita-cita negara supaya taraf bahasa Melayu yang betul-betul baik dan dapat memikul peranan di lapangan akademik dan bukan akademik supaya imejnya meningkat setinggi yang mungkin.

(b) Guru mestilah mempunyai strategi pengajaran tatabahasa yang lebih berkesan

Menurut Koh Boh Boon (Koh Boh Boon, 1988:115), bagi suatu strategi yang sempurna untuk meningkatkan kecekapan guru dalam pengajaran tatabahasa mestilah berteraskan prinsip-prinsip pendidikan guru yang berikut:

1. Latihan praperkhidmatan hanya memberi asas kepada seseorang guru mestilah disambung dengan latihan dalam perkhidmatan yang berterusan lagi tersusun.

2. Latihan dalam perkhidmatan yang formal mestilah dilengkapi dengan latihan tak formal seperti melalui kehadiran dalam persidangan, seminar dan ceramah.

3. Sesuatu kursus perguruan yang lengkap mestilah memberi latihan untuk menguasai isi pelajaran dan teknik pengajaran.

4. Guru mestilah dibekalkan bahan asas (termasuk buku teks) yang bermutu untuk memudahkan perancangan dan pengajaran.

5. Guru mestilah digalakkan untuk memajukan diri melalui buku-buku rujukan mengenai bidang pengkhususan.

Selain itu bagi memastikan kemahiran menggunakan tatabahasa, guru-guru seharusnya pandai mengabugijalinkan dengan pelbagai kemahiran yang seharusnya dikuasai oleh pelajar di sekolah. Pelajaran tatabahasa seharusnya terjalin melalui penggunaan bahasa dalam bacaan dan fahaman, gerak kerja lisan dan gerak kerja bertulis. Pengabugijalanan dibuat oleh guru yang mengajar dengan memastikan bahan atau item (sebagai contoh Ayat Selapis) yang diajar mestilah kerap digunakan terdapat dalam bacaan dan kefahaman, gerak kerja lisan dan gerak kerja bertulis. Maka dari sini pelajar-pelajar akan menguasai tatabahasa dengan lebih berkesan dan baik.

KESIMPULAN

Guru bahasa Melayu adalah penting bagi memastikan murid-murid dapat mempelajari tatabahasa dengan lebih baik dan berkesan. Kurikulum Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam juga penting bagi memastikan sukatan-sukatan pelajaran dan buku-buku yang dikeluarkan untuk guru-guru akan mencapai matlamat bagi murid-murid mencapai tahap bahasa Melayu yang sungguh mengagumkan, bukan sahaja dalam bidang akademi malah dalam bidang bukan akademi.

Bagi murid-murid yang mempelajari bahasa Melayu kursusnya orang Melayu, jangan beranggapan bahawa bahasa Melayu itu pelajaran yang mudah dan hendaklah tanamkan dalam hati supaya pelajaran bahasa Melayu mencapai tahap yang lebih baik dari itu barulah mencapai tahap yang dikehendaki dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa.

PENGAJARAN tatabahasa bagi pelajar-pelajar sekolah adalah berbeza sama sekali. Maka dapatlah dikategorikan pelajar peringkat sekolah rendah berbeza dengan pelajar peringkat sekolah menengah. Peringkat sekolah rendah lebih kepada pengajaran tatabahasa bersifat tidak formal dan bagi pengajaran tatabahasa pelajar peringkat sekolah menengah lebih kepada bersifat formal.

Empat faktor penting membersihkan jiwa, mempertingkatkan taraf seseorang

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala, takwa dalam erti kata menjalankan segala perintah dan suruhan-Nya, serta meninggalkan segala apa yang dilarang-Nya, semoga kita mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wataala di dunia dan juga di akhirat.

Sebagai hamba Allah, kita hendaklah memastikan bahawa keadaan kehidupan kita adalah sentiasa berada di dalam pengawasan Allah Subhanahu Wataala. Dengan demikian, maka

akan lahir dalam diri kita bahawa segala lintasan hati, gerakan lidah dan kelakuan perbuatan kita menuju ke arah keredaan Allah dan keampunan-Nya. Tiada yang ditakuti dalam kehidupan ini melainkan Allah Subhanahu Wataala sahaja.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa yang makan makanan yang baik dan beramal mengikut Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyelamatkan manusia dari perkara-perkara yang tidak diinginkan oleh mereka nescaya dia akan memasuki Syurga."

Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya telah menjelaskan bahawa pada umumnya terdapat beberapa faktor penting yang boleh membersihkan jiwa dan boleh mempertingkatkan seseorang itu ke taraf yang tinggi dan mulia di sisi Allah Subhanahu Wataala dan manusia iaitu:

Pertama: Memastikan hubungannya dengan Allah Subhanahu Wataala sentiasa di dalam keadaan baik dan terpelihara, sesungguhnya bagi mereka yang memutuskan hubungan dengan Allah, maka mereka akan ditimpa ke-

hinaan, kerugian dan hidup di dalam keadaan keluh-kesah.

Kedua: Memastikan segala barang yang masuk ke dalam tubuh badan mereka itu bersih dan halal iaitu sama ada makanan, minuman dan lain-lainnya. Yang dimaksudkan dengan makan makanan yang baik itu ialah memastikan bahawa zat barang makanan tersebut itu adalah halal dan tidak memudaratkan, juga memastikan bahawa sumber pendapatan dan cara mendapatkannya adalah dari cara yang halal dan tidak haram.

Dari itu jelaslah kepada kita bahawa setiap Muslim, mestilah berusaha dan berhati-hati agar kita tidak terlibat di dalam kegiatan-kegiatan haram seperti rasuah, penipuan, putar-belit, curi, penyelewengan dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah An-Nisaa' ayat 29 yang tafsirannya:

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan batil (salah), kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu ber-

PASTIKAN HUBUNGAN DENGAN ALLAH BAIK


bunuh-bunuhan sesama sendiri, sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu."

Ketiga: Berusaha mengikut dan mengamalkan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam kita mengharungi kehidupan. Di dalam keadaan kehidupan kita yang amat mencabar ini, maka hendaklah kita sebagai seorang Muslim sentiasa memastikan bahawa kehidupan dan cara hidup kita mengikut dan berpegang teguh kepada Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana dengan cara ini sahaja kita boleh selamat di dunia dan di akhirat.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Barangsiapa yang berpegang dengan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam masuklah ia ke dalam Syurga." Riwayat Ad-Darakudni.

Umat Islam sekali-kali tidaklah boleh membelakangi atau meninggalkan atau menentang hukum-hukum hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada dengan alasan ataupun sebaliknya. Oleh itu barang siapa yang menolak atau tidak mempercayai dan tidak mengakui hadis (Sunnah)



Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai perundangan Islam bererti mereka tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Fatah ayat 13 yang tafsirannya:

"Dan barangsiapa

yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya Kami menyediakan untuk orang-orang kafir neraka yang beryala-nyala."

Keempat: Memastikan segala hubungan sesama manusia dan makhluk lain di dalam keadaan yang baik dan terpelihara.

Iaitu semua umat Islam hendaklah mengelakkan diri dari melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan perpecahan sesama Islam dan sebaliknya mereka mestilah sekata, seiringan dan sejalan dalam segenap usaha untuk memelihara dan membangunkan umat.

Manusia mempunyai sifat-sifat semula jadi yang berbagai-bagai rupa

dan berbagai-bagai ragam dan dari sifat-sifat yang berlainan itu, maka lahir-lah keinginan yang bermacam-macam dan tindak-tanduk dalam hidupnya yang berbagai-bagai ragam dan corak. Maka sekiranya tindak-tanduk manusia itu tidak dibentuk dan dikawal dengan sebaik-baiknya mengikut kehendak dan ajaran Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya, maka akan jadilah manusia itu seperti kapas yang ditiup angin tanpa haluan dan tujuan. Di samping itu ia akan menghadapi berbagai-bagai masalah hidup yang sukar dicari jalan penyelesaian. Manusia yang berpaling ingkar dari ajaran Allah Subhanahu Wataala, maka ia akan mengalami kehidupan yang sempit di dalam dunia, resah gelisah dan tidak tenteram serta jiwanya akan menderita. Dan di akhirat pula ia akan di-himpunkan bersama-sama orang-orang yang sesat di dalam keadaan buta.

Firman Allah dalam Surah Thaahaa ayat 124 yang tafsirannya:

"Dan siapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada Hari Kiamat dalam keadaan buta."

وقت سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبہیخ، امساک، شوروق دان ضحی باگی دائره برونی دان موارا مولای دری هاری رابو، 27 شوال، 1423 برسمان دغن ۱ جینواری، 2003 هیگ کھاری ثلاث، 4 ذوالقعدة، 1423 برسمان دغن 7 جینواری، 2003 اداله سفرت دباوه این :-

هجری	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسیحی
دوال	12.25	3.47	6.19	7.34	4.55	5.05	6.27	6.53	جنوری
27	12.25	3.47	6.20	7.34	4.55	5.05	6.28	6.53	1
28	12.26	3.48	6.20	7.35	4.56	5.06	6.28	6.54	2
29	12.26	3.48	6.21	7.35	4.56	5.06	6.29	6.54	3
1 ذوالقعدة	12.27	3.49	6.21	7.36	4.57	5.07	6.29	6.54	4
2	12.27	3.49	6.22	7.36	4.57	5.07	6.30	6.55	5
3	12.28	3.50	6.22	7.37	4.58	5.08	6.30	6.55	6
4									7

وقت ۲ سبہیخ باگی دائره توتوغ دھبه ساتو مینیت دان دائره بلایت دھبه تیگ مینیت، سبہیخ فرض جمعة دسلوروہ نگارا برونی دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 تھهاری.

UMAT Islam sekali-kali tidaklah boleh membelakangi atau meninggalkan atau menentang hukum-hukum hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada dengan alasan ataupun sebaliknya. Oleh itu barang siapa yang menolak atau tidak mempercayai dan tidak mengakui hadis (Sunnah) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai perundangan Islam bererti mereka tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

RAHSIA SEMBAHYANG :

Pandangan Mengenainya Secara Umum

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasahbihe Waman Walah.

7. ORANG yang mengerjakan sembahyang dengan sempurna akan terselamat daripada segala kelemahan dan diangkat darjatnya kepada semulia-mulia makhluk, sebagaimana Allah Subhanahu Wataala menyifatkan hamba-Nya yang tafsirnya:

"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut) (19).

Apabila ia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah (20).

Dan apabila ia beroleh kesenangan, ia sangat bakhil kedekut (21).

Kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang (22).

Iaitu mereka tetap mengerjakan sembahyangnya (23).

Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklumlah, (24).

Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta) (25).

Dan mereka yang percayakan hari pembalasan (dengan mengerjakan amal-amal yang salih sebagai buktinya) (26).

Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhannya (27).

Kerana sesungguhnya azab Tuhan mereka, tidak

patut (bagi seseorang pun) merasa aman terhadapnya (28).

Dan mereka yang menjaga kehormatannya, (29).

Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidaklah tercela (30).

Kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas (31).

Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya (32).

Dan mereka yang memberikan keterangan dengan benar lagi adil (semasa mereka menjadi saksi) (33).

Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya (34).

Mereka (yang demikian sifat-sifatnya) di tempatkan di dalam Syurga dengan diberikan penghormatan." (Surah Al-Ma'arij: 19-35).

8. Sembahyang adalah perkara dan amalan yang mula-mula dihisab di Hari Kiamat. Orang yang sem-

Bilangan 149 Bahagian Akhir

purna sembahyangnya, nescaya akan berjaya dan bahagian di akhirat kelak. Akan tetapi jika sebaliknya, nescaya dia akan kecewa dan rugi. Perkara ini disebutkan dalam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Perkara yang pertama sekali dihisab atau dihitung ke atas seorang hamba pada hari kiamat adalah sembahyangnya. Jika (sembahyangnya itu) baik, maka dia termasuk orang yang bahagian dan berjaya. Namun jika (sembahyangnya itu) rosak, maka dia termasuk orang kecewa dan rugi. Jika terdapat kekurangan sedikit daripada sembahyang fardhunya, Allah 'Azawajalla berfirman: "Lihatlah (wahai malaikat) adakah hamba-Ku ini mengerjakan sembahyang sunat, maka sembahyang sunatnya itulah yang menyempurnakan kekurangan yang ada pada sembahyang fardhu. Kemudian demikian juga (perkara fardhu jika ada kekurangan) pada semua amalnya (akan sempurna dengan perkara sunat)." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Sabda Baginda yang lain yang maksudnya: "Aku diarahkan supaya memerangi manusia sehinggalah

mereka mengucapkan dua kalimah syahadat iaitu mendirikan sembahyang serta mengeluarkan zakat. Sesiapa yang melakukannya bererti dia dan hartanya bebas daripada aku kecuali dibenarkan oleh syariat Islam dan segala-galanya terserahlah kepada Allah Subhanahu Wataala untuk menentukannya." (Hadis Muttafaq 'Alaihi).

9. Surah Al-Faatihah adalah salah satu rukun qauli dalam sembahyang. Ia dibaca ketika berdiri setelah membaca Doa Iftitah. Perkara ini berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Barangsiapa mendirikan sembahyang tanpa membaca padanya umm Al-Quran (Surah Al-Faatihah), nescaya sembahyangnya itu khidaj (kurang, rosak atau batal) (Baginda mengulanginya sebanyak) tiga kali, tidak sempurna sembahyangnya. Dikatakan kepada Abu Hurairah: "Sesungguhnya kami berada di belakang imam berjemah (adakah kami membaca Surah Al-Fatihah atau tidak?)". Dia berkata: "Bacalah Surah Al-Faatihah itu secara sirran (seku-rang-kurang didengar oleh diri sendiri), sesungguhnya aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Allah Taala berfirman: Aku bahagikan sembahyang (Al-Faatihah) antara Aku dan hamba-Ku separuh-separuh, dan bagi

hamba-Ku meminta apa sahaja. Apabila seorang hamba berkata (segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan men-tadbirkan sekalian alam),

Allah Taala berfirman: (hamba-Ku bersyukur dan memuji-Ku);

Apabila berkata: (yang amat pemurah lagi amat mengasihani),

Allah Taala berfirman: "(hamba-Ku memuji-Ku)";

Apabila berkata: "(yang menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat))",

Allah Taala berfirman: "(hamba-Ku mengagungkan Aku) dan sesekali (Allah) berfirman: "(Hamba-Ku pasrah pada-Ku)";

Apabila berkata: "(Engkau sahaja sahaja (ya Allah) yang kami sembah, dan kepada Engkau sahaja kami memohon pertolongan)",

Allah Taala berfirman: "(Ini antara-Ku dengan hamba-Ku dan bagi hamba-Ku meminta apa sahaja)";

Apabila berkata: "(Tunjukkan kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat)",

Allah Taala berfirman: "(Ini bagi hamba-Ku dan bagi hamba-Ku meminta



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

apa sahaja." (Hadis riwayat Muslim).

PENUTUP

Sesungguhnya sembahyang itu kurnia yang amat besar daripada Allah kepada umat Muhammad yang diterima langsung oleh Baginda di Sidratul Muntaha pada malam yang penuh berkat Israk dan Mikraj.

Sesungguhnya itu adalah detik-detik munajat kepada Allah. Detik-detik penumpuan diri yang total kepada Allah.

Oleh kerana itu untuk mencapai detik-detik menuju kepada Allah itu, maka semestinya sembahyang yang kita kerjakan bersifat sempurna, jauh dari alam kebendaan, jauh dari alam nafsu dan syahwat sehingga kita merasa kelazatan dan kenikmatan berdampingan dengan Allah. Firman-Nya yang tafsirnya: "Sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal salih)." (Surah Al-Alaq: 19).

Akhirnya akan tercapailah matlamat hidup ini sebagaimana firman Allah yang tafsirnya: "Dan bahawa sesungguhnya kepada hukum Tuhanmulah kesudahan (segala perkara)." (Surah An-Najm: 42).

Siapa yang mendirikan sembahyang, maka sebenarnya dia telah mendirikan agama. Siapa yang meninggalkan sembahyang, maka dia telah merobohkan agama.

Sesungguhnya tidak diragukan bahawa sembahyang yang didirikan oleh seseorang menurut petunjuk Allah dan Rasulullah adalah di antara cara-cara yang paling berjaya dan berkesan dalam hal mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Oleh kerana itu amatlah penjelasan rahsia sembahyang sebagaimana yang diuraikan di atas supaya kita termasuk orang-orang Islam yang berjaya dengan sembahyang yang kita kerjakan itu.

WALLAHUAKLAM

NILAI kehidupan di alam remaja berharga dan perlu dijaga supaya tidak tercemar dan dapat dibentuk dengan sempurna. Alam remaja hanya dilalui buat beberapa tahun dan akan lenyap setelah kedatangan usia dewasa.

Kerana itu, setiap remaja harus di bimbing dan membimbing diri dengan satu sikap hidup yang positif, tegas, berilmu, beragama, berwawasan dan perlu mencontohi dan mengikut banyak lagi ciri-ciri kehidupan yang baik agar dapat menjamin kebahagiaan hidup masa depan. Dari sebab itulah makanya waktu muda (remaja) adalah waktu yang paling tepat untuk remaja menilai mereka dan perlu bimbingan daripada ayah dan ibu dalam menentukan arah tujuan dan matlamat hidup yang wajar.

Kedatangan tahun baru 2003 membuka lagi lembaran baru. Ini bermakna selain daripada pengalaman hidup yang lalu, banyak perkara baru akan dirasakan dan dilalui sebagai cabaran hidup untuk lebih maju dan berkembang mengikut aliran masa kini. Dalam mengejar kemajuan hidup, semua orang khususnya para remaja harus peka dan hati-hati dalam menempuh sebarang kemungkinan yang berpengaruh kerana semakin dunia maju, semakin bertambah lagi cabaran-cabaran hidup yang perlu diteliti dan diawasi. Hanya dengan azam yang kuat serta kerajinan, keberanian dan kepintaran para remaja, segala usaha dapat diatasi dan terhindar dari timbulnya sebarang masalah dan gejala perosak kehidupan. Para remaja adalah harapan bangsa dan negara serta menjadi aset utama dalam kehidupan masyarakat. Dengan adanya daya usaha di kalangan yang tua, yang muda (remaja) sebagai penggerak utama ke arah pembangunan dalam perkembangan negara dan bangsa di samping mengutamakan prinsip hidup yang berdasarkan pegangan dan tuntutan Islam.

Para remaja tidak perlu bimbang dalam meniti kehidupan sehari-hari asalkan tahu membawa diri ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala. Sebagai seorang remaja Muslim yang bertakwa dan beriman, di samping mempunyai pendirian dan pemikiran

Nilai kehidupan alam remaja

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلولان ثوسة دعوه اسلاميه

yang betul serta kukuh lagi sempurna, makanya perlu ada keyakinan diri dan memiliki akhlak yang mulia. Beruntunglah bagi remaja yang tahu mentadbir diri dan kehidupannya sebab kesempurnaan iman itu berkait rapat dengan kesempurnaan akhlak seseorang itu seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud :

"Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya."

Jelas dari keterangan hadis tersebut berhubung kait dengan apa jua yang ada pada diri dan kehidupan manusia sebab jika akhlak tidak sempurna maka rosaklah iman. Dari sebab itu disarankan agar para remaja menggunakan waktu muda ke jalan kebaikan sebab waktu muda adalah waktu yang paling tepat mengisi kehidupan dengan cara yang baik. Sememangnya alam remaja adalah alam yang mesti ditempuh oleh setiap individu. Oleh sebab itulah, para remaja tidak boleh berlepas diri daripada bimbingan ibu bapa dan seharusnya para remaja berlaku taat kepada kedua-dua ibu bapa mereka yang membimbing dan mengasuh mereka dengan bersendikan ajaran Islam.

Selain itu, para remaja harus sedar bahawa waktu remaja adalah waktu yang serba baru yang perlu berhadapan dengan bermacam-macam cubaan. Perlunya para remaja jangan lalai menggunakan waktu remajanya sebab jika dipersia usia remaja ke arah yang tidak sihat makanya akan timbul penyesalan seumur hidup. Jelas, waktu yang berharga itu tidak akan datang kembali dalam hidup kerana ia akan terus berlalu ke hadapan tanpa menoleh ke belakang. Dari sebab itulah makanya didikan asas di waktu muda adalah masa yang terbaik untuk memulakan penghidupan baru yang bakal dijalani seterusnya hingga ke akhir hayat.

Penampilan yang baik dan peribadi yang mulia boleh membantu para remaja hidup beribadah dan tidak berasa rendah diri. Malah, semangat dan keazaman yang kuat akan membolehkan para remaja berpendirian teguh dan tidak mudah terikut-ikut, keliru dan terpedaya dengan ajaran songsang (sesat). Remaja yang bijak adalah remaja yang tidak mudah terjerumus ke lembah penghinaan bahkan tahu menjaga maruah diri dan keluarga.

Banyak cara yang baik boleh dijadikan garis panduan dalam menjalani kehidupan dari masa ke semasa, antaranya dengan cara menyingkirkan perasaan-perasaan malas dan tidak yakin kepada kebolehan diri sendiri. Perlunya juga menghindarkan diri dari kebiasaan lemah semangat yang

mana di sebaliknya perlu memiliki azam dan tekad baru kerana jika manusia lain yakin dan boleh, tentu saja para remaja lebih berkemampuan dan sedia menerima bimbingan yang sihat lagi diredai oleh Allah Subhanahu Wataala.

Perlu juga diingat bahawa setiap usaha hendaklah diiringi dengan doa kepada Allah Subhanahu Wataala dan jangan sekali-kali melupakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Berusaha dan bertawakal adalah tindakan yang sebaik-baiknya sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Tarmizi yang bermaksud :

"Andai kata kamu bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal, nescaya kamu diberi sebagaimana rezeki diberi kepada burung yang keluar pagi dengan perut kosong dan kembali dengan perut kenyang."

Percayalah bahawa setiap orang ada kebolehan dan kemahiran dalam bidang masing-masing yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka demikianlah juga halnya para remaja. Jadinya, pergunakanlah segala peluang dalam kehidupan sebaik mungkin di jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala, semoga usaha dan doa yang dipanjatkan beroleh kemakmuran dan kejayaan dalam melalui liku-liku kehidupan di dunia dan di akhirat kelak.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menabur bunga rampai kepada keluarga puak Iban yang memeluk agama Islam. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Temburong. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Empat keluarga bangsa Iban memeluk Islam

TEMBURONG, 16 Disember. - Empat buah keluarga puak Iban telah melafazkan ikrar pengislaman mereka sempena umat Islam di negara ini menyambut Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Temburong di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain menjadi tetamu kehormat di majlis tersebut.

Empat keluarga puak Iban ialah Juli anak Untam, 45 tahun memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Yusof bin Abdullah dan isteri, Muhammad Yusof, Pawa anak Bungga, 31 tahun dikenali sebagai Nur Sabariah binti Abdullah Bungga.

Dua orang anaknya masing-masing berusia 11 dan lapan tahun dikenali sebagai Muhammad Al-Firdaus bin Muhammad Yusof dan Mohammad Sabri Yunus bin Muhammad Yusof.

Sementara itu Erong anak Rumpu, 52 tahun memilih nama Islamnya sebagai Abdul Latif bin Abdullah Rumpu dan

Oleh Haji Ahmad HS

anaknya, Suda anak Erong dikenali sebagai Nurul Saudah Syahirah binti Abdul Latif.

Dua puak Iban yang lain, Mereyani anak Gelingan berusia 18 tahun dikenali sebagai Khairunnisa Sofiah binti Md. Azlan dan Jumat anak Bungga memilih nama Islam sebagai Muhammad Faris-safiq bin Abdullah Bungga.

Majlis Pengislaman mereka telah di-kendalikan oleh pegawai-pegawai Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong dan diselenggarakan dengan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada mereka yang diraikan dan didahului oleh tetamu kehormat.

Sejak bulan Januari sehingga bulan November tahun 2002 seramai 30 orang telah memeluk agama Islam di Daerah Temburong antaranya terdiri dari puak Iban.

Kg. Bunut Perpindahan mempunyai klinik baru

Oleh Siti Aishah HS

Klinik tersebut juga menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bilik permainan kanak-kanak, bilik rawatan suntikan, bilik bidan, bilik penyusuan ibu-ibu, bilik rekod

perubatan, bilik serbaguna, bilik kakitangan dan beberapa buah bilik yang lain dengan kemudahan asas yang disediakan.

Bangunan Klinik Kesihatan Kampong Bunut Perpindahan, antara lain juga memberikan perkhidmatan kesihatan kepada ibu-ibu dan kanak-kanak

bagi penduduk-penduduk di sekitar kawasan Kampong Telanai, Kampong Madewa, Kampong Bunut, Kampong Tasek Meradun, Kampong Bengkurong, Kampong Burong Lepas, Kampong Sinarubai dan juga sebahagian Kampong Kilanas, Kampong Bebatik serta Ban 5 dan 3.

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Disember. - Dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan sempurna, keutamaan para pesakit dan penduduk setempat hendaklah diberi perhatian bagi mengekalkan kesihatan yang sempurna.

Justeru itu, upacara penyerahan anak kunci bagi Klinik Kesihatan Kampong Bunut Perpindahan diserahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh yang berlangsung di bangunan klinik berkenaan, Jalan Haji Halus.

Bangunan Klinik Kesihatan Kampong Bunut tersebut dibina bagi menggantikan Klinik Kesihatan yang lama yang mana telah beroperasi sejak tahun 1958.

Pembinaan klinik berkenaan merupakan salah satu Projek Perkembangan Infrastruktur Kesihatan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan ianya menelan belanja sebanyak B\$1,267,676.05.

BANGUNAN Klinik Kesihatan Kampong Bunut Perpindahan yang menelan belanja B\$1,267,676.05 adalah bagi menggantikan Klinik Kesihatan lama yang telah beroperasi sejak tahun 1958 (kanan). - Gambar oleh Ramli Tengah.



KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Salleh menerima kunci Klinik Kesihatan baru Kampong Bunut Perpindahan dari Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Rashid bin Haji Abdul Rahman. - Gambar oleh Ramli Tengah.



2.5 juta seluruh dunia menderita kurang penglihatan

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Disember. - Dianggarkan lebih 2.5 juta orang di seluruh dunia menderita kurang penglihatan disebabkan oleh komplikasi penya-

kit kencing manis di mana kira-kira dua peratus daripadanya yang menghidap kencing manis selama 15 tahun menjadi buta, manakala 10 peratus mengalami

kurang daya penglihatan.

Di Negara Brunei Darussalam penyakit kencing manis dan komplikasinya merupakan punca utama ketiga menyebabkan kematian.

Penyakit kencing manis berhubung kait dengan buah pinggang merupakan sebab utama kedua memerlukan dialisis di Negara Brunei Darussalam.

Strok berlaku lebih dua kali ganda daripada mereka yang menghidap penyakit kencing manis berbanding dengan mereka yang hanya menghidap tekanan darah tinggi sahaja.

Di Negara Brunei Darussalam kira-kira 1,500 kes penyakit kencing manis dicatatkan pada tahun 2002 dan mereka yang menghidap kencing manis adalah dua hingga empat kali lebih mudah menghidap penyakit jantung berbanding dengan mereka yang tidak menghidapnya.

Di negara-negara membangun penyakit kencing manis merupakan punca utama buta mata dan kerosakan daya penglihatan mata yang dialami oleh golongan swasta.

Sehubungan itu bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai akan pentingnya mencegah dan mengawal penyakit kencing manis dari berluasa, Kementerian Kesihatan dan beberapa jabatan di bawahnya serta pihak swasta yang menjual

barangan makanan menyambut Hari Kencing Manis Sedunia dengan mengadakan pameran-pameran dan pemeriksaan darah percuma berlangsung di ruang ligar Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) di sini.

Pameran yang dibuka selama seminggu dan pemeriksaan darah percuma selama sehari disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Rumah Sakit RIPAS, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar.

Sambutan Hari Kencing Manis Sedunia yang diadakan pada tahun ini bertepatan 'Mata Anda dan Kencing Manis: Jangan Lupakan Risikonya'.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan, pada masa ini terdapat dua jenis penyakit kencing manis iaitu jenis 1 hampir 90 peratus keseluruhannya berlaku di kalangan orang dewasa dan jenis 2 pula menyerang di kalangan kanak-kanak dan golongan remaja.

Kenyataan itu menambah sekurang-kurangnya 170 juta orang di seluruh dunia menghidap penyakit kencing manis dan dua pertiga daripadanya dari negara membangun, sementara jumlahnya semakin meningkat dalam semua peringkat terutamanya golongan muda, manakala 50 peratus keseluruhan mereka yang menghidap penyakit kencing manis kurang menyedari keadaan tersebut.



KETUA Pegawai Eksekutif Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Besar ketika menyaksikan pameran untuk memberikan kesedaran orang ramai betapa pentingnya mencegah dan mengawal penyakit kencing manis yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan di ruang ligar Rumah Sakit RIPAS. - Gambar oleh Masri Osman.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Sentiasa berjimat cermat

HARI ini kita sudah melangkah ke tahun baru Masihi 2003. Cuti persekolahan akan berakhir dan musim baru persekolahan menjelang tiba. Sambutan Hari Raya Aidilfitri semakin jauh dari ingatan dan yang harus difikirkan masa kini ialah persiapan anak-anak untuk belajar di sekolah.

Ibu bapa, anak-anak dan guru-guru semuanya sibuk dengan urusan masing-masing. Ibu bapa sibuk membawa anak-anak untuk membeli keperluan

anak-anak di sekolah. Guru-guru pula sibuk mengemaskinikan jadual pembelajaran penuntut-penuntut supaya lebih teratur, tambahan lagi dengan urusan penerimaan penuntut baru di sekolah berkenaan.

Orang ramai mula berpusu-pusu membeli peralatan dan alatan keperluan sekolah. Kebanyakan gedung-gedung perniagaan khususnya kedai-kedai buku mengalih pandangan dengan menyediakan barangan keperluan sekolah seperti buku kerja, alat tulis, beg seko-

lah, pakaian seragam dan sebagainya dengan menawarkan harga yang berpatutan. Tidak dapat dinafikan semua ibu bapa pasti mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Pada masa inilah, ibu bapa akan berbelanja lebih dari selalunya kerana ia adalah salah satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh mereka. Selain itu, sudah menjadi kebiasaan sempena tahun baru ini, orang ramai mahu sesuatu pembaharuan dan tidak mahu terus kekal duduk di takuk lama. Para ibu bapa sang-

gup 'berhabis-habisan' menyediakan dan membelikan anak-anak mereka perkakas keperluan sekolah yang serba baru tahun baru ini.

Walau bagaimanapun, di dalam keghairahan membeli-belah ini, janganlah kita terlalu rakus hingga membazirkan wang ringgit dan masa semata-mata. Kita sentiasa dgalakkan untuk berjimat cermat dan bersederhana. Sebagaimana pepatah Melayu kita 'beringat-ingat sebelum habis'. Untuk itu, kita bolehlah bekerjasama dengan pihak sekolah dalam proses pembelian buku kerja untuk

melicinkan dan memudahkan lagi perancangan kita sekali gus tidak membuang masa.

Di samping itu, di musim persekolahan yang baru ini, penampilan kita juga hendaklah baru. Dalam erti kata lain, yang baik dan berguna di tahun lepas kita jadikan teladan, sementara yang buruk kita jadikan sempadan. Kalau sebelum ini kita agak kurang bermaya dan bersemangat, di tahun 2003 ini kita sebolehnya mahu menampilkan imej diri yang lebih tersusun untuk memacu kepercayaan diri dan semangat pembelajaran. Hendaklah kita semai di jiwa kita matla-

mat ingin maju atau lebih rajin dan tekun berbanding tahun sebelumnya.

Dalam konteks ini, kita haruslah mempunyai semangat yang kuat, fokus dan kental untuk menghadapi panorama persekolahan yang baru lagi mencabar. Tidak syak lagi, di musim perseko-

laahan yang baru ini, kita semuanya akan berwajah serba-serbinya baru dengan identiti dan azam yang tersendiri.

**Mohd. Muslihuddin
Syah bin Haji Mustafa,
No. 5A Sgg. 704,
Kampung Jerudong
BG 3122.
No. K/p : 00-313122**

Ibu bapa perlu bijak dalam perbelanjaan sekolah

SETELAH merayakan Hari Raya baru-baru ini, tibalah masanya para ibu bapa membuat persiapan untuk perbelanjaan anak-anak sekolah. Seperti lazimnya apabila hampir tiba musim persekolahan, kedai-kedai menjual peralatan sekolah dan pakaian sekolah dalam berkeadaaan sibuk dan pekerja-pekerja kedai pula sibuk melayan kerenah pelanggan terutama para ibu bapa yang membeli peralatan dan keperluan sekolah untuk anak-anak mereka. Anak-anak pula merasa gembira dengan ketibaan musim persekolahan baru yang mereka nati-nantikan.

Memang tidak dinafikan di musim persekolahan baru ini, anak-anak sekolah akan memiliki semua serba baru yang meliputi pelbagai perkara seperti mereka akan berjumpa dengan kawan-kawan dan guru-guru baru dan sebagainya. Namun demikian, ini tidak bermakna musim persekolahan itu semuanya serba baru. Apa yang paling penting dalam menjelang musim persekolahan ini ialah azam seseorang kerana ia amat mustahak untuk melakukan sesuatu yang lebih terbaik daripada yang dahulu sehingga mencapai kejayaan. Umamanya belajar sungguh-sungguh agar mendapat keputusan peperiksaan yang memuaskan, meningkatkan prestasi pembelajaran dan lainnya.

Dalam kesibukan membeli keperluan sekolah, para ibu bapa juga perlu bijak mengimbangi perbelanjaan. Jika perlu, para ibu bapa membeli keperluan yang penting sahaja umpamanya teks-teks buku sekolah. Peralatan dan pakaian

sekolah yang masih kelihatannya elok bolehlah digunakan bagi tujuan mengelakkan pembaziran dan mewujudkan sikap berjimat cermat. Sikap sebegini perlu disemai dalam diri setiap individu sama ada berpendapatan rendah mahupun besar bagi tujuan dapat mengatur 'budget'. Bagi yang berpendapatan rendah dan mempunyai anak-anak sekolah yang ramai, sudah setentunya berbelanja dengan ala kadar sahaja dan membeli keperluan sekolah yang difikirkan penting sahaja. Berlainan halnya pula bagi yang berpendapatan besar, ada sesetengah daripada mereka membeli semua keperluan sekolah serba baru walaupun terdapat keperluan sekolah yang masih elok dan boleh digunakan.

Pada dasarnya, musim persekolahan baru tidak bererti semua serba baru seperti mana yang difikirkan oleh anak-anak sekolah kita. Namun dengan sikap kebiasaan bagi sesetengah ibu bapa yang membeli semua keperluan sekolah yang serba baru menyebabkan anak-anak menginginkannya serba baru setiap menjelang tiba musim persekolahan baru. Perkara ini tidak boleh dipersalahkan oleh anak-anak kerana ibu bapalah yang menjadi punca yang mana terdapat sesetengah anak-anak mahu juga memiliki keperluan sekolah semua serba baru. Jadi, ibu bapa perlu berwaspada dan bijak dalam perbelanjaan sekolah.

**Awang Tahir bin Awang
Haji Aji
No. 47, Simpang 49,
Kampung Bunut
Jalan Haji Halus, Jalan
Tutong BF 1320.
No. K/p : 00-263932**

Gunakan peralatan persekolahan yang lalu

MUSIM persekolahan merupakan petanda penggal pertama persekolahan akan bermula dan selazimnya di awal tahun baru. Dengan persediaan keperluan persekolahan yang serba baru dan lengkap, diiringi dengan keazamaan tahun baru, musim persekolahan menjanjikan satu cabaran dan kegembiraan bagi mereka yang akan memulakan persekolahan. Keinginan untuk memiliki keperluan persekolahan serba baru sememangnya menjadi idaman sebilangan besar anak-anak sekolah dan para pelajar. Tinggal lagi kemampuan dan peruntukan perbelanjaan yang diperlukan untuk memenuhinya.

Sebagai agenda utama dan tahunan kepada ibu bapa dan penjaga, keperluan persekolahan yang serba baru menjadi tradisi, selain dapat menjadi motivasi kepada anak-anak sekolah dan para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik mereka. Tuntutan untuk memenuhi semua keperluan ini kadangkala menjadi beban penting yang perlu dipenuhi. Dalam hubungan ini, kebijaksanaan melayan permintaan anak-anak sekolah dan para pelajar kita perlu dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya. Ini kerana kepentingan pelajaran yang berguna bagi masa depan mereka, perlu diperjelaskan di satu aspek, manakala dalam masa yang sama, untuk mendapatkan keperluan yang serba baru tidak semestinya perlu dipenuhi.

Dengan tibanya persekolahan, kesibukannya memang sudah dijangkakan dengan gedung-gedung membeli-belah atau kedai-kedai keperluan persekolahan turut mempromosikan barangan persekolahan. Dari keperluan pakaian dan beg-beg sekolah hingga kepada alat-alat tulis, semuanya cukup menarik

minat anak-anak sekolah dan para pelajar kita untuk mendapatkan yang serba baru. Dalam hubungan ini, kebijaksanaan para ibu bapa dan penjaga juga diperlukan untuk menilai perbelanjaan mereka dan aspek sosio ekonomi. Ini kerana kadangkala kita hanya terikut-ikut untuk memiliki keperluan persekolahan yang serba baru, sedangkan keperluan persekolahan yang ada masih dapat digunakan lagi, atau kita mungkin tidak mampu mendapatkan yang serba baru pada satu masa tertentu dan hanya akan mampu pada satu ketika yang lain.

Dengan keazamaan untuk belajar bersungguh-sungguh dan pelbagai aktiviti yang akan dihadapi di musim persekolahan, keperluan persekolahan yang serba baru juga perlu dilihat kepentinganannya. Dari aspek semangat, dorongan dan motivasi kepada anak-anak sekolah dan para pelajar, keperluan menyediakan yang serba baru memang patut dilaksanakan. Kebijaksanaan para ibu dan penjaga juga diperlukan dalam bentuk nasihat, seperti kesedaran akan kemampuan ibu bapa dan penjaga mereka

**TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG**

1. 'Peranan dan Sumbangan Brunei Dalam PBB'. Tarikh tutup 18 Januari 2003.
2. 'Kemalangan Jalan Raya - Semua Pihak Memainkan Peranan'. Tarikh tutup 25 Januari 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn**

dalam menyediakan keperluan persekolahan yang serba baru, selain menanam keazamaan untuk mereka mencapai kecemerlangan dalam pelajaran dan pengajaran mereka.

Dengan musim persekolahan yang turut menghidangkan pelbagai aktiviti, anak-anak sekolah dan para

pelajar kita juga dapat menikmati dan menggunakan hasil tabungan mereka, sekiranya mereka membuat tabungan sebelum ini, di samping dapat digunakan khusus untuk membeli keperluan persekolahan yang serba baru. Selain membantu meringankan beban dan kewajipan ibu

bapa dan penjaga mereka dalam menyediakan keperluan-keperluan yang serba baru.

Aktiviti menabung akan memberi manfaat kepada mereka untuk membeli keperluan yang mereka hajati, selain keperluan persekolahan mereka.

Keperluan persekolahan yang serba baru atau yang sebaliknya dan masih dapat digunakan untuk memenuhi musim persekolahan akan lebih bermakna dan bermanfaat sekiranya ianya dapat menjurus anak-anak sekolah dan para pelajar kita terus maju dan mencapai kejayaan dalam pelajaran dan pengajaran mereka. Sememangnya musim persekolahan ini dapat dijadikan satu projek dan perancangan untuk menyemai cita-cita anak-anak sekolah dan para pelajar kita, sekali gus mereka turut menghargai kepentingan sekolah itu sendiri dan menjaga imej mereka sebagai pelajar yang juga bertanggungjawab dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

**Abdul Wahab bin Haji
Abdullah,
No. 21 G, Kampong
Burong Pinggai Ayer
BM 1126.
No. k/p : 058132.**

REMAJA

KAWAN merupakan suatu yang amat berharga dalam kehidupan. Tanpa kawan hidup akan terasa sunyi dan sepi. Kawan bagi seorang remaja adalah lebih dari itu, kawan yang baik akan membawa diri setiap remaja kepada corak kehidupan yang sempurna dan berguna. Kawan juga kalau tersilap pilih akan membawa kepada kemusnahan hidup. Pengaruh yang dibawa oleh kawan terlalu besar dan cepat meresap ke dalam minda setiap remaja.

Kerana itu ajakan kawan akan mudah diterima berbanding dengan ajakan ahli keluarga. Remaja ada kalanya tidak selalu berfikir panjang untuk memilih kawan. Akhirnya mereka yang menganggap ringan mengenai pengertian kawan yang selalunya menjadi mangsa kepada nilai dan tabiat yang dibawa oleh kawan.

Oleh H.A. Manap

Oleh kerana kawan ini juga adalah seorang manusiawi maka akan terbit dari dalam diri mereka itu suatu tabiat atau perangai yang mungkin tidak serasi dengan diri kita. Misalnya ada kawan yang suka jadi pembuli dan kerjanya asyik hendak mengenakan kawan dan cuba merendah-rendahkan siapa yang tidak mampu men-

gatasi tabiatnya. Ada juga kawan yang bersifat ego yang terlalu sukar untuk dibendung keegoannya. Ego inilah yang akan menjadi faktor untuk menentukan kawan jenis macam mana yang sepatutnya layak bersama berada di sisinya sebagai kawan.

Tidak ramai remaja

yang suka kawan yang bersifat ego kerana nilai keegoan remaja itu hanya akan membuahkan rasa resah dan tidak disenangi oleh kawan yang lain. Ada kawan suka menjual nama kawan atas nama setia kawan yang memusnahkan. Di sekolah kalau remaja baru berjumpa de-

Kawan

ngan orang baru tentu agak terasa kekok untuk bertegur sapa, masing-masing cuba menunjukkan akulah orang yang disukai ramai atau menjadi impian semua. Ternyata rasa diri sedemikian ini adalah kesan dari keegoan dan terbentuk rasa ingin menang sendiri.

Ada pula kawan yang tidak mahu musnah sendiri, misalnya jika dia sudah ter-

libat dengan gejala sosial, dia tidak pula terfikir untuk bersendiri, ada-ada sahaja orang dalam benak fikiran untuk dimusnahkan sama, sehingga ia dipertemukan dengan seseorang yang dijadikan mangsa tabiatnya, baru ia akan merasa kepuasan dalam hidupnya. Oleh kerana kawan itu juga penentu nilai diri dan sikap seorang remaja, adalah wajar dan penting untuk para remaja mencari kawan

yang baik, bijak dan prihatin terhadap kawan sendiri. Orang yang hendaklah mempunyai nilai-nilai akhlak berkualiti tinggi. Kawan yang baik akan membawa kawannya menyertai kebaikan, sementara kawan yang asyik melihat orang lain dengan pemikiran yang sempit, tentu akan mendapati tidak ada ruang bagi orang lain dalam pandangan yang baik bagi dirinya. Akhirnya

kawan seperti inilah yang akan memusnahkan dan menjadikan kehidupan seseorang remaja itu tidak berkualiti.

Sikap keterbukaan dalam menentukan dan memilih kawan harus dilihat dari sudut yang lebih teliti supaya hasil dari perkongsian kawan itu tidak akan merugikan dan boleh pula membawa hasil yang memuaskan. Sikap dan pendirian seorang kawan yang salih dan mempunyai nilai-nilai kualiti yang baik dan tinggi sudah pasti dapat membantu mewujudkan hubungan yang amat berguna, apatah lagi dalam memandu hala tuju kehidupan ke satu arah yang lebih bermakna.

Pengaruh dan sifat seorang kawan yang baik tidak dapat dinafikan akan membawa kepada pembinaan nilai diri dan akhlak yang berguna. Pilihlah kawan dan santunilah diri dalam menentukan kawan yang macam mana sepatutnya menjadi pendamping diri kita.



GAMBAR HIASAN ... Remaja hari ini perlu tahu arah tuju dan bidang yang akan diambalnya bagi menjamin masa depan mereka, keluarga, bangsa, agama dan negara.



Lawatan Hari Raya bagi banduan dan penghuni penjara

DALAM suasana seluruh umat Islam masih menyambut Hari Raya, Jabatan Penjara khususnya di Institusi Penjara Jerudong, Penjara Maraburong dan Rumah Al-Islah, Muara tidak melupakan mereka yang masih ditahan di institusi berkenaan bagi sama-sama menyambut hari lebaran, hari yang mulia, hari kemenangan bagi seluruh umat Islam setelah mengharungi cabaran dan dugaan di bulan Ramadan yang lalu.

Pihak penjara khususnya di institusi

masing-masing telah memberi peluang kepada keluarga terdekat untuk mengunjungi dan menyambut Hari Raya bersama para banduan di Penjara Jerudong dan Penjara Maraburong serta para penghuni di Rumah Al-Islah, Muara.

Lawatan Hari Raya pada tahun ini telah diaturkan dengan mengikut giliran yang ditetapkan dan diadakan selama tiga hari bermula 11, 12 dan 14 Disember 2002 dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 hingga 4.00 petang.



PARA banduan Penjara Jerudong berpeluang meraikan Hari Raya Aidilfitri bersama keluarga masing-masing yang datang melawat mereka pada hari-hari yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Penjara (kiri).

PENGHUNI Rumah Al-Islah, Muara turut bergembira di Hari Raya tahun ini apabila dilawati oleh keluarga dan sanak-saudara (bawah).



LAWATAN Hari Raya keluarga bagi banduan Penjara Maraburong juga ditetapkan oleh Jabatan Penjara, agar mereka dapat sama-sama meraikan sambutan Hari Raya.



Rahsia 9 kunci kecil membuka 9 pintu besar isu penganggur

"**A**LLAH tidak akan merubah nasib sesuatu kaum sekiranya mereka tidak mahu merubah nasib yang ada pada diri mereka sendiri." (Al-Quran, 13:11).

"Digalakkan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan persepuluh daripada rezeki." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

"Berakit-akit ke hulu, berenang-renang ketepian
Bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian."

- Pepatah Melayu Klasik.

Nothing can stop the man with the right mental attitude from achieving his goal. Nothing on earth can help the man with the wrong attitude" - Thomas Jefferson.

"Bukalah Minda Anda! 'Minda' Adalah Seperti 'Payung Terjun', Apabila Terbuka, Ia Berfungsi..." - Kata Mutiara.

SEBENING AIR MATA BONDA DAN AYAH: "AIR MATA PESARA MAKAN GAJI"

SAYA sungguh terharu dan terkesan dengan nasib ibu saya yang bersara daripada tugas 'berga-ji hari' tanpa pencek 'satu sen' dan nasib ayah saya yang telah bersara ketika usianya 55 tahun, tanpa menerima 50% pencen, kerana tugas yang tidak dikategorikan dalam status berhak menerima pencen persaraan (beliau masih berstatus baik kerana menerima elaun kurnia khas atas gelaran unik beliau sebanyak \$500.00 sebulan: iaitu gelaran yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan, Negara Brunei Darussalam, selaku Mantri Darat. Iaitu 'Orang Kaya'.

SEKUNTUM PUISI DAN SESUAP NASI

Saya lebih terharu tentang nasib diri saya sendiri yang kini bergelar Sarjana Muda (sedang membuat program Sarjana, part-time, bayar sendiri...), tetapi terperangkap oleh kegawatan 'ekonomi (kewangan)'. Sejak menerima gaji daripada titik peluh kerjaya saya, tidak pernah saya mempunyai simpanan walaupun \$1,000.00 dalam buku akaun bank saya sejak berstatus pekerja 'makan gaji'. Setiap bulan gaji saya tanpa baki. Saya di-himpit oleh bebanan hutang peribadi, kereta, rumah, pemimpin NGO dan tuntutan sara hidup selaku warga kota yang penuh cabaran.

Sebelum wang gaji bulanan sampai ke tangan saya, pertama-tama, pihak Kewangan Kerajaan sudah memastikan potongan loan kereta, loan rumah, 25% Kurnia Elaun Sara Hidup, sewa menduduki rumah sewa kerajaan. Kedua, pihak bank pula membuat potongan loan peribadi dan akhirnya saya hanya menerima kurang 1/3 daripada 'gaji pokok' setiap bulan yang tercatat dalam slip gaji saya. Minggu pertama saya dan keluarga akan berbelanja menggunakan wang kertas bernilai ratus, minggu kedua akan menggunakan wang kertas bernilai puluhan, minggu ketiga akan mula menggunakan wang kertas ringgit dan minggu terakhir akan mulai mengorek tabung dan menggunakan wang ringgit dan 'wang syiling'. Dan akhir bulan wang gaji saya kakis tanpa baki. Cuma baki \$50.00 yang ditahan oleh pihak bank.

Mujurlah Allah mengurniakan saya isteri yang terbaik, taat pada suami dan menyayangi anak-anak (saya menikmati syurga rumah tangga sejak menikah hingga sekarang dan semoga sampai bila-bila, itulah harapan dan doa kami sekeluarga). Walaupun hidup dalam kesederhanaan, kekurangan dan sekali-sekala dipukul badai tauhan cabaran hidup, namun hidup kami tetap harmoni. Dan paling istimewa ialah pernikahan kami adalah atas dasar 'Cinta Pertama'. Ini yang tiada nilainya! Isteri saya adalah sumber inspirasi. Walaupun isteri saya tidak bekerja, iaitu berstatus DO (Dapur Officer), saya berbangga kerana anak-anak dapat perhatian ibunya dan saya, tanpa anasir 'Orang Asing',

Oleh Anak Kedayan, UBD

SIRI MOTIVASI : "Ubah Sikap Awda dan Awda Merubah Hidup Awda"

walaupun saya sentiasa kerja lebih membantu kerja rumah seperti mencuci pakaian dan mengemas rumah jika terluang waktu. Sepanjang hidup bersama, tidak pernah isteri saya 'angkat suara', meminta wang ringgit, apa lagi emas berbungkal. Kami berkongsi hidup dengan baki pendapatan saya yang berstatus 'miskin' itu. (Maksud miskin dalam Islam ialah perbelanjaan keperluan asas melebihi daripada pendapatan. Seperti pendapatan sehati \$10.00, perbelanjaan asas \$13.00. Maksudnya tidak mencukupi).

Kami reda pada kurnia dan ujian Allah. Mujur juga isteri saya pandai menabung, dan saya selalu yakin ketika saya sudah tidak punya wang, dengan lemah lembut dan kasih sayang isteri saya pasti akan menghulurkan wang sedaranya. Dia pandai berhemat dan berjimat. Dialah yang selalu menyelamatkan keadaan saat saya sudah 'kepumpungan', kiap kaung' (kocek kosong). Saya akan bertanya secara baibun: "Lai ada usin dari langit?" atau "Lai ada usin magic?"

Kadang-kadang saat genting begini ada telefon dari Jabatan Penerangan atau Dewan Bahasa dan Pustaka. "Haji dapat kita ke pejabat. Ada voucher pembayaran untuk kita, ni." Yang paling seronok, walaupun voucher, tetapi ia dibayar langsung dengan wang tunai. Saya sering menghantar penulisan saya berupa sajak, cerpen dan rencana ke dua institusi ini sebagai sumbangan pemikiran, di samping itu mendapat imbuhan. Nilai sajak saya kadang-kadang turun naik, ikut kualiti. Sejak penulisan pertama saya diberikan ganjaran (1981) hingga hari ini, jika dikumpulkan sudah melebihi \$10,000.00. Walaupun bidang penulisan di negara ini belum dapat menjamin kehidupan penulis tanah air, kecuali jour-

nalisis atau wartawan yang 'makan gaji', apa lagi untuk menjadi 'penulis jutawan' atau 'book-seller'. Beberapa penulis tanah air sudah mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti SEA Write Awards, Mastera, MABBIMS, mempunyai Ijazah Ph.D dan bergelar Doktor atau 'Profesor Madya', namun mereka masih di tahap 'penulisan sebagai sumbangsih' bukan 'penulisan untuk periklis nasi' atau 'menjadi jutawan'. Mereka boleh dianggap sebagai 'profesional' dalam bidang penulisan. Sebab itulah penulis tanah air tidak begitu 'ghairah' dengan 'royalti hasil penulisan'. Mereka sudah bersyukur hasil tulisan dan karya mereka 'diterbitkan' dan 'dibaca oleh pembaca'. Dengan kata lain, hasil penulisan hanyalah sebagai batu loncatan dan wadah untuk publisiti penulisan, 'bonus tambahan' yang bermusim dan platform untuk mengukir nama. Bukan untuk nara sumber sara hidup individu atau 'keluarga'.

Walaupun hidup dalam serba kesederhanaan dan serba kekurangan, isteri saya dan anak-anak tidak pernah meminta lebih. Waima, wang belanja sekolah, anak-anak saya tidak pernah meminta. Jika saya memberi wang sekolah pada minggu pertama persekolahan atau bila-bila masa saya ada wang lebih, 'muka mereka ceria', kecuali ada surat atau arahan guru di sekolah, barulah mereka buka mulut untuk minta wang.

Beginilah keadaan saya dan keluarga hingga sekarang. Saya tidak mempunyai simpanan untuk masa hadapan. Jika apa-apa terjadi, saya akan jatuh fakir dan naif sekali. Dan tentulah anak isteri saya akan menderita. Wal'iyazu-billahi minnzaaliqu. Kemiskinan saya dan keluarga saya adalah disebabkan kesilapan saya sebenarnya. Iaitu 'mangsa' Gali Lobang Tutup

Lobang' sebenarnya 'Meng-gali Lobang Kubur Sendiri' sebelum ajal menjemput. Miskin kami ada harta, boleh digolongkan sebagai 'masyarakat pertengahan'. Cuma saya tidak pandai menabung dan simpan duit. Saya agak boros orangnya. Terutama jika berbelanja membeli buku bermutu, biar saya ikat perut. Setiap bulan wang gaji habis kakis tanpa meninggalkan baki yang banyak. Seringgit dua adalah...Cuma isteri saya yang pandai simpan, tetapi itu pun cuma sementara kerana tuntutan sara hidup kami melebihi pendapatan. Itu pun tidak besar sangat. Tidak lebih \$500.00 (belanja dapur) dan lain-lain keperluan sosial. Walau apa-pun, Tuhan Rabbul Jalil Maha Kaya dan Maha Penyayang. Saya dan keluarga tetap boleh bertahan dan survive kerana saya selaku ketua keluarga tidak pernah menyerah. Walaupun berstatus 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.' Mungkin inilah yang digelar 'miskin zaman moden' atau 'kemiskinan alaf baru'. Zahirnya sahaja nampak hidup bergaya dan mewah: punya rumah bagus, kereta bagus, pakaian bagus, gaji bagus, penampilan bagus, tetapi poket kosong! Gaya hidup orang berada, tetapi dalam hidup papa kedana!

Walaupun hidup saya selalu dilanda kesempatan 'kewangan', saya tidak pasrah pada nasib. Saya menggunakan bakat saya dalam penulisan kreatif untuk menulis sajak, cerpen dan rencana untuk akhbar dan majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka serta Jabatan Penerangan. Kedua-dua media inilah penyambung kehidupan saya sekeluarga. Walaupun tidak senasib penulis mapan yang 'established' seperti di luar negara, namun royalti yang diberikan sungguh bermakna dalam hidup saya sekeluarga. Sekurang-kurangnya dapat menampung perbelanjaan 'tambahan' keluarga. Ibarat 'nasi tambah lah'.

Setelah banyak memba-

KAMI reda pada kurnia dan ujian Allah. Mujur juga isteri saya pandai menabung, dan saya selalu yakin ketika saya sudah tidak punya wang, dengan lemah lembut dan kasih sayang isteri saya pasti akan menghulurkan wang sedaranya. Dia pandai berhemat dan berjimat. Dialah yang selalu menyelamatkan keadaan saat saya sudah 'kepumpungan', kiap kaung' (kocek kosong). Saya akan bertanya secara baibun: "Lai ada usin dari langit?" atau "Lai ada usin magic?"

SIKAP AWDA ADALAH SEGALANYA

SIRI PERTAMA

ca dan membeli buku-buku bertaraf 'best-seller' dalam jurusan kepimpinan, percaya diri, ekonomi, keusahawanan, MLM, 'berfikir boleh menjadi kaya', pelaburan, pengumpulan aset, Juara dan Wira kewangan dan kekayaan sebenarnya. Dari hari ke hari saya 'menyedari' dan 'menginsafi' diri saya telah mengamalkan pelan hidup yang 'salah' yang telah dilalui oleh ayah dan ibu saya, juga datuk nenek moyangnya selama ini. Iaitu pelan kehidupan 50/50/50/50 yang akan saya hurai kemudian. Saya kian menyedari ini adalah 'pewarisan' atau 'peniruan' pelan kehidupan yang 'kurang bijak' dan tidak keterlaluan dikatakan 'salah' kerana hidup saya dengan ibu, bapa, datuk-nenek moyang saya tidak jauh berbeza, dan tidak 'berhijrah' serta 'tidak berubah' daripada hidup 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' kepada kehidupan yang senang, mewah, kaya raya, jutawan dan seumpamanya. Bedanya cuma 'saya kini memiliki Ijazah Sarjana Muda' selaku generasi ketiga satu-satunya. Tetapi nasib saya belum berubah sebagaimana saya impikan. Iaitu bebas masa dan wang!

Kalaupun begini nasib (salah sendiri) seorang graduan yang sudah mempunyai pekerjaan tetap, apatah lagi nasib pelajar tercicir dan graduan menganggur? Sudah pasti cabaran dan isunya lebih parah. Mungkin pada awalnya mereka masih menjadi isu individu, tetapi setelah jumlah mereka semakin ramai, ia mungkin menjadi isu sosial, masyarakat dan negara.

"HINA BESI KERANA KARAT, HINA MANUSIA KERANA MISKIN!"

Benar kata pepatah: "Hina besi kerana karat, hina manusia kerana miskin!". Ayah saya akan mengatakan: Wang adalah kekuatan dan kekuasaan! Ayah miskin akan mengatakan: Wang adalah akar segala kejahatan. (Kerana malu mengaku miskin). Dan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mengatakan: "Kefakiran hampir-hampir membawa kekefuran!"

Kerana hutang diri hina! Kerana hutang diri dibina! Kerana hutang saudara benci! Kerana hutang kawan lari! Hutang dan miskin adalah kembar sejati! Orang miskin, berhutang! Orang kaya, berhutang jadi miskin! Orang miskin berhutang kerana miskin. Orang kaya jadi miskin

kerana berhutang.

Suatu ketika saya pernah merasa miskin kerana 'mufliis' disebabkan 'orang lain'. Wang gaji saya habis dipotong kerana, loan peribadi, loan kereta...dan saat yang paling 'ngeri' dalam hidup saya 'makan gaji' ialah gaji dipotong lagi kerana 'menjadi penjamin' loan kereta kepada dua 'orang lain'. Yang satu 'dibuang' kerja kerana 'kesalahan syarie', yang satu lagi 'kereta ditarik ejen' kerana tidak terbayar dan paling sadis, dia sudah 'bersara' dan dilebel 'mufliis'. Selama hampir dua tahun gaji saya dipotong dan bakinya hanya \$50.00 sebulan. Saya sendiri ada lima orang tanggungan. Bayangkanlah...tidak miskin-mufliis mana? Menangis tidak berair mata. Jadi, kalaulah 'biskita' orang yang terlalu baik hati, jangan 'menjadi penjamin' sebarang pinjaman atau perkara yang 'berisiko' tinggi. Akhirnya 'menjerut leher sendiri'. Cukup...cukup... Bukan saja saya pernah 'kena', saya juga pernah 'menjebak' (secara tidak dijangka) teman baik saya yang budiman, dermawan, 'setia kawan', yang tidak dijangkakan akan terjadi musibah ini, kerana saya gagal menunaikan janji sehingga hutang saya itu tertangguh hingga saat ini kerana akibat kemufliisan saya itu (walau macamanapun, saya iktizam jika ada wang nanti saya akan melunaskannya, walaupun 'nasi sudah basi'). Saya akan 'tebus' dosa-dosa saya padanya...walaupun tidak akan dapat 'menghapus' parut lukanya. Kerana peristiwa ini hubungan intim kami retak walaupun tidak pecah...

Selama lebih dua tahun saya dan keluarga hidup dalam kemiskinan dan mufliis tetapi saya tidak pernah 'meminta-minta' selain 'berhutang'. Meminta-minta adalah berbeza dengan berhutang. Meminta-minta, adalah seperti pengemis, tidak akan bayar balik. Tetapi status orang berhutang agak tinggi sedikit daripada pengemis kerana hutang ' mesti dibayar'. Dalam saya dan keluarga hidup kemiskinan, orang tua dan mertua saya 'tidak pernah mengetahuinya' kerana agak 'mustahil' saya yang bergaji agak lumayan, boleh jadi 'mufliis'. Kalau 'tidak kecukupan' itu mereka faham. Kerana al-maklum anak agak ramai dan hidup di bandar adalah mencabar. Segalanya adalah wang. Sayur daun lemiding, pucuk ubi kayu dan cili padi pun kena beli. Sedang semua

itu boleh didapati percuma jika hidup di kampung.

Jadi bagaimanakah saya dan keluarga dapat survive dan hidup nampak seperti biasa? Saya dan isteri tidak pernah mengadu-adu pada keluarga tentang 'nasib' kami. Sebab segalanya berpunca daripada 'kelalaian' saya selaku ketua keluarga mentadbir ekonomi keluarga. Kerana hutang marwah melayang! Walau apa pun, syukur Alhamdulillah, saya dikurniakan bakat dalam bidang penulisan. Saya juga mengajar Kelas Al-Quran Kanak-kanak dan dewasa di masjid dan rumah perseorangan. Elaun, saguhati mengajar dan royalti penulisanlah yang dapat memberikan nafas kepada kehidupan saya dan keluarga saya untuk selama lebih dua tahun. Rumah yang saya bina atas tapak Tanah Kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (tanah kena bayar sebanyak B\$13,000 melalui potongan gaji - kini sudah 'langsa', Alhamdulillah), hingga saat ini, belum dapat saya dan keluarga pindahkan kerana kesilapan saya 'tidak pandai kira dan baca sebut harga kontraktor' yang membina rumah saya. Saya optimis kerana kontraktor yang saya pilih adalah 'bangsa' saya sendiri dan 'kawan baik' saya. Kerja pembinaan kontraktor memang siap 97%, tetapi beberapa bahagian penting rumah saya itu rupanya 'excluded' di dalam sebut harga yang 'berbahasa Penjajah' itu. Seperti 'cornice', 'drive-way', 'indoor stairs hand-grill', 'excluded!' Saya fikir 'included'. Saya terperangkap dengan sebut harga yang 'murah'. Sedangkan saya 'berkepercayaan' bahawa setiap rumah yang dibina pasti 100% lengkap dan siap. Tuan rumah hanya tahu 'pindah'. Kini sudah hampir 10 bulan rumah saya 'nampak siap' tetapi tidak boleh dipindahkan. Insya-Allah, jika tidak ada aral-gundalanya, dua ke tiga bulan lagi saya akan berusaha 'menabung' dan menyalipkan rumah saya.

Bukan tidak berusaha selama ini, tetapi usaha saya untuk membuat pinjaman 'perumahan' melalui bank tempatan 'gagal' kerana 'tidak memenuhi syarat'.

Saya terpaksa mencari alternatif lain iaitu menabung dan mempertajam pena saya

Dari muka 8

dalam bidang penulisan. Kerana menyedari bakat saya dalam bidang penulisan, saya kini berazam untuk mengasah bakat dengan banyak membaca buku-buku oleh penulis mapan yang menempah nama di arena antarabangsa. Mengagumi kehebatan pena-raya mereka, berputik dan tersisip dalam 'impian' saya. Saya ingin menjejaki 'kesuahan' mereka. Saya akan melahirkan sebuah buku yang berpaksikan sebuah hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam, bermaksud: "Digalakkan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan persepuluh daripada rezeki". (Hadis Riwayat Al-Bukhari). Insyallah. Dan bersemi dalam senuburi saya, saya akan menulis buku demi buku sehingga saya menemukan status dan mahkota 'best-seller'. Amin.

BERSARA: SYURGA ATAU NERAKA?!

Ayah saya memohon untuk bersara pada usia 55 tahun daripada jawatan Ketua Kampung. Beliau nekad untuk tidak mahu bekerja dengan sektor awam lagi dan mau berikar walaupun dalam keadaan sedang dibebani oleh hutang mengunggul, sehingga beliau dilebel 'mufliis'. Beliau turun-naik mahkamah hingga kini kerana pelbagai pihak menuntut dan mendakwa hutang-piutang beliau. Walau apa pun, beliau tidak pernah melibatkan anak-bini. Cuma sebahagian harta hasil kringannya terdai dan terbengkalai. Sedikit sebanyak terkena juga anak bini akan tempiasnya. Selaku anak, kami merasa hiba juga kerana tidak dapat membantu melangsaikan hutang-piutang beliau yang mungkin berjumlah retusan ribu.

INDUSTRI MLM TIDAK PILIH BULU

Kini ayah saya semakin kukuh dalam mengejar impiannya untuk mencapai kejayaan dalam perusahaan MLM (Multi-Level Marketing). Cuma perusahaan MLM sahaja masih membuka jalan dan peluang untuk beliau merubah nasibnya kerana institusi kerajaan dan kewangan sudah melebel hitamkan beliau seorang 'mufliis'. Iaitu ibarat 'bangkai bernyawa'. Hidup segan mati tak mahu. 'Kebebasan dan kemerdekaan' urusan kehidupan beliau selaku manusia biasa, atau 'rakyat biasa' telah 'dikawal dan ditentukan oleh pihak lain', iaitu undang-undang negara dan lainnya. Hina kan selaku seorang warga 'mufliis'?

Senario masyarakat zaman sekarang, kadang-kadang sudahpun bersara, pesara terus diambil bekerja atau si pesara masih memohon untuk bekerja. Sampai bilakah isu pengangguran bagi generasi baru akan selesai? Menunggu hari 'bersara' adalah seperti menunggu 'bom masa meledak', sungguh 'mengerikan' ramai pekerja di sektor awam dan swasta. Begitulah nasib kebanyakan orang di negara 'kaya raya' ini. Terlalu bergantung kepada pihak kerajaan dan 'kuria'. Rakyat dan penduduk di negara ini juga pernah 'dilebalkan' oleh pemerhati ekonomi sebagai 'masyarakat yang suka berhutang'. Sesuai

dengan lagu yang liriknya berbunyi: 'Gali lubang, tutup lubang!' Bilakah masanya generasi baru akan 'perkasa' melepaskan diri daripada 'kepompom' kehidupan 'makan gaji', 'suka berhutang' ini untuk 'berhijrah' kepada kehidupan 'berdikari' dan 'berniaga sendiri'. Sedangkan dalam perniagaan sudah dinyatakan sebagai 9/10 pintu rezeki, dan 1/10 adalah pintu rezeki dari sumber lain. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam bermaksud: "Digalakkan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan persepuluh daripada rezeki". (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Saya teringat akan kisah seorang teman yang baru bersara. Semasa di akhir umur persaraannya ia bermacam sudah bosan bekerja dan begitu 'ghairah' menunggu saat bersara. 'Kalau aku bersara nanti, akan kubongkar segala isi perutku selama ini, biar semua merah muka dan kena, baru puas hatiku' dendam hatinya. Ia sudah tidak serasi dengan pegawai atasannya. Dia bertekad untuk meluahkan segala dendamnya kepada pihak teratas termasuk Pak Menteri hingga Pegawai di jabatannya. Seorang pentadbir yang boleh digelar 'antik' kerana sudah lama 'makan gaji'. Tetapi beliau tidak pernah dilantik untuk menjawab jawatan yang hanya setapak lebih tinggi daripada jabatannya selama ini untuk menjadi seorang Pegawai Kanan. Kekosongan jawatan itu diisi oleh seorang 'graduannya' yang mentah, belum pernah mentadbir, apa lagi menjadi Pentadbir. Cuma pemegang Ijazah Serjana Muda jurusan Pentadbiran dan Dasar Awam. Teman saya juga. Teman saya yang antik itu naik berang, dalam diam, dalam dendam ia protes. Mau menang sendiri. Ia tidak mau diarahkan dan kini tersisih dan bekerja ikut rasa sendiri. Datang dan pulang kerja ikut waktunya sendiri.

Selama ini, dengan berlatarbelakangkan sikap ego, menang sendiri, mulut besar, perut besar, maka ia semakin hanyut dengan alamnya sendiri. Apabila beliau bersara, beliau 'membantai', mengkritik, 'mengutuk' atasannya dan Jabatannya habis-habisan. "Sekarang saya sudah bersara, saya orang bebas, merdeka! Saya boleh cakap apa saja." Tetapi aneh bin pelik, tidak sampai tiga purnama, beliau 'sintak cakap', beliau menulis surat, merayu minta belas kasihan untuk 'jawatan bersesuaian' kerana wang baksis sudah kakis, pencen 55% tidak mampu menyara hidup keluarga 'selusin'. Beliau seperti 'menjilat kembali air ludah sendiri!' Pelik kan? Anda merasa pelik, tak? Saya lagi pelik?

Kenapakah beliau tidak memilih bidang lain, seperti perniagaan SME's atau MLM. Modal sedikit tetapi berbaloi dengan usaha, tenaga, masa dan hasil.

Saya tidak akan merasa pelik bin ajaib jika 'para pesara' kembali bekerja atau bertugas kerana 'diambil balik' atau 'masih diperlukan' (maksudnya: sangat diperlukan) oleh kementerian atau jabatan. Bukan memohon kembali bekerja, merayu atau 'menjilat air ludah kembali'. Di mana harga diri selaku hamba Allah yang dijadikan sebaik-baik makhluk?

Allah Taala melantik kita selaku 'khalifah' di muka bumi. Bukan sebagai 'sampah' di muka bumi. Setelah lebih 30 tahun bekerja 'makan gaji', kenapa seseorang 'pesara' tidak perkasa untuk merubah 'nasibnya' dalam bidang lain untuk merubah kehidupan. Kenapa konsep 'hijrah' tidak kita amalkan dan hayati dalam hidup kita. Iaitu berubah daripada tidak baik kepada baik dan lebih baik, daripada cukup-cukup makan kepada lebih untuk makan dan melimpah ruah.

Beberapa hari lepas saya bertemu saudara sebelah bapa saya dalam majlis kedua, iaitu majlis kenduri arwah nenek lelaki saya. Iaitu nenek sebelah bapa yang baru kembali ke rahmatullah. Saya bertanya khabar dan apakah masih bekerja? Beliau menjawab sudah bersara sejak beberapa bulan lalu. Sekarang apa 'business'? Tanya saya lagi. Beliau menjawab bekerja jadi 'jaga malam' di tempat bekasnya bertugas. Saya cuba hendak menebakannya agar melibatkan diri dalam MLM. Jawabnya anda ada duit, anda ada masa, dan dia sudah banyak keluar masuk MLM dan merasa ditipu oleh beberapa MLM yang juga 'datang dan pergi'. Saya cuba memberikan persepsi positif tentang industri MLM. Beliau menjawab sinis: "Eh, muak ku sudah membuat 'Jualan Langsung' ani eh. Anda jua memberi kaya. Biar tah ku bekerja macam ani, bulan-bulan dapat gaji." Mun kau kan kaya, kau saja tah membuat MLM itu. Malas tah ku ingau! Saya merasakan di majlis ini bukan waktu dan situasi yang tepat untuk berdiskusi berat mengenai MLM. Apa lagi dalam situasi dan berhadapan dengan seorang pesara dan 'penganut kerja makan gaji' yang sudah ekstrem dan fanatik. Saya menuntut (sementara) dialog itu sebagai salam perkenalan untuk pertemuan akan datang. Insyallah.

Demikian halnya para belia dan graduan yang kini sedang menghadapi fenomena dan krisis 'pengangguran'. Kenapa masih memilih kerja? Atau apakah benar sektor kerajaan dan swasta kini menghadapi sindrom 'kurang

dan tidak ada peluang pekerjaan bersesuaian'. Atau tidak ada kekosongan. Jikalau fenomena ini berterusan, apakah para 'penganggur' akan terus 'menganggur'. Dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286, Allah berfirman, tafsirnya: "Allah Tidak membebaskan seseorang melainkan menurut kemampuannya". Riwayat At-Tabrani, bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bermaksud: "Sesungguhnya Allah mewajibkan kepada kamu berusaha (bekerja), maka oleh sebab itu hendaklah kamu bersifat rajin berusaha." Al-Baihaqi meriwayatkan bahawa Abdullah bin Zubair berkata: "Orang yang amat celaka hidupnya di muka bumi Allah ini ialah orang yang menganggur."

Sekitar tahun 90-an, Negara Brunei Darussalam mula merasakan bahang ekonomi 'merundum'. Dan ambang abad ke 21, negara tercinta ini digegarkan dan digemparkan dengan krisis kegawatan ekonomi yang melanda rantau ASEAN pada tahun 1998 dan kejatuhan pelaburan ekonomi negara yang mengakibatkan puluhan bilion wang khazanah negara atas kesilapan manusia. Sehingga kini bahang krisis itu masih mencengkam nasib masa hadapan Negara Brunei Darussalam. Kehidupan rakyat dan status negara yang dahulunya dikenali sebagai warga emas dan 'negara kaya', kini semakin pudar dan 'sadau'. Walaupun negara dilanda krisis ekonomi, majoriti rakyat negara ini masih belum 'palak mata' sepenuhnya dan masih serta semakin mengharap dan 'memintaminta' kurnia Sultan dan bantuan kerajaan. Bilakah fenomena ini akan berakhir. Tenaga asing semakin 'melambak' dan mencurah-curah datang dan pergi dari negara ini mengisi kekosongan pekerjaan buruh dan buruh kasar yang 'dibenci' oleh penduduk peribumi.

Sejak bermula ambang abad ke 21, Negara Brunei Darussalam telah mengimport lebih kurang 70 ribu pakar, profesional dan pekerja asing. Kehadiran para pakar dan profesional tidaklah begitu menghairankan. Tetapi kehadiran para pekerja kolar biru, buruh biasa, buruh kasar dan jaminan bebas amatlah membimbangkan dan pelik. Pihak kerajaan heboh pasal 'pengangguran' dan 'kekurangan peluang pekerjaan' tetapi kebanyakan pekerja dan buruh asing masih mencurah-curah. Isu pengangguran sebenarnya masalah atau isu siapa? Kenapa? Bagaimana? Adakah benar benar 'tiada peluang pekerjaan' atau 'segelintir orang Brunei' masih hendak tidur lena, dibuat Mimpi Mat Jenin dan 'masih manja' atau 'dimanjakan'. Sampai bilakah 'manja dan kemanjaan' ini akan berkekal? Atau ada-

kah ia kekal atau sementara sahaja? Atau akan berakhir? Wallahu'alam. Bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang akan menentukan nasib dan hala tuju negaranya. Sama ada 'up' atau 'down'. Terus menikmati kesenangan dan kesejahteraan atau akan menerima nasib malang menjadi sebuah negara dan bangsa sebagaimana 'kota dan bangsa Roma'.

Kita sudah sedia maklum, dunia sekarang sudah 'tanpa sempadan', globalisasi dan 'pintu terbuka'. Jika anak peribumi, khusus 'peribumi Brunei' masih lalai, leka, alpa, tidak mustahil 'Barunei Tua' yang khabarnya mempunyai teluk rantau dan jajahan pesisir seluruh Kepulauan Borneo hingga ke Mindanao, Sulawesi akan menjadi 'setapak' dan 'Sekenggang Kera'. Mungkin juga akan 'hirna' dari peta dunia dan bergelar sebuah 'Babilon'. Kerana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Kefikiran hampir-hampir membawa kekufuran." Allah Taala akan menarik segala kenikmatan, kesenangan dan kesejahteraan jika sesebuah negara atau bangsa 'tidak bersyukur'. Sebab itulah seluruh warga negara tercinta ini sewajarnya memikir, bertindak dan berpandangan jauh ke hadapan demi mengekalkan untung-nasib Brunei agar kekal karat selaku negara merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan falsafah MIB (Melayu Islam Beraja) dan berpaksikan Al-Quran dan Al-Sunnah serta mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Ke arah itu seluruh rakyat mestilah mendokong hasrat pihak kerajaan ke arah memakmurkan negara dengan usaha gigih-titi 'mempelbagai sumber ekonomi negara'. Dalam ehwal untung nasib bangsa dan negara saya tidak akan bercerita ala penglipur-lara, ala metos, ala drama, teater atau filem, tetapi saya akan melihat dan merasakannya sebagai 'suatu sejarah masa hadapan', kerana 'sejarah' tidak pernah 'berbohong'. (Walaupun ramai ahli dan penulis sejarah yang banyak bohong). Sebab itulah 'Sejarah Brunei' akan 'kekakabur fakta' kerana segolongan ahli sejarah peribumi dan asing 'cuba mereka cipta fakta sejarah negara ini' menurut persepsi dan 'calak' mereka. Orang jujur dan 'tidak ada kepentingan' sahaja akan dapat 'mencatatkan sejarah Brunei yang setepat dan semestinya mungkin'. Wallahu'alam.

Sebab itulah setiap individu rakyat negara ini perlu mencipta sejarah sendiri. Dalam kehidupan, apakah Awda Golongan 95% ataupun Golongan 5%?

APAKAH AWDA GOLONGAN 95% ATAU GOLONGAN 5%?

Ramai manusia terpegangkap dalam kelaziman hidup yang sukar diubah kerana mereka terjat dalam pusungan kekecewaan kewangan. Pekerja makan gaji tidak begitu maju ke hadapan...tetapi mereka hanya cukup-cukup makan. Sama ada mereka merupakan Insan No. Satu Negara, seperti seorang Presiden, Perdana Menteri, Menteri, Maharaja, Raja, King atau Queen, mereka sebenarnya memiliki pen-

dapatan: 'Cukup-cukup makan' dengan 'Pendapatan Pertama'. Tetapi kenapa mereka nampak mewah dan berlagak "multi-billionaire?", tidak lain tidak bukan adalah melalui 'Pendapatan Kedua'. Sebagaimana kata orang biasa "Tandatangan para pemimpin bernilai emas dan berlian". Cuba kita perhatikan Data Purata Gaji Tahunan Bagi Pekerjaan di USA (1996):

i) Presiden USA \$200,000, ii) Doktor \$141,000, iii) Peguam Korporat \$85,000, iv) Akauntan \$39,000; v) Guru Sekolah Menengah \$33,000, vi) Wartawan \$32,000, vii) Ejen Pelancongan \$28,000, viii) Pegawai Gereja/Paderi, \$23,000, ix) Pekerja Pencuci Hospital \$17,000, x) Setiausaha \$16,000, xi) Kerani Jualan \$10,000

Adakah awda terkejut dengan perbandingan kerja anda dengan orang lain di seluruh negara? Betapa jauh jarak bumi dengan langit antara gaji kita dengan para menteri, kan? Tetapi kita akan lebih 'terganga' dengan 'insan luar biasa yang berkecimpung dalam perusahaan dan perniagaan mega yang Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sabdakan 9/10 khazanah rezeki, seperti Bill Gates yang berpendapatan AS\$400 juta seminggu! Hebat luar biasa, kan? Bill Gates adalah seorang tercir dari pada maktab. Sebagai Pengerusi Microsoft, beliau menjadi manusia terkaya di dunia! Bagaimana pula nasib para graduan penganggur (penganggur terhormat) kita? Tidakkah ingin biskita mencuba nasib dan menggunakan ilmu yang biskita dapati di universiti? Pokoknya alih hala tuju dan alih 'set-minda' biskita. Jangan menjadi 'pengguna' tetapi beralih kepada 'seorang inventor (perekayasa)'. Anda pasti akan merubah nasib anda dari seorang insan biasa kepada insan luar biasa!

Beberapa pekerjaan mulia yang boleh mengurangkan cabaran kehidupan, seperti pekerjaan pelayan restoran, jurujual, juruwang, buruh binaan, pemotong rumput, penjual sate, pekebun, penternak, nelayan, penjual sayur-sayuran, kini dimonopoli oleh pekerja asing. Jikalau kekosongan ini diisi oleh anak tempatan, istilah pengangguran tidak akan wujud di Negara Brunei Darussalam. Tidak berair-berpinarkah mata kita ('nangis') bila melihat 'gagak hitam' berbasikal membong-ceng sebuah mesin rumput keliling kampung dan mukim memotong rumput halaman rumah kita dan 'meletak harga tinggi'? Tidak hibakah kita melihat ibu kota dipenuhi sesaki oleh gagak hitam dan kelawar coklat berambut keriting setiap hari gaji, lepak dan mengepit gadis, janda, anak bini, duda teruna bangsa kita. Dan mereka berbaris-ber-Q dipusat 'pengiriman wang'? Di mana bangsa kita sekarang? Ke mana bangsa kita hendak tuju? "Tepuk dada tanya selera".

Saya bukan seorang ahli telipati, ahli nujum, futuristik, apa lagi seorang 'dreamer' seperti Napoleon Hill, Abraham Lincoln, Hanry Ford, Thomas Edison, Junior Bush, Mahathir Muhammad atau Nelson Mandela. Saya bukan sasterawan yang pandai berateater atau berdiang-

dangan tentang nasib bangsa, cuma saya hanya cuba memberi inspirasi kepada diri saya sendiri dan kitani selaku warga Brunei, untuk sama-sama berfikir, melaksana dan merealisasikan. Saya tidak petah berbicara sastera dalam pembicaraan soal untung-nasib bangsa. Dengan hanya bersajak, bercerpen, bernoel, atau bersyair, berdiangdangan, isu bangsa dan negara tidak akan pernah selesai. Kita mestilah penuh iltizam dan kecintaan dalam sama-sama membangun bangsa dan negara. Khusus dalam usaha membela dan membangun nasib belia hari ini. Daripada belia yang dilebel isu, masalah dan sampah masyarakat kepada belia-jaya, belia usahawan, belia karyawan dan belia jutawan. Kini sudah wujud 'Dasar Belia Negara'. Para belia negara sudah mempunyai candik dan pasak yang kukuh dalam membela dan memperjuangkan untung nasib masa hadapan mereka. Belia hari ini pemangkin generasi masa hadapan. Rebah bangun dan hidup mati sesebuah bangsa dan negara berpijak kepada rebah bangun dan hidup mati 'belia' bangsa dan negara.

Kata Napoleon Hill: "Lakukanlah sesuatu yang mustahil menjadi boleh (tidak mustahil) untuk mencapai kejayaan". Dengan kata lain 'insan biasa melakukan sesuatu yang luar biasa'.

Masa depan anda adalah apa yang anda lakukan, bukan apa yang anda fikirkan!

Kata seorang negarawan: "Jangan tanya apa negara telah lakukan untuk anda, tetapi tanyalah apa yang anda telah lakukan untuk negara".

Cuba kita hayati keadaan kewangan bagi kebanyakan rakyat Amerika pada umur 65 tahun:

100 ORANG RAKYAT BIASA AMERIKA SYARIKAT PADA UMUR 65 TAHUN

Orang	Taraf Hidup
1	Kaya
4	Bebas hutang
5	Masih bekerja
36	Telah meninggal Dunia
54	Mufliis dan bergantung kepada orang lain.

Bagaimana pula dengan anda? Adakah anda berstatus golongan 5% atau 95%. Saya dan kita semua penuh yakin dan percaya bahawa ramai manusia inginkan cara hidup yang lebih baik untuk diri mereka dan keluarga mereka sebelum menemui ajal. Tetapi apakah anda sudah berbuat yang terbaik untuk menuju ke arah itu? Jika belum, anda kena ubah hala tuju dan fokus kehidupan anda.

John Foster berkata, dua perkara yang amat diperlukan pada masa kini: Pertama, golongan yang kaya perlu mengkaji bagaimana golongan yang miskin hidup; dan kedua, golongan yang miskin perlu mengkaji bagaimana golongan kaya berjaya.

bersambung

RIMBA GADONG, 16 Disember. - Ketua kampung merupakan nara sumber, pakar rujukan dan 'focal person' dalam menangani dan menjadikan sebuah kampung hidup bermasyarakat, faham-memahami, hormat-menghormati dan sentiasa bantu-membantu di antara satu dengan yang lain ke arah solidariti dan permuafakatan yang utuh dalam menjaga semua bidang dan kegiatan masyarakat.

"Sebagai seorang ketua kampung lebih-lebih lagi yang baru dilantik sudah menjadi tanggungjawab mereka dalam mengendalikan apa jua masalah kampung terutama sekali masalah-masalah sosial yang sentiasa melanda negara ini seperti penyalahgunaan dadah, jenayah yang berleluasa, pergaulan bebas yang boleh membawa kepada keburukan, perbuatan-perbuatan suam, perjudian dan lain-lain," jelas Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail yang juga selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Sijil Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong.

Majlis berlangsung di rumah Ketua Kampung yang baru dilantik, Awang Haji Asli bin Haji Abdul Latif di Kampung Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba di sini.

Dato Paduka seterusnya menjelaskan dengan adanya ketua kampung dan masyarakat yang matang sesebuah kampung itu akan dapat mencapai keharmonian dan kesejahteraan ummah yang boleh membentuk masyarakat yang aman damai, tolong-memolong, bantu-membantu serta memeduli akan hal-ehwal masyarakat dengan baik dan sempurna tanpa menghadapi gejala-gejala yang boleh merosakkan sesebuah masyarakat dan kampung serta

Oleh Ak. Jefferi PD

negara.

Dato Paduka juga mengingatkan kepada ketua kampung yang baru dilantik agar menyedari bahawa beliau merupakan nahkoda kapal, manakala penduduk-penduduk kampung tersebut adalah kelasi atau penumpang kapal dan sekiranya beliau tidak dapat membawa kapal tersebut ke destinasi yang dikehendaki maka akan pincang dan rosaklah sesebuah masyarakat yang dikendalikannya.

Menurut Dato Paduka sebagai ketua kampung yang baru, memang difahami Awang Haji Asli masih baru untuk mentadbir sebuah kampung, di mana beliau perlu belajar dari kesilapan, belajar dari perjalanan pentadbiran dan akan sentiasa menempuh risiko-risiko dari masa ke semasa.

Dato Paduka menekankan memang disedari tugas sebagai ketua kampung adalah sulit dan mencabar kerana berdeamping rapat dengan manusia sejagat, orang-orang kampung, anak-anak buah, jiran-jiran, sahabat handai dan lain-lain dari itu untuk memudahkan lagi kerja beliau disarankan agar akan memantapkan lagi peranan Ahli Jawatankuasa Perundingan Kampung dengan melantik mereka yang benar-benar boleh diharap, boleh melakukan kerja-kerja masyarakat dan perkampungan yang membolehkan kita mencapai tujuan dan hasrat murni yang diimpikan.

"Walau apa pun yang terjadi yang penting ialah sejauh mana masyarakat ini dapat bekerjasama, tolong-memolong, bantu-membantu serta memeduli akan hal-ehwal masyarakat dengan baik dan sempurna tanpa menghadapi gejala-gejala yang boleh merosakkan sesebuah masyarakat dan kampung serta

Ketua kampung nara sumber kepada anak buahnya



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun menyampaikan sijil kepada Awang Haji Asli bin Haji Abdul Latif, Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara, (RPN) Kampung Rimba (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka merasmikan papan tanda bagi Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Rimba. - Gambar oleh Ramli Tengah.



madani, unggul dan utuh.

Awang Haji Asli bin Abdul Latif dilahirkan pada 8 Disember 1958 berusia 44 tahun sebelumnya berkhidmat di Jabatan Lembaga Bandaran sebelum dipilih sebagai Ketua Kampung Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba dan merupakan ketua kampung yang pertama menjawat jawatan ketua kampung berkenaan.

Sejak kampung tersebut diduduki pada tahun 1999, keramaian penduduk di kawasan berkenaan meningkat kepada seribu orang kebanyakannya berkhidmat dengan kerajaan.

Majlis pada malam tersebut juga diselenggarakan dengan penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Rimba, membaca ikrar Ketua Kampung dan menandatangani Ikrar Ketua Kampung, diikuti dengan perasmian papan tanda Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Rimba oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara.



Ahli-ahli PITA diseru tingkatkan usaha perladangan

Oleh
Abu Bakar HAR

perkhemahan yang berlangsung selama tiga hari itu beliau berharap akan mendatangkan banyak faedah dan pengalaman kepada golongan muda sebagai penerus serta pewaris setelah sekian lama diusahakan oleh golongan tua.

Seruan itu dibuat oleh Pengiran Dato Paduka Haji Mustafa di Majlis Perasmian Perkhemahan Belia Ladang anjuran bersama Koperasi Ladang Komunal PITA Berhad (KLKP) Persatuan Ikatan Tanah Jambu (PITA) yang berlangsung di Bangunan Ladang Komunal PITA Berhad di sini.

Di negara maju mereka yang dikategorikan sebagai peladang ini terdiri dari orang-orang kaya kerana hasil yang diusahakan itu merupakan sumber pendapatan mereka namun di negara ini katanya, masih belum dapat mencapai kepada sasaran berkenaan dalam masa yang pendek akan tetapi ianya tidak mustahil dapat dicapai di masa akan datang.

Menyentuh mengenai

Katanya, perkhemahan itu tentunya akan meningkatkan pengetahuan serta memberi pendekatan dan pengalaman kepada golongan belia dalam mengurus serta mengendalikan ladang.

Menurut Pengerusi KLKP, Awang Haji Muhammad, bengkel yang diadakan itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada belia kampung berkenaan

khususnya dalam perladangan, di samping memupuk semangat terhadap usaha-usaha orang tua mereka yang dibuat selama ini.

Sepanjang bengkel diadakan para peserta juga mendengar taklimat oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian dan Badan Industri Kemajuan Brunei (BINA), di samping mengadakan atur cara lawatan ke Daerah Temburong.



PENGIRAN Dato Paduka Haji Mustafa (duduk empat dari kiri) ketika hadir merasmikan Perkhemahan Belia Ladang anjuran bersama Koperasi Ladang Komunal PITA Berhad. - Gambar oleh Halim HS.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun merasmikan jeti di Kampung Sungai Lampai. - Gambar oleh Haji Mohd. Raffee HMY.

Syarikat Haji Piut dan Anak-anak wakafkan jeti

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Disember. - Ke arah memberikan kesejahteraan orang ramai untuk tujuan turun dan naik, Syarikat Haji Piut bin Haji Mahrup dan Anak-anak telah memberikan sumbangan membina sebuah jeti di Kampung Sungai Lampai.


Majlis perasmian jeti yang menelan belanja B\$50 ribu dirasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Harun bin Haji Ismail, bertempat di jeti berkenaan.

Hadir sama di majlis perasmian itu ialah Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Tanjung.

Jeti sepanjang kira-kira 50 kaki itu mula dibina pada 27 Ogos 2002 dan siap pembinaannya pada 20 November 2002.

Dengan terbinanya jeti itu akan memberikan kemudahan kepada orang ramai turun naik dari Kampung Ayer ke darat dan sebagainya.

Sultan Bolkliah yang disebutkan suka berangkat ke luar negeri dengan menggunakan 'ajung' dan keberangkatan itu disertai dengan Nobat dan Gendang Kebesaran Diraja, sehingga baginda masyhur dengan sebutan 'Anakhuda Ragam' atau 'Nakhoda Ragam'. Dasar pemerintahan, baginda sentiasa mengutamakan keadilan.¹ Dengan sebab itu banyak negeri atau tempat yang baginda singgahi tunduk kerana hen-



Pengiran Anak Cucu
 Besar Saiful Rijal ibnu
 Pengiran Bendahara
 Pengiran Muda Besar
 Muhammad Tajuddin
 yang ditimbang-timbang un-
 tuk menjadi Sultan dipeli-
 hara oleh Pengiran Muda

Sejarah Sultan-Sultan Brunei menaiki takhta

Adalah diriwayatkan, Sultan Abdul Kahar ketika itu baharulah teringat akan kedudukan baginda sebagai pengganti Sultan yang sementara sahaja kerana takhta kerajaan yang baginda pegang itu adalah

Pada zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal, dalam bulan April 1578 Brunei telah diserang oleh Sepanyol yang di Manila dan serangan itu termasuk dengan sebutan 'Perang Kastila'.⁵ Kejayaan Sepanyol itu hampir-hampir menjadikan Brunei jajahan Sepanyol, tetapi dalam jangka masa yang singkat, iaitu 72 hari⁶ Angkatan Tentera Brunei yang diketuai oleh Pengiran Bendahara Sakam⁷ ibnu Sultan Abdul Kahar, telah berjaya mengusir Angkatan Sepanyol itu keluar daripada Brunei. Serangan Angkatan Sepanyol itu dibantu oleh dua orang pembesar Brunei yang bernama Pengiran Seri Lela dan Pengiran Seri Ratna yang menjadi tali barut Sepanyol.⁸ Menurut sejarah lisan Pengiran Seri Lela dan Pengiran Seri Ratna ini belot kerana kedua-duanya telah kecewa, disebabkan anak mereka semasa dalam persandingan perkahwinan direbut oleh Pengiran Bendahara Sakam. Maka keadaan ini dijadikan kesempatan oleh pihak

**OLEH YANG DIMULIAKAN PEHIN
JAWATAN DALAM SERI MAHARAJA
DATO SERI UTAMA DR. HAJI AWANG
MOHD. JAMIL AL-SUFRI**

Memandangkan kepada jasa yang telah disembahkan oleh Pengiran Bendahara Sakam dalam mempertahankan kedau-

Tersebut dalam Boxer Codex³ bahawa Sultan Saiful Rijal telah menabalkan putera baginda yang bernama Raja Brunei (Shah Brunei) menjadi bakal pengganti baginda, manakala baginda menjadi

"Ini kubur Al-Marhum yang dirahmati yang syahid Sultan yang alim, yang adil, yang disokong yang dimenangkan, dinamakan Maharaja Brunei yang diliputi dengan rahmat Allah dan keredaan-Nya dan Allah berselawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian keluarga Baginda."

Bersambung

5. Brown, C.C., 'Two Ming Texts ...', h. 222.
6. Baginda berkahwin dengan adik Ong Sum Ping dan pernah menjadi kepala utusan Brunei ke China (lihat Sultan-Sultan Brunei, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1995, h. 1).
7. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei : Sejarah Awal* ...,h. 94.
8. Bin Ajlan bin Rumaithah bin Muhammad Abu Numaie Al-Awwal bin Abu Saad Al-Hasan bin Ali Al-Akbar bin Abu Aziz Qutadah bin Idris bin Muta'en bin Abdul Karim bin Isa bin Al-Husain bin Sulaiman bin Ali bin Abdullah Al-Akbar bin Muhammad Ath-Thah'ir' bin Musa Ath-Thani bin Abdullah Ash-Sheikh Saleh bin Musa Al-Jau Abdul Hassan bin Abdullah Al-Muhudh bin Al-Hasan Al-Muthana bin Al-Hasan As-Sibu bin Sayidina Ali bin Abi Talib. (Lihat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarsilah Brunei : Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 2001, h. 89).
9. Sweeney, P.L.A (ed), 'Silsilah Raja-Raja Berunai' h.11.

- Menurut catatan China, selepas TM 1425, iaitu pada zaman pemerintahan Huan-te, hubungan antara Brunei dengan China telah renggang. Keadaan ini mungkin disebabkan pertukaran dasar Sultan yang memerintah. Bagaimanapun, hubungan perdagangan antara kedua belah pihak terus berjalan dengan baik. (Lihat Pehin Jawatan Dalam Seri Mahajaya Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Survival Brunei : Dari Perspektif Sejarah*, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1997 h. 18).
- Seperti yang disebutkan dalam Lampiran B.
- Sultan Sharif Ali yang terkenal nama 'Paduka Seri Sultan Berkat' (lihat Sweeney, P. L. A. (ed), 'Silsilah Raja-Raja Brunai' h. 11), telah lindung pada malam Khamis, bulan Jamadilawal 836 bersamaan bulan Disember 1432, dan dimakamkan di Kota Batu (lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tarikh Brunei : Sejarah Awal* h.122). Lampiran C.
- Sweeney, P.L.A. (ed), 'Silsilah Raja-Raja Brunai', h.12. Dalam Hikayat Hang Tuah, Sultan Sulaiman ini dirujuk sebagai 'Adipati Agung' (lihat Kassim Ahmad (ed), *Hikayat Hang Tuah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, h. 383 - 384). Sementara dalam *Sejarah Melayu*, baginda disebut dengan nama 'Sang Aji Brunai' (lihat Samad Ahmad, A., *Sulatast Salatin (Sejarah Melayu)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984).

1. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tursilah Brunei : Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1971, h. 26 - 27.
2. Al-Quran dan Terjemahannya, Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Al-Quran, Jakarta, 1971, h. 128.
3. Menurut tradisi lisan yang didapati daripada Ampuan Haji Adol @ Abdullah bin Ampuan Damit bin Ampuan Abdul Rahman bin Ampuan Abdul Kahar bin Ampuan Alimuddin bin Ampuan Alimuddin bin Ampuan Sharifuddin bin Ampuan Abdul Kahar bin Ampuan Alimuddin ibnu Sultan Abdul Kahar ibnu Sultan Bolkiah.
4. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tursilah Brunei : Zaman Kegemilangan ..., h. 30 - 31.
5. Menurut tradisi lisan yang didapati daripada Ampuan Haji Adol @ Abdullah bin Ampuan Damit.
6. Turik lindung Sultan Bolkiah ini sebagaimana yang tercatat di batu nisan makam baginda. Lihat Lampiran D.

1. Dalam Salasilah Raja-Raja Brunei, Sultan Abdul Kahar yang juga terkenal dengan nama 'Marhum Keramat' ini disebutkan sebagai Sultan Brunei yang keenam, iaitu selepas Sultan Bolkiah (lihat Sweeney, P.L.A. (ed), 'Silsilah Raja-Raja Borneu', h. 54) Dalam Boxer Codex, Sultan Abdul Kahar ini disebut 'Sultan Ari Luba' (lihat Carrolls, J.S, Borneu in Boxer Codex, JMBRAS Vol. LV Part 2, (1982 h.5) atau Sultan Adilullah. Sementara Antonio Pigafetta dalam laporannya pada TM 1521 menyebut Sultan Abdul Kahar ini dengan nama 'Raja Siripada' (lihat Pigafetta A., 'First Voyage Around The World, Filipiniana Book Guide, Manila, 1969, h. 58).
2. Sultan Abdul Kahar ini lindung dalam TM 1578 ketika berusia 97 tahun (lihat Haji Muhammad Abdul Latif, 'Sultan-Sultan Brunei dan Pentarikhannya : Suatu Tinjauan Awal', Bahagian Pertama, Jurnal Darussalam, Bil. 2, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1995, h. 5 & 108). Layuan baginda dimakamkan di tepi Sungai Brunei (lihat Blair, Emma Helen & Robertson, James Alexander (eds), 'The Philippine Islands 1493 - 1898, Vol. IV Chachos Hermanos Inc., Manila 1973, h. 198) atau Sungai Budu, satu tempat berhampiran dengan Luba.
3. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tarsilah Brunei : Zaman Kegemilangan, 31.
4. Menurut tradisi lisan yang didapati daripada Ampuan Haji Adol@Abdullah bin Ampuan Damit.
5. Lulu dinamakan Ampuan Alauddin iaitu 'Ampuan Menarus' (menurut tradisi lisan yang didapati daripada Ampuan Haji Adol@Abdullah bin Ampuan Damit). Satu daripada batu nisan Sultan-Sultan yang lindung itu ditemui di Perkuburan Islam Jalan Residency, Bandar Seri Begawan.

1. Dalam Boxer Codex, Sultan Saiful Rijal ini disebut dengan nama 'Sultan Nula Alam' atau 'Sultan Nurul Alam' yang juga bergelar 'Sultan Lixar' (lihat Carrolls, J.S., 'Berunai in the Boxer Codex', JMBRAS, Vol. LV, Part 2, 1982, h.2).
2. Semasa dalam kandungan biondaya, puteri ini telah dinobatkan oleh ayahandanya, Sultan Saiful Rijal, dengan disangka putera, tetapi sesudah melaju dan dipati puteri pula. Maka sangkan orang puteri itu menjadi dugu (lihat Sweeney P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunai', h.55) disebabkan atau akibat daripada dia telah dinobatkan itu (lihat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tursilah Brunai : Zaman Kegemilanganh. 93).
3. Dalam Salasilah Raja-Raja Brunai disebutkan bahawa Pengiran Muda Besar Shah Brunel ini telah ditabalkan menjadi Sultan Brunai Kelapan menggantikan ayahandanya (Sultan Saiful Rijal) yang lindung bergelar Sultan Shah Brunel (lihat Sweeney, P.L.A., (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunai', h. 12 & 56). Sementara dalam Boxer Codex, nama Sultan Shah Brunel ini disebut sebagai 'Raja Borney' atau 'Raja Brunai' (lihat Carrolls, J.S., 'Berunai in the Boxer Codex', h.5).
4. Disebutkan dalam Salasilah Raja-Raja Brunai, Pengiran Muda Tengah Muhammad Hasan ini menjadi Sultan Muhammad Hasan (Sultan Brunai Kesembilan) menggantikan kakandanya, Sultan Shah Brunel, Sultan Muhammad Hasan ini juga terkenal dengan sebutan 'Marhum Di Tunjung' (lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunai', h.12 & 56).
5. Blair, Emma Helen & Robertson, James Alexander (eds.), the Philippine Islands 1493 - 1898, h. 163.
6. Sanib Said, "Perang Kastila TM 1578 : Suatu Penelitian Semula", Brunel di tengah-tengah Nusantara : Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunel, Pusat Sejarah, Bandar Seri Begawan, 1994, h.123.
7. Biondaya Puteri Ilanun.
8. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Tursilah Brunai : Zaman Kegemilanganh. 83.

1. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Tersilah Brunei : Zaman Kegemilangan* ..., h. 87.
2. *Ibid.*, h. 88.
3. Carrolls, J.S., 'Brunei in the Boxer Codex', h.5.
4. Batu nisan van dipadapi di Perkuburan Islam Klanggeh, Bandar Seri Begawan. Lihat Lampiran B.

MEMANDANGKAN kepada jasa yang telah disembahkan oleh Pengiran Bendahara Sakam dalam mempertahankan kedaulatan Brunei dan mengusir Angkatan Sepanyol daripada bumi Brunei, maka Sultan Saiful Rijal telah mengurniakan gelaran 'Raja Bendahara' kepadanya iaitu suatu gelaran khas kepada orang yang ditimbang-timbang menjadi pengganti Sultan. Mengikut Salasilah Raja-Raja Brunei, Raja Bendahara Sakam ini telah mangkat terlebih dahulu daripada Sultan Saiful Rijal.

"A

YAH ... bolehkah?" Maria bertanya pada ayahnya, Pak Din.

"Bukan ayah melarang, tetapi ...," suara ayahnya terhent. Dia tidak tahu hendak berkata apa. Maria merasa hampa. Tetapi apakah daya, mereka orang miskin. Perbelanjaan untuk ke universiti bukan sedikit. Untuk membayar yuran, membeli buku, mana lagi nak difikirkan untuk keperluan rumah.

"Ayah, izinkanlah Maria menyambung pelajarannya," Ahmad, abang

Maria bersuara.

"Tetapi mampukah kita Mat?" terdengar suara sayu ayahnya meminta kepastian.

"Insya-Allah, Mat akan cuba membantu yang terdaya."

"Mana sajalah, ayah tidak menghalang," keizinan dari Pak Din menggembirakan hati Maria. Ini bermakna Pak Din dan Ahmad mesti bekerja keras untuk mencari rezeki yang lebih.

Malam itu, Pak Din termenung memikirkan tentang anak-anaknya, Rizal dan Fiqah. Siapa yang akan menjaga makan pakai mereka? Siapa yang akan menjaga mereka jika dia dan Ahmad turun ke laut? Siapa akan menghantar Maria nanti? Siapa akan menjaga tanah sawah dan kebun?

"Apa yang ayah fikirkan lagi?" Ahmad menyapa lembut ayahnya.

"Mat, kalau Maria belajar nanti, siapa akan menjaga makan pakai adik-adikmu?" tanya Pak Din kepada anak sulungnya itu.

"Usahlah difikirkan hal itu ayah, mereka dah besar, pandailah mereka buat sendiri," Ahmad cuba menyenangkan hati ayahnya.

"Nanti siapa akan menghantar Maria belajar?"

"Maria boleh memohon untuk tinggal di asrama," kata Ahmad. Sejurus lepas itu, Maria masuk ke ruang tamu apabila terdengar namanya disebut, sambil membawa minuman.

"Bagaimana kau balik pada hujung minggu nanti Maria?" Ahmad bertanya.

"Mungkin naik bas atau ikut kawan Bang Mat."

Pak Din bersyukur atas kejayaan Maria, begitu juga dengan Ahmad. Kalau tidak tentu kedua-dua anaknya itu akan belajar di universiti yang sama. Setelah ibunya meninggal dunia, Ahmad berhenti separuh jalan.

Ketika itu Ahmad berada di asrama dan dalam persediaan untuk menghadapi peperiksaan. Ahmad memilih untuk pulang ke kampung. Sejak itu, Ahmad berhenti dari universiti dan membantu ayahnya di kampung. Dia tidak mahu ayahnya yang sudah tua itu bekerja keras seorang diri.

"Maria, jaga diri baik-baik, ingat pesan ayah dan jangan lupa sembahyang," Pak Din berpesan.

"Baik ayah," Maria mencium tangan ayahnya.

"Kalau tidak sibuk, pulanglah selalu."

"Baik Bang Mat. Maria pergi dulu ayah, Bang Mat. Assalamualaikum."

"Walaikumassalam."

Selepas bersalaman, Maria menaiki teksi menuju ke bandar. Hanya Pak Din dan Ahmad yang mengiringi perjalanan Maria dengan doa dan restu. Rizal dan Fiqah sudah pergi ke sekolah. Pagi itu mereka tidak turun ke laut. Tetapi mereka bercadang untuk pergi ke sawah dan kebun. Banyak rumput lalang yang tumbuh perlu ditebas untuk menerangi kawasan kebun.

Kebun Pak Din mengeluarkan hasil tanaman yang banyak jika dijaga dengan baik. Arwah isterinya, Mak Semah dan Maria yang rajin menanam benih-benih tanaman dan membajunya sehingga menghasilkan tanaman yang baik dan banyak.

Kini, kebun Pak Din tidak lagi mengeluarkan hasil yang banyak. Lebih-lebih lagi ketika musim tengkujuh.

"Kalau Maria ada, tentu dia dapat membantu kita di kebun."

"Biarlah dia belajar ayah. Biarlah dia merebut peluang yang tak dapat saya capai dulu," semacam ada nada kesal dalam bicaranya. Pak Din memahami keadaan Ahmad. Tetapi dia juga tidak mampu untuk membantu.

Bicara mereka terhenti di situ. Mereka meneruskan mengerjakan kebun itu. Menjelang tengah hari mereka terpaksa pulang, kerana Rizal dan Fiqah pulang dari sekolah. Sepanjang ketiadaan Maria, Pak Din yang memasak untuk anak-anaknya. Fiqah juga turut membantu.

Walaupun masakan Pak Din tidak sama seperti masakan Maria, anak-anaknya tidak pernah merungut. Sebab itu Pak Din hanya memasak cukup untuk mereka berempat,

GERIPEN

OLEH ARIEL J.

nanti membazir. Kalau Maria pulang, dia akan menyuruh masak lebih sedikit. Barulah Pak Din sekeluarga makan agak berselera.

Sudah lebih seminggu Pak Din tak turun ke laut kerana menguruskan tanah sawah dan kebun. Dia bercadang untuk turun ke laut dengan Ahmad. Dia pun menyediakan pukut yang hendak dibawa. Tetapi siapa pula yang akan menjaga Rizal dan Fiqah.

"Mat ... lama sudah kita tidak turun ke laut. Kalau cuaca baik, hari Jumaat ini kita ke laut."

"Baiklah ayah."

"Tapi adik-adikmu bagaimana? Siapa yang akan menjaga?" tanya Pak Din.

"Kita minta tolong Makcik Diah tengok-tengokkan mereka. Lagipun sekejap saja."

"Ha, pergilah beritahu Makcik Diah."

Tanpa berlengah, Ahmad ke rumah Makcik Diah, adik ibunya.

Awal Subuh sudah Pak Din bangun untuk membuat bekal. Selepas sembahyang Subuh, mereka singgah sebentar ke rumah Makcik Diah untuk memberitahu yang mereka akan ke laut.

Mereka berkayuh mencari lubuk yang banyak ikan. Di sana sudah ramai orang melabuh pukut. Ahmad mula menurunkan pukut.

"Ramai juga orang turun ke laut hari ini ayah."

"Cuaca baik, mesti tangkapan pun lumayan." Jangkakan Pak Din betul. Tangkapan ikan agak banyak. Dia bercadang hendak menjualnya di pasar.

"Mat, pilih ikan-ikan yang hendak dijual, yang selebihnya untuk kita," Pak

Din selalunya menjualkan hasil tangkapannya kepada penjual ikan di pasar, Haji Malik, kawan baiknya. Dapatlah sedikit wang untuk perbelanjaan rumah dan persekolahan anak-anaknya.

Waktu petang barulah Pak Din dan Ahmad pulang. Mereka singgah ke rumah Makcik Diah untuk menjemput pulang anak-anaknya. Pak Din memberikan sedikit tangkapan ikan yang diperolehinya.

"Nah Diah, ada ikan lebih sedikit."

"Eh, banyak tangkapan ikan Bang Din," Makcik Diah hendak membayar, tapi ditolak oleh Pak Din. Memang itulah sikapnya, tidak mahu berkira dengan adik ipar sendiri.

Kadang-kadang Makcik Diah merasa kasihan melihat Fiqah dan Rizal yang masih memerlukan kasih sayang seorang ibu. Sebab itulah Makcik Diah suka menjaga mereka dan menganggap anak-anak Pak Din seperti anak sendiri. Lagipun Makcik Diah dan suaminya, Pakcik Kahar, tidak mempunyai anak, walaupun sudah dua puluh tahun berkahwin.

"Ayah, bila kakak balik?" Rizal bertanya.

"Besok mungkin kakak balik. Rizal rindu Kak Maria?" Pak Din tersenyum apabila Rizal menggunkan kepalanya.

"Rindu kakak ke atau rindu masakan kakak?" Fiqah mencelah. Rizal pula tersenyum menyebabkan Pak Din dan Ahmad ketawa.

Cuti semester akan bermula, tentu Maria akan lama pulang ke kampung. Sudah dua tahun Maria di universiti. Ini bermakna dua tahun lagi tamatlah penga-

HASRAT

jiannya. Ahmad yang akan menjemput Maria di stesen bas.

"Assalamualaikum Bang Mat," Maria menyapa abangnya.

"Walaikumussalam. Apa khabar Maria?"

"Maria sihat-sihat saja. Ayah apa khabar?" Itulah sikap Maria setiap kali pulang ke kampung, perkara pertama mesti dia bertanya keadaan ayahnya.

"Ayah pun sihat-sihat saja. Rizal yang rindu sangat pada kau," Maria tersenyum sebab dia juga rindukan adik-adiknya.


Sampai di rumah, Maria mencium tangan ayahnya. Kemudian barulah disambut oleh Fiqah dan Rizal. Pak Din mendidik anak-anaknya dengan didikan agama yang sempurna supaya tidak lupa diri dan ingat kepada Allah.

"Mat, pergi ke tamu membeli sayur-sayuran, ikan, daging. Kita adakan kenduri doa selamat sedikit."

"Baik ayah," Ahmad pun mengambil wang belanja. Fiqah dan Rizal pula disuruh memanggil saudara-mara dan juga jiran-jiran yang berdekatan.

Malam itu, riuh-rendah rumah Pak Din dengan suara kanak-kanak. Makcik Diah yang banyak membantu menguruskan majlis itu. Bacaan doa selamat diba-

SELEPAS bersalaman, Maria menaiki teksi menuju ke bandar. Hanya Pak Din dan Ahmad yang mengiringi perjalanan Maria dengan doa dan restu. Rizal dan Fiqah sudah pergi ke sekolah. Pagi itu mereka tidak turun ke laut. Tetapi mereka bercadang untuk pergi ke sawah dan kebun. Banyak rumput lalang yang tumbuh perlu ditebas untuk menerangi kawasan kebun.



cakan oleh Pak Imam Suhaili.

"Jemputlah makan Pak Imam, silakan," Pak Din mempersilakan para jemputan untuk menikmati jamuan, sementara dia memeriksa mana tahu ada yang kurang. Apabila sudah cukup, barulah dia turut makan.

Selesai majlis itu, para jemputan makin berkurangan pulang ke rumah masing-masing. Maria dan Fiqah membasuh pinggan mangkuk dengan dibantu oleh Makcik Diah. Pakcik Kahar, Pak Din dan Ahmad pula duduk di ruang tamu sambil berbual.

"Mat, ayah bercadang untuk menjual tanah sawah dan kebun kita," Pak Kahar hanya mendengar.

"Kenapa? Ayah kekurangan wang?" Ahmad terkejut dengan keputusan ayahnya itu.

"Bukan begitu, tanah itu kurang mengeluarkan hasil tanaman, daripada terbiar lebih baik dijual," percakapan itu terganggu apabila Makcik Diah bersiap hendak pulang, begitu juga dengan Pakcik Kahar.

"Kami pulang dulu Bang Din. Assalamualaikum," Pak Kahar minta diri.

"Walaikumussalam," Pak Din mengiringi mereka hingga ke pintu. Kemudian Maria masuk ke ruang tamu membawa minuman panas.

Perbincangan tadi terhenti begitu saja. Kalau Maria tahu, tentu dia pun tidak bersetuju.

Selepas meneguk minuman, Pak Din berlalu masuk tidur. Hanya Ahmad dan adik-adiknya masih bangun. Esok, Pak Din dan Ahmad akan membersihkan tanah sawah dan kebun mereka itu.

"Sejak dua tiga hari ini, Bang Mat nampak muram saja. Kenapa?" Maria ikut turun ke kebun sementara ayahnya pergi ke sawah.

"Tak ada apa-apa," tetapi Maria mendesak. Lalu Ahmad pun menceritakan cadangan ayah mereka hendak menjual tanah sawah dan kebun itu. Maria juga tidak bersetuju.

"Seminggu yang lalu, abang ada menerima surat dari Pusat Pertanian yang akan memberi bantuan benih anak-anak pokok buah-buahan untuk memajukan semula tanah kita." Maria tidak tahu hasrat Ahmad untuk memajukan semula kebun mereka.

"Mengapa Bang Mat tak beritahu ayah mengenai hal ini?"

"Abang takut tak berjaya, sebab itu abang malas nak membebaskan ayah. Nanti banyak pula yang dirungsingkannya."

Maria faham, jika terlalu banyak perkara yang hendak difikirkan akan membe-

bankan ayah mereka. Tetapi Ahmad tidak berniat untuk membelakangi orang tuanya. Pulang dari kebun, Ahmad dan Maria cuba berbincang dengan ayah mereka selepas makan malam nanti.

"Ayah, mengenai penjualan tanah sawah dan kebun kita itu," Ahmad memulakan bicara.

"Kenapa?"

"Sebenarnya, Mat ada rancangan untuk memajukan tanah sawah dan kebun kita," Ahmad menerangkan semua apa yang telah dibincangkan dengan Maria kepada Pak Din, sambil menunjukkan surat yang diterimanya. Maria sebagai anak perempuan hanya mendiamkan diri dan mendengarkan.

Setelah mendapat tahu perkara sebenar, barulah Pak Din mengerti dan faham mengapa Ahmad rajin mengerjakan tanah sawah dan kebun mereka itu. Pak Din tidak menghalang, malah menyerahkan semuanya kepada Ahmad untuk melakukan pekerjaan itu.

"Syukurlah kalau ada niat macam tu," Pak Din memberi dorongan.

"Dua tiga hari ini, tak payahlah kita turun ke laut

PUISI

DILEMA

Aku tidak tahu
arah mana harus kutuju
ke kiri atau ke kanan
ke belakang atau ke hadapan
namun hatiku bersuara
selalu memandang ke hadapan
kerana di situ ada harapan.

Aku tidak mengerti
pihak mana harus kuikut
adakah aku di pihak yang benar
atau di pihak yang salah
namun nuraniku berkata
pilih antara dua
kerana tidak boleh memilih keduanya.

Kini aku dalam dilema
kerana aku
tidak boleh memilih semua
lalu aku memohon
hidayat dari-Nya
semoga aku mendapat
pendirian yang teguh.

Arieen. J

BOSAN

Bosan dengan hidup ini
hidup yang telah lama mati
mati yang bernyawa
nyawa pada lahiriah
tidak pada batin
ia tiada punya erti lagi.

Jemunya diri ini
meniti masa yang telah berhenti
tidak mungkin berputar kembali
hanya nadi dan jantung
masih berjalan
jalan yang berpusing-pusing
mengelilingi kebosanan.

Kucuba singkap batin ini
kurobek minda kepala ini
namun masih tiada jawapannya
hanya persoalan menajuh lalu
hati ini kosong
fikiran ini kosong
semuanya kosong tiada apa-apa lagi
apa ertinya semua ini?

Hussein Taha

NEGARAKU - MERDEKA

Hari ini negaraku merdeka
sembilan belas tahun dimerdekakan
tanyalah pada hari
tanyalah pada masa
tanyalah pada bulan
tanyalah pada tahun
dan tanyalah pada diri
apakah erti merdeka
dan kemerdekaan itu.

Tanah dan bendang
laut dan sungai
hutan dan rimba
sudahkah kita harungi?
Apakah kita menyepi
dan menyendiri, terlenu hingga ke hari ini
kita tidak seharusnya menisai-siakan
harapan negara
kerana tanah air adalah tanggungjawab
kita.

Aku ingin mendambakan sebuah sinaran
menyulahi jalan kemerdekaan
meredahi rimba cakerawala
menyungsongi birunya laut
menumbang keringat
itulah warisan kemerdekaan.

Kemana pun kaki melangkah
kita pijak bumi ini
kita dikepung
dan tak boleh lari
dari tanggungjawab pada tanah air.

Hari ini
kita abadikan cinta suci
seluruh dunia tahu
isi di dalamnya tahu
pesisir dan rantau juga tahu
kemerdekaan ini tidak ke mana lagi
itulah kemerdekaan sejati
yang berdaulat dan merdeka.

A.H. Tuah

OH TELUK GUANTANAMO

Hari ini engkau gembira
menerima kedatangan tetamu yang tidak
diundang
kepala botak, janggut dicukur
merekah kelihatan letih sekali.

Perjalanan 12.872 kilometer
27 jam penerbangan ke mari
lebih sehari duduk mencangkung
kepala ditutup kaki dirantai
merekah pucat lesu
entah apa diberikan kepada mereka?

Kasihani anak dunia
hak mereka diketepikan
tapi hati tabah sekali
hanya kepada Tuhan mereka berserah
penderitaan tidak terkira
keluarga entah di mana
negara hancur sudah
dimamah bom dan mortar durjana.

Oh Teluk Guantanamo
kini kamu tidak lagi berduka
bumimu akan hijau ditaburi
keringat suci bersama suara azan
berkumandang memuji lili
berzikir, bertasbeih, bertahlil dan bertakbir
membersihkan kotoran dan kezaliman.

Guantanamo
nama asing kini terpampang di akhbar
dunia
disebut dikenang penjaga polis dunia
angka keganasan yang tiada
diperhitungkan
adakah kamu reda memeluk dosa syaitan
ini?
yang bertopeng manusia berkata mereka
lebih berkuasa
konon penyelamat dunia dan pendamai
bangsa.

Teluk Guantanamo
ini pesan marhaen dunia
jagailah mereka yang duduk di bumimu
redailah kasihnilah mereka
anak-anak menunggu kepulauan mereka.

Helmi Halim

NEKROLOGI

(Dalam kenangan bagi Haji Puasa L.)

Allah Yang Maha Esa
yang tinggal-tinggalkan
meratap air mata duka beradu
sebak yang sangat
menanggung pedih hiba
di tangkai kalbu nani kafah
nestapa di jiwa cupu kencana
kau ya Allahyarham
dijemput kembali ke lubuk asal
Maha Tunggul senyum menanti
mengindera malakut pecut
menghapus hayat
nafas pupus di hujung jarum
penyudah di alam dunia.

Betapa bahagia
saat Jumaat menyuluh tujuh belas Mei
kosong dua ...
indah bantera
di Subuh hening maya.

Sebelum azan Jumaat berkumandang
menara
kau dinyalakan Yaasiin
benderang menyiang jalan lalu
tak terkatakan senyawa
tak terjangkau rasa
lahirmu kelam batin bercahaya
kau tiada deria lagi
segala tinggal-tinggalkan rabaan kasih
di indera maya
berpisah dari jejak fana
material benda bukan kandungannya
erti pun melayang
bisikan dalam kenangan
hatimu yang killi seni berbenang putih
sani yang menjemput kasih
amin, amin ya Rabuul Alamin.

Adi Misere

Dari muka 12

ayah. Mat nak selesaikan
dulu urusan kebun," Ahmad
minta kelonggaran.

"Mana sajalah," Pak Din
faham, kerja-kerja penana-
man benih anak-anak pokok
buah-buahan bukannya
mudah, ia memerlukan pen-
jagaan yang rapi.

"Berbuah nanti bolehlah
kita merasa hasilnya, dapat-
lah juga Mat mengupah dua
tiga orang pekerja."

"Berusahalah bersung-
guh-sungguh. Insyallah
berjaya," Pak Din menepuk-
nepuk bahu Ahmad.

Walaupun Ahmad sering
sibuk di kebun, tetapi dia
tidak mengikut ayahnya
turun ke laut. Manakala
Maria dan adik-adiknya
pergi ke kebun, sama ada
memetik hasil tanaman atau
menguruskan penerimaan
anak-anak pokok.

Kadang-kadang Pak Din
juga turun ke tanah sawah
dan kebun untuk melihat
perkembangan usaha
Ahmad. Pak Din merasa ter-
haru melihat usaha dan
perit jerih anaknya menger-
jakan tanah sawah dan
kebun mereka membuahkan
hasil yang lumayan.

"Maria, kau bila lagi nak
pulang ke asrama?" Pak Din
bertanya sewaktu sedang
berehat di serambi rumah.

"Seminggu lagi ayah,"
Maria menjawab lembut.
Terdengar nada sayu pada
suaranya. Sebenarnya berat
rasa hatinya untuk mening-
galkan ayahnya dalam
keadaan begitu.

Tiga hari yang lalu, Pak
Din terjatuh dari tangga
pondok di kebun mereka
dan kepalanya terhantuk
pada batu. Walaupun sudah
dibawa ke hospital, tetapi
ayahnya yang sudah tua itu
memerlukan rawatan rapi.

Walaupun berat, Maria
terpaksa pergi. Dia minta
tolong dari Makcik Diah
dan Pakcik Kahar untuk
menengok-nengokkan
keadaan ayahnya.

"Jaga diri baik-baik
Maria," Ahmad berpesan
sewaktu menghantar Maria
ke stesen bas. Selalunya
ayahnya yang memberi
nasihat.

"Baik Bang Mat, kirim
salam pada ayah. Assalamu-
alaikum," sambil bersalam-
an tangan.

"Walaikumussalam."
Ahmad mengiringi Maria.
Pemeriksaan Maria kali ini
hanya untuk dua tahun lagi.
Pak Din dan Ahmad berdoa
semoga Maria berjaya.

"Mat, kau tak turun
melawat kebun?"

"Hari masih hujan ayah,
nanti petang barulah Mat ke
kebun," Ahmad tahu, ayah-
nya tidak senang duduk di
rumah tanpa membuat
sebarang kerja.

Sudah lebih lima ming-
gu mereka tak turun ke laut
sejak Pak Din terjatuh dari
tangga. Kini keadaan laut
pula berombak dan cuaca
juga tidak menentu. Pak Din
melihat-lihat pukatnya
mana tahu ada yang hendak
dibaiki.

"Ayah, makan tengah
hari sudah Fiqah sediakan.
Mari kita makan."

"Sebentar. Mat, marilah
makan dulu."

"Baiklah ayah," Rizal
sudah menunggu mereka di
dapur. Fiqah sudah pandai
memasak dan mengemas
rumah. Maria yang menga-
jarnya untuk membuat

kerja-kerja rumah sepanjang
ketiadaannya di kampung.

Kini Pak Din memi-
kirkan tentang Ahmad.
Walaupun sudah berjaya
dalam bidang pertanian, dia
teringin hendak bermenan-
tu. Tetapi dia bimbang,
Ahmad akan menolak
cadangannya. Kalau boleh,
hasratnya hendak meni-
mang cucu termakbul sepe-
ti apa yang pernah diharap-
kan oleh arwah isterinya,
Mak Semah.

Pak Din mencari waktu
yang sesuai untuk membincang-
kan perkara ini. Sebaik
saja Ahmad pulang dari
menjual hasil tanaman di
pasar borong, Pak Din
mengajaknya duduk berbin-
cang.

"Ada apa ayah?" tanya
Ahmad hairan.

"Mat, kau dah dewasa,
begitu juga dengan adik-
adikmu. Tidakkah terbuka
hatimu untuk berumah tang-
ga?" Pak Din merenung
wajah anaknya dengan
kasih sayang. Tetapi Ahmad
hanya membusu seketika,
dia tidak tahu hendak berka-
ta apa.

"Siapalah yang hendak
bersuamikan seorang peke-
bun ayah?"

"Jangan cakap begitu
Mat, lagipun dulu arwah
emak kau teringin hendak
menimang cucu. Ayahlah
penyambung hasratnya,"
Ahmad merasa terharu, dia
masih merindui ibunya.
Kerana sewaktu meninggal
dunia, dia tak sempat
menatap wajah ibunya.

"Bagaimana kalau ayah
jodohkan kau dengan
Salina, anak Pakcik Jali."

"Ha...Lina?"

"Dia mempunyai budi
pekerti yang baik dan
didikan agama yang sem-
purna," memang Ahmad
menyukai sepupunya sejak
di sekolah menengah, tetapi
mahukah Salina menerima
aku? Hatinya bertanya.

"Mana sajalah ayah,"
kata Ahmad. Pakcik Jali
bukan orang lain, dia adalah
abang sebelah ayahnya.

Setelah memilih hari
yang baik, Pak Din, Pakcik
Kahar, Makcik Diah dan
beberapa orang saudara-
mara sebagai rombongan
meminang diketuai oleh Pak
Imam Suhaili, pergi ke
rumah Pakcik Jali di kam-
pung sebelah. Kedatangan
mereka disambut dengan
gembira oleh Pakcik Jali
sekeluarga.

Majlis merisik dimu-
lakan dengan kata-kata
kiasan, diselang-selikan
gurauan dan suara ketawa.
Di samping mengeratkan
tali persaudaraan, ia juga
menimbulkan kembali rasa
kemesraan di kalangan
keluarga yang berjauhan.

"Syukurlah, kata sepakat
sudah dicapai untuk
mengikat tali pertunangan
keduanya. Bila pula peran-
cangan untuk melang-
sungkan perkahwinan?"
tanya Pak Imam Suhaili.

"Kalau tiada apa-apa
halangan, eloklah dilang-
sungkan tahun depan," kata
Pakcik Jali.

"Eloklah tu," Pak Din
bersetuju. Kebetulan pula
Maria akan tamat pengajian
tahun depan.

Ahmad tekun menjaga
tanah sawah dan kebun. Jika
ada kelapangan dan keadaan
cuaca yang mengizinkan,
sekali-sekala Pak Din dan
Ahmad turun ke laut.

Dengan wang simpanan
hasil dari penjualan tana-
mannya, Ahmad mampu

membeli sebuah kereta
sederhana, cukup untuk
kegunaan keluarganya. Jika
ada rezeki lebih, dia
bercadang untuk membe-
sarkan rumah mereka.
Kerana tidak lama lagi,
penghuni rumah itu akan
bertambah.

"Bagaimana penghasi-
lan kebun Mat?"

"Musim ini agak
lumayan ayah." Rezeki
yang diperolehi oleh Ahmad
adalah untuk perbelanjaan
perkahwinan dan juga untuk
masa depan keluarganya.

"Bila kau nak pergi jem-
put Maria?"

"Pukul satu. Kenapa?
Ayah nak ikut ke?"

"Tak apalah, biah ayah
duduk di rumah saja."
Selepas bersalaman, Ahmad
memandu keretanya ke ban-
dar. Sampai di kawasan
asrama universiti, kelihatan
Maria sedang menunggu.
Begitu juga kawan-kawan-
nya yang lain.

"Sudah siap?"

"Sudah Bang Mat.
Tolong angkatkan beg-beg
Maria." Setelah mengucap-
kan selamat tinggal pada
kawan-kawannya, mereka
pulan menuju ke kampung.
Dalam perjalanan pulang,
Maria sempat mengusik
abangnya.

"Kahwin juga Bang Mat
dengan Kak Lina. Duli tak
mahu bersuara."

"Alah ... abang pun tak
tahu dia ada hati pada
abang."

"Eh ... perasaan pula.
Sepatutnya bang Mat yang
bersikap gentlemen, takkan
perigi cari timba." Maria
turut gembira kerana de-
ngan kehadiran orang baru
dalam keluarga mereka,
adalah teman untuk
berbicara.

Sampai di rumah, Maria
disambut oleh ayah dan
adik-adiknya. Sementara
menunggu majlis penyam-
paian ijazah Maria, Pak Din
mencadangkan supaya
Ahmad membuat sedikit
persediaan awal untuk
majlis perkahwinan. Kad
jemputan sudah siap
diedarkan, hanya menunggu
hari saja lagi.

"Maria, majlis penyam-
paian ijazah kau bila?"

"Sebulan lagi ayah,
sebelum majlis perka-
winan bang Mat."

"Kalau begitu kita sela-
jurkan dengan majlis doa
selamat pada majlis perka-
winan itu nanti."

"Baiklah tu ayah, tidak
banyak kerja," Ahmad setu-
ju.

Pak Din merasa
bersyukur dengan kejayaan
anak-anaknya. Ahmad
sudah menjadi seorang
pengusaha tanaman yang
berjaya. Maria sudah tamat
dari universiti. Fiqah akan
masuk ke tingkatan enam.
Rizal pula masuk ke pe-
ringkat sekolah menengah.
Hasratnya untuk melihat
anak-anak berjaya tercapai
juga.

Walaupun banyak rin-
tangan dan halangan hidup
yang dialami, Pak Din tidak
pernah putus asa. Selagi ter-
daya, dia akan berusaha
demam anak-anaknya.

Tiba majlis penyam-
paian ijazah, Maria kemas
berjubah. Terserlah ciri-ciri
sebagai seorang pendidik
bangsa.

"Dayang Maria binti
Budin." Nama Maria
dilaungkan untuk menerima
ijazahnya dari seorang raja
yang amat dikasihi seluruh

rakyat. Pak Din terharu,
kelihatan bergengas air
mata kegembiraan. Kalau
dia menyuruh Maria
berhenti belajar dulu, tentu
dia tidak akan mencapai
kejayaan itu.

"Terima kasih ayah."
Maria mencium tangan Pak
Din dan ucapan anaknya itu
menambahkan rasa pilu di
hatinya. Berkat iringan doa
restu ayahnya, Maria ber-
jaya.

Kini persediaan akhir
untuk majlis perkahwinan
Ahmad sedang rancak di-
jalankan. Mengenai
hiasan pelamin dan pakaian
pengantin, Pak Din se-
rahan pada anak-anak
perempuannya dan juga
Makcik Diah untuk mengu-
ruskannya.

Manakala urusan teratak
pula diuruskan sendiri oleh
Pak Din dan Ahmad, de-
ngan bantuan jiran-jiran
tetangga dan orang-orang
kampung. Rizal juga turut
membantu apa yang ter-
mampu.

"Hai ... orang perem-
puan bila bertemu, ada-ada
saja yang hendak diceri-
takan," Ahmad menyam-
puk.

"Alah...bakal raja sehari,
tentu kerjanya tak berat,
lainlah perempuan," Maria
dan Fiqah ketawa. Ahmad
berlalu meninggalkan mere-
ka. Kalau dilayan sangat
alamat tak siaplah kerja-
kerja lain.

Setelah semuanya siap
sedia, riuhlah rumah Pak
Din dengan bermacam-
macam majlis dan acara
untuk memeriahkan lagi
suasana. Begitu juga halnya
dengan rumah Pakcik Jali di
kampung sebelah.

Majlis Menghantar
Berian diselenggarakan dengan
Majlis Akad Nikah. Hanya
dengan sekali lafaz, sahlah
Salina menjadi isteri
Ahmad.

Ketika menunggu hari
persandingan, jiran tetangga
lelaki, perempuan, tua,
muda, bergotong-royong
memasak hidangan untuk
majlis itu nanti. Sekali-
sekala Maria menjenguk
abangnya di bilik pengantin
yang ditemani oleh Makcik
Diah.

"Hai...bakal raja sehari
mesti senyum selalu, baru
nampak seri pengantin,"
Maria mengusik abangnya.

"Takkan senyum dua
puluh empat jam, nanti
dikata tak betul pula."

"Sudahlah tu Mat. Lebih
baik kau pergi tidur, esok
kena awal bangun," Makcik
Diah meleraikan kedua
beradik itu. Kalau tidak,
sampai besok pun tak habis
mengusik.

Rumah Pakcik Jali riuh-
rendah sewaktu rombongan
pengantin sampai di
perkarangan rumah. Orang
kampung berpusu-pusu
hendak melihat pengantin.
Suara-suara usikan juga
kedengaran menyebabkan
pengantin tersenyum.

"Syukurlah semuanya
dah selesai," Pakcik Jali dan
Pak Din memanjatkan rasa
syukur kepada Allah kerana
majlis perkahwinan anak
mereka berjalan dengan lan-
car.

"Menantu sulunglah
katakan," Pakcik Kahar
menyampuk.

"Dapatlah juga kita
sama-sama menimang
cucu," Pakcik Jali
berseloroh, diikuti dengan
suara ketawa Pak Din dan
Pakcik Kahar.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

